

Bil. S 9

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH TAKAFUL, 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Pengelasan perniagaan takaful dan pengertian sebutan-sebutan kepada perkara-perkara yang berhubungan dengan takaful.

BAHAGIAN II

LANTIKAN PIHAK BERKUASA, ORANG YANG DIBERI KUASA DLL.

4. Lantikan.

BAHAGIAN III

PENGENDALIAN PERNIAGAAN TAKAFUL

Sekatan am ke atas pengendali takaful

5. Kehendak-kehendak untuk menjalankan perniagaan takaful sebagai pengendali takaful.
6. Mengemukakan diri sebagai pengendali takaful.
7. Penggunaan perkataan "takaful" atau "takaful semula".

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

8. Pemeriksaan orang yang disyaki menjalankan perniagaan takaful.

Pendaftaran pengendali takaful

9. Pendaftaran oleh Pihak Berkuasa.
10. Kehendak-kehendak sebelum pendaftaran.
11. Syarat-syarat pendaftaran.
12. Bayaran pendaftaran dan tahunan.
13. Pembatalan pendaftaran.
14. Kesan pembatalan pendaftaran.
15. Larangan terhadap perniagaan takaful yang ada kaitannya dengan pelaburan atau perniagaan takaful anuiti tanpa kebenaran.

Deposit, daftar sijil, dana takaful dan takaful semula

16. Deposit.
17. Waad bank sebagai ganti deposit.
18. Kehendak-kehendak berkaitan dengan produk takaful.
19. Daftar sijil takaful.
20. Mengadakan dan menyelenggara dana takaful dan menguntukkan lebihan.
21. Modal berbayar dan margin kemampubayaran.
22. Peraturan-peraturan berhubung dengan pelaburan aset.
23. Kehendak-kehendak tentang aset dana takaful.
24. Sekatan-sekatan ke atas pembayaran dividen dan pemberian pendahuluan, pinjaman dan kemudahan pembiayaan.
25. Pendedahan kepentingan oleh pengarah.
26. Pengemukaan penyata dan pembubarans transaksi oleh pengendali takaful.
27. Kehendak-kehendak tentang dokumen yang membuktikan hakmilik terhadap aset dana takaful.

28. Mengadakan dan menyelenggara dana skim jaminan takaful dan pembayaran wang dari dana itu.
29. Penguatkuasaan kehendak-kehendak tentang daftar sijil dan dana takaful dan pembayaran levi oleh pengendali takaful.
30. Takaful semula.

Kehendak-kehendak rampaian tentang pengendalian perniagaan

31. Pembayaran dalam matawang Negara Brunei Darussalam wang sijil di bawah sijil takaful keluarga.
32. Pengambilan risiko oleh pengendali takaful dan pemungutan dan pengembalian balik sumbangan.
33. Lantikan aktuari.
34. Pengawalseliaan sumbangan di bawah sijil takaful keluarga.
35. Notis berhubung dengan bukti umur.
36. Salah nyata umur dan tidak mengelakkan sijil.
37. Bantahan terhadap sijil takaful keluarga.
38. Kawalan borang cadangan, sijil dan risalah.
39. Pernyataan, janji atau ramalan yang mengelirukan yang mendorong orang untuk membuat kontrak takaful.
40. Kehendak-kehendak tentang prospektus dan penyata modal.
41. Pembukaan kaunter atau pejabat cawangan.
42. Kebenaran untuk melantik pengarah urusan, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai utama yang dicadangkan bagi pengendali takaful.
43. Kebenaran orang yang bercadang hendak menjadi pengawal pengendali takaful jika bab 42(1) tidak dikenakan.
44. Pembatalan kelayakan pengarah urusan, pengarah dll.
45. Kewajipan untuk memberitahu perubahan pengawal, pengarah urusan, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai utama.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

46. Kuasa Pihak Berkuasa untuk menghendaki maklumat, memeriksa buku-buku dll.

Perantara takaful

47. Ejen takaful hendaklah bertindak hanya bagi pengendali takaful yang berhak menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.
48. Pengenaan bab 46 kepada ejen takaful.
49. Pendaftaran ejen takaful.
50. Pendedahan oleh perantara takaful sebelum kontrak dibuat.
51. Perantara takaful dalam transaksi takaful.
52. Broker takaful hendaklah bertindak hanya bagi pengendali takaful yang berhak menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.
53. Pengenaan bab-bab 42 hingga 46 kepada broker takaful.
54. Pendaftaran broker takaful.
55. Broker takaful dalam transaksi takaful.
56. Akaun sumbangan pemberkeran takaful.
57. Pendaftaran adjuster.
58. Pemeriksaan orang yang disyaki bertindak atau mengemukakan dirinya sebagai broker takaful, perantara takaful atau adjuster.
59. Perkecualian bagi kesahan sijil takaful.

BAHAGIAN IV

PENYATA, PEMERIKSAAN DAN PENYIASATAN, PENGGULUNGAN DAN PEMINDAHAN PERNIAGAAN

Penyata

60. Akaun tahunan dan audit.
61. Penyiasatan dan laporan aktuari tentang perniagaan takaful keluarga.

62. Kuasa untuk menghendaki supaya penyata di bawah bab-bab 60 atau 61 dibetulkan.
63. Peruntukan-peruntukan tambahan tentang penyata di bawah bab-bab 60 atau 61.
64. Penyata perubahan dalam butir-butir pendaftaran.

Pemeriksaan dan penyiasatan

65. Pemeriksaan dan penyiasatan urusan pengendali takaful.
66. Kuasa Pihak Berkuasa untuk mengeluarkan arahan.

Penggulungan

67. Peruntukan-peruntukan am tentang penggulungan.

Pemindahan perniagaan

68. Peruntukan khas bagi pengendali takaful yang diarahkan untuk menghentikan perniagaan takaful.
69. Keutamaan tuntutan peserta.
70. Skim bagi pemindahan perniagaan.
71. Pengesahan skim.
72. Dokumen-dokumen hendaklah difailkan apabila skim disahkan.

BAHAGIAN V

AM

Pentadbiran dan penguatkuasaan

73. Pengecualian.
74. Laporan tahunan.
75. Statistik.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

76. Penyampaian notis.
77. Kerahsiaan dan hukuman.
78. Pengenalan pegawai.
79. Peruntukan-peruntukan am tentang kesalahan.
80. Pendakwaan.

Pindaan rampaian undang-undang

81. Nasihat Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah.
82. Kepentingan boleh insurans dikehendaki bagi perniagaan takaful keluarga.
83. Keupayaan budak untuk menyertai.
84. Butir-butir hendaklah dinyatakan dalam sijil takaful keluarga.
85. Wang sijil takaful keluarga hendaklah dibayar tanpa potongan.
86. Sijil takaful keluarga {penyerahan; tidak membayar sumbangsan; sijil berbayar}.
87. Pembayaran tuntutan sijil takaful keluarga dan sijil kemalangan diri tanpa probet dll.
88. Pengetahuan dan pernyataan oleh ejen yang dibenarkan hendaklah dianggap pengetahuan dan pernyataan oleh pengendali takaful.
89. Pengenaan undang-undang lain.

Tambahan

90. Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan.
91. Peraturan-peraturan.
92. Peruntukan-peruntukan peralihan.

**JADUAL PERTAMA – TAKRIFAN PERUSAHAAN "SEKUTU",
"INDUK" DAN "SUBSIDIARI"**

JADUAL KEDUA – TAKRIFAN ISTILAH TAKAFUL

**JADUAL KETIGA – ASET NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG DIBENARKAN
UNTUK DANA TAKAFUL**

JADUAL KEEMPAT – PENYATA OLEH PENGENDALI TAKAFUL

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH TAKAFUL, 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Takaful, 2008 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan notis dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi permulaan kuatkuasa peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini atau bagi maksud-maksud yang berlainan peruntukan yang sama.

(3) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi mengawalselia perniagaan takaful di Negara Brunei Darussalam dan bagi maksud-maksud lain yang berkaitan dengannya atau berhubung dengan takaful".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini —

"tempoh perakaunan", berkenaan dengan mana-mana pengendali takaful, bermakna tempoh di mana pengendali takaful menyediakan akaun-akaun perniagaan takaful yang dijalankan olehnya di Negara Brunei Darussalam; tetapi, melainkan jika dalam sebarang hal tertentu Pihak Berkuasa membenarkan akaun-akaun tersebut disediakan bagi suatu tempoh yang lebih lama atau lebih pendek, tiap-tiap tempoh perakaunan di mana akaun-akaun tersebut belum disediakan sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini adalah tempoh satu tahun yang

bermula dari perniagaan itu dimulakan atau dari penghujung tempoh perakaunan yang terdahulu, dan "tempoh perakaunan permulaan", berkenaan dengan mana-mana pengendali takaful yang sedia ada, bermakna tempoh perakaunan yang bermula dari 1hb Januari, 2008, atau, jika pengendali takaful itu tiada mempunyai tempoh perakaunan tersebut, tempoh perakaunan pertama yang bermula selepas itu;

"aktuari" bermakna Fellow Institut Aktuari di England, Fellow Fakulti Aktuari di Scotland, Fellow Pertubuhan Aktuari di Amerika Syarikat atau Fellow Institut Aktuari Kanada, Institut Aktuari Australia atau mana-mana orang yang memegang suatu kelayakan yang sama dan dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa sebagai seorang aktuari bagi maksud-maksud Perintah ini;

"ajuster" bermakna mana-mana orang yang untuk pampasan, fee, komisen atau gaji menyiasat dan berunding untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang timbul di bawah kontrak-kontrak takaful, semata-mata bagi pihak sama ada pengendali takaful atau peserta;

"anuiti" bermakna hak mendapat satu siri pembayaran berkala pada selangan waktu satu tahun atau kurang di bawah suatu kontrak dengan takaful keluarga;

"Pihak Berkuasa" bermakna orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 4(1) sebagai Pihak Berkuasa bagi maksud-maksud Perintah ini;

"komisen" bermakna suatu amaun atau suatu manfaat bukan dalam bentuk wang, sama ada dinyatakan sebagai suatu peratusan sumbangan atau tidak, yang dipersetujui untuk dibayar oleh pengendali takaful kepada broker takaful atau perantara takaful termasuk fee pengenal;

"syarikat" bermakna suatu syarikat yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat (Penggal 39);

"sumbangan" bermakna amaun takaful yang kena dibayar oleh seseorang peserta;

"buku resit sumbangan" termasuk apa-apa buku atau dokumen yang dipegang oleh peserta yang dicatatkan di dalamnya pengakuan penerimaan sumbangan yang kena dibayar berkaitan dengan sijil;

"pengawal" hendaklah ditafsirkan menurut Bahagian II Jadual Pertama;

"sedia ada" bermakna sedia ada sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

"takaful keluarga" bermakna takaful bagi memberi bantuan dan pertolongan kewangan kepada seseorang peserta dan keluarganya sekiranya berlaku kematian ke atasnya akibat dari kemalangan atau dia hilang upaya;

"tahun kewangan", berkenaan dengan pengendali takaful berdaftar, bermakna tempoh di mana pengendali takaful berdaftar menyediakan akaun-akaun perniagaannya yang merupakan tempoh satu tahun yang dikira dari mula menjalankan perniagaan atau dari penghujung tahun kewangan sebelumnya mengikut mana yang berkenaan, atau tempoh yang lebih lama atau lebih pendek sebagaimana yang mungkin dibenarkan pada masa tertentu oleh Pihak Berkuasa berkenaan dengan pengendali takaful berdaftar tertentu;

"takaful am" bermakna takaful bagi memberi bantuan dan pertolongan kewangan kepada seseorang peserta sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan pada harta, aset atau badannya kerana sesuatu malapetaka atau bencana seperti kebakaran, banjir, kemalangan;

"Hukum Syara'" bermakna Undang-Undang Islam menurut Ahlis Sunnah Wal Jamaah mengikut Mazhab Shafi'ee, Hanafi, Maliki atau Hanbali;

"Menteri" bermakna Menteri Kewangan;

"pendapatan sumbang bersih", berkenaan dengan suatu tahun kewangan, bermakna sumbangan yang kena diterima di bawah kontrak takaful atau takaful semula selepas memotong apa-apa sumbangan yang kena dibayar bagi takaful semula yang diaturkan berkaitan dengan kontrak takaful atau takaful semula itu;

"perusahaan induk" hendaklah ditafsirkan menurut Bahagian III Jadual Pertama;

"peserta" termasuk, jika suatu sijil telah diserah hak, penerima hak pada masa itu dan, jika mereka berhak mendapat manfaat dari sijil itu terhadap pengendali takaful, wakil diri seseorang peserta yang telah mati;

"pegawai utama" bermakna seseorang, dengan gelaran apa pun juga dipanggil, yang dilantik oleh pengendali takaful dan diberi tanggungjawab untuk mengurus urusan pengendali takaful itu;

"peraturan-peraturan" bermakna peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 91(1);

"takaful semula" bermakna suatu penyusunan selaras dengan prinsip-prinsip takaful yang sihat bagi liabiliti yang ditakaful semula berkaitan dengan risiko-risiko yang ditanggung atau akan ditanggung oleh pengendali takaful semasa menjalankan perniagaan takafulnya;

"deposit takaful semula" bermakna suatu amaun yang didepositkan dengan atau disimpan oleh pengendali takaful dengan cara jaminan bagi perlaksanaan kontrak-kontrak takaful semula oleh pengendali takaful semula berkaitan dengan liabiliti yang ditanggung oleh pengendali takaful; dan termasuk sebarang amaun yang sama yang disimpan oleh suatu cawangan perniagaan pengendali takaful di Negara Brunei Darussalam untuk suatu cawangan di luar Negara Brunei Darussalam (ibu pejabat suatu perniagaan bagi maksud ini disifatkan sebagai suatu cawangan);

"kunci kira-kira berkanun" dan "penilaian berkanun" masing-masing bermakna suatu kunci kira-kira yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa bagi mematuhi bab 60(1), dan suatu penilaian di mana keputusan ditunjukkan dalam kunci kira-kira penilaian yang diserahkan kepadanya atas suatu penyiasatan aktuari yang dibuat bagi mematuhi bab 61(1); sebarang sebutan kepada kunci kira-kira berkanun terakhir atau penilaian berkanun terakhir hendaklah ditafsirkan sebagai merujuk kepada yang terakhir disediakan atau dibuat dan tidak diganti dengan tibanya tarikh sehingga kunci kira-kira berkanun lain atau penilaian berkanun lain disediakan atau dibuat; sebarang sebutan kepada yang ada ditunjukkan dalam kunci kira-kira berkanun atau penilaian berkanun suatu lebihan aset dari liabiliti suatu dana takaful hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya dengan merujuk kepada borang kunci kira-kira atau kunci kira-kira penilaian yang ditetapkan dan aturan-aturan yang akan diikuti di bawah Perintah ini dan peraturan-peraturannya dalam menyediakannya;

"perusahaan subsidiari" (dan sebutan-sebutan kepada suatu subsidiari) hendaklah ditafsirkan menurut Bahagian III Jadual Pertama;

"Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah" bermakna Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah yang ditubuhkan oleh bab 3 dari Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006 (S 16/08);

"takaful" bermakna suatu skim menurut Hukum Syara' yang berasaskan kepada persaudaraan, perpaduan dan pertolongan bersama yang mengadakan peruntukan bagi bantuan dan pertolongan bersama kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju secara bersama untuk membuat sumbangan bagi tujuan tersebut;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

"ejen takaful" bermakna seseorang yang melakukan semua atau mana-mana yang berikut —

- (a) mendapatkan atau memperolehi sesuatu cadangan takaful bagi pihak pengendali takaful;
- (b) menawarkan atau mula bertindak bagi pihak pengendali takaful dalam merundingkan sesuatu sijil;
- (c) melakukan apa-apa perbuatan bagi pihak pengendali takaful berkenaan dengan pengeluaran, pembaharuan atau penyambungan sesuatu sijil;

"broker takaful" bermakna mana-mana syarikat yang, untuk pampasan sebagai seorang kontraktor bebas, dalam apa jua cara mendapatkan, merundingkan atau memperolehi kontrak-kontrak takaful atau pembaharuan atau penyambungannya bagi pihak pengendali takaful selain daripada dirinya sendiri;

"perniagaan takaful" termasuk perniagaan takaful yang matlamat dan pengendaliannya adalah menurut Hukum Syara';

"sijil takaful" termasuk sebarang kontrak takaful bagi perniagaan takaful keluarga atau perniagaan takaful am sama ada atau tidak terkandung di dalam atau dibuktikan dalam suatu suratcara yang berbentuk sijil, dan sebutan-sebutan kepada mengeluarkan suatu sijil hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya; sebutan-sebutan kepada suatu sijil pengendali takaful termasuk sebarang sijil yang berkaitan dengannya pengendali takaful berada di bawah sebarang liabiliti, sama ada sijil-sijil telah dikeluarkan oleh pengendali takaful atau liabiliti tersebut telah dipindahkan kepada pengendali takaful itu oleh pengendali takaful lain;

"perantara takaful" bermakna seseorang yang, sebagai seorang ejen, broker atau ajuster bagi seorang pengendali takaful atau lebih atau sebagai seorang ejen, broker atau ajuster bagi seorang peserta atau bakal peserta, mengaturkan kontrak-kontrak takaful;

"pengendali takaful" bermakna pengendali takaful yang telah didaftarkan oleh Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini;

"perusahaan" hendaklah ditafsirkan menurut Bahagian III Jadual Pertama;

"sumbangan bertulis" bermakna sumbangan kasar dalam tempoh perakaunan berkaitan dengan sijil-sijil Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan, dan takaful semula yang diterima yang dicatatkan dalam daftar, yang dikurangkan dengan pulangan sumbangan dan sumbangan berkaitan dengan takaful semula atas sijil-sijil Negara Brunei Darussalam yang diserahkan dalam tempoh perakaunan kepada pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini, dan hanya berkaitan dengan perniagaan takaful am.

(2) Sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini adalah sebutan-sebutan kepada tarikh permulaan kuatkuasa peruntukan-peruntukan substantif utama Perintah ini.

Pengelasan perniagaan takaful dan pengertian sebutan-sebutan kepada perkara-perkara yang berhubungan dengan takaful.

3. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, perniagaan takaful hendaklah dibahagikan kepada 2 kelas —

(a) perniagaan takaful keluarga yang termasuk, di samping semua perniagaan takaful yang berhubungan dengan sijil-sijil takaful keluarga, dalam hal mana-mana pengendali takaful, sebarang jenis perniagaan takaful yang dijalankan yang hanya bersampungan dengan perniagaan takaful keluarga lain pengendali takaful itu; dan

(b) perniagaan takaful am, iaitu semua perniagaan takaful yang bukan perniagaan takaful keluarga.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, liabiliti yang ditakaful semula di bawah sijil-sijil takaful hendaklah disifatkan sebagai perniagaan takaful dari kelas dan jenis di mana sijil-sijil itu sepatutnya tergolong jika sijil-sijil itu telah dikeluarkan oleh pengendali takaful semula.

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam ceraian-ceraian (1) dan (2), jika Pihak Berkuasa berpuas hati bahawa mana-mana bahagian perniagaan pengendali takaful yang tergolong dalam kelas atau jenis tertentu perniagaan takaful sepatutnya disifatkan dalam hal pengendali takaful itu sebagai tergolong dalam kelas atau jenis lain, maka Pihak Berkuasa boleh mengarahkan supaya ia disifatkan demikian bagi maksud-maksud Perintah ini.

(4) Bagi maksud-maksud Perintah ini, sebutan-sebutan kepada menjalankan perniagaan takaful termasuk menjalankannya melalui seorang ejen, atau sebagai ejen; tetapi "pengendali takaful" tidak termasuk seorang ejen takaful yang sedemikian itu atau pun mempunyai sebutan-sebutan kepada perniagaan yang dilakukan sebagai ejen takaful, dalam hal seseorang yang menjadi pengendali takaful dan juga ejen takaful.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(5) Bagi maksud-maksud Perintah ini, "pengendali takaful" bermakna seseorang yang menjalankan perniagaan takaful sebagai pengendali takaful; dan sebutan-sebutan kepada menjalankan perniagaan takaful, atau sebarang kelas perniagaan takaful, di Negara Brunei Darussalam bermakna penerimaan cadangan bagi, atau pengeluaran, sijil-sijil takaful di Negara Brunei Darussalam atau pemungutan atau penerimaan di Negara Brunei Darussalam sumbangan atas sijil-sijil takaful.

(6) Pengendalian, kecuali untuk keuntungan, sesuatu skim atau penyusunan berkenaan dengan perkhidmatan dalam jawatan-jawatan atau pekerjaan-pekerjaan tertentu, dan mempunyai matlamat atau salah satu matlamatnya bagi mengadakan peruntukan berkaitan dengan orang-orang yang berkhidmat di dalamnya untuk persaraan masa depan atau persaraan separa, atau untuk penamatan perkhidmatan masa depan kerana kematian atau hilang upaya, atau untuk perkara-perkara yang sama, tidak boleh disifatkan bagi maksud-maksud Perintah ini sebagai menjalankan perniagaan takaful.

(7) Takrifan-takrifan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah berkuatkuasa bagi pengertian sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada sijil-sijil takaful, peserta-peserta dan wang-wang sijil.

BAHAGIAN II

LANTIKAN PIHAK BERKUASA, ORANG YANG DIBERI KUASA DLL.

Lantikan.

4. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan pemberitanuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melantik seseorang sebagai Pihak Berkuasa bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Pihak Berkuasa boleh memberi kuasa atau melantik mana-mana orang untuk membantu dalam menjalankan kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini, sama ada pada amnya atau dalam sebarang hal tertentu.

(3) Mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa di bawah ceraian (2) hendaklah dianggap sebagai kakitangan awam bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

BAHAGIAN III

PENGENDALIAN PERNIAGAAN TAKAFUL

Sekatan am ke atas pengendali takaful

Kehendak-kehendak untuk menjalankan perniagaan takaful sebagai pengendali takaful.

5. (1) Tertakluk kepada Perintah ini, tiada sesiapa pun boleh menjalankan sebarang kelas perniagaan takaful di Negara Brunei Darussalam sebagai pengendali takaful melainkan jika dia didaftarkan sebagai suatu syarikat di bawah Akta Syarikat (Penggal 39).

(2) Syarikat itu tidak boleh menjalankan perniagaan takaful keluarga atau perniagaan takaful am di Negara Brunei Darussalam sebagai pengendali takaful melainkan jika —

(a) ia telah didaftarkan di bawah Perintah ini berkaitan dengan kelas perniagaan itu;

(b) ia menyelenggara suatu lebihan aset dari liabiliti tidak kurang dari amaun sebagaimana yang mungkin ditetapkan;

(c) ia mempunyai deposit yang dikehendaki oleh Perintah ini berkaitan dengannya; dan

(d) ia menjadi ahli sebuah persatuan pengendali-pengendali takaful yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa, dengan syarat bahawa perenggan ini tidak akan dikenakan sehingga persatuan tersebut telah ditubuhkan.

(3) Bagi maksud ceraian 2(b), lebihan aset itu hendaklah dalam bentuk wang tunai atau sekuriti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(4) Bagi maksud bab ini, nilai aset dan liabiliti takaful boleh ditentukan atas suatu asas yang akan ditetapkan.

(5) Pengendali takaful tidak boleh menjalankan perniagaan takaful melainkan jika ia mempunyai suatu badan penasihat Syariah untuk memberi nasihat kepadanya mengenai pengendalian perniagaan takafulnya bagi memastikan bahawa ia tidak mengandungi sebarang unsur yang bertentangan dengan Hukum Syara'.

(6) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$25,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$2,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Mengemukakan diri sebagai pengendali takaful.

6. Jika sesebuah syarikat itu mengemukakan dirinya sebagai pengendali takaful berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga atau perniagaan takaful am sedangkan ia tidak didaftarkan di bawah Perintah ini berkaitan dengan perniagaan itu, syarikat tersebut adalah melakukan suatu kesalahan, dan tiap-tiap pengarah, pengurus atau pegawai syarikat itu adalah melakukan suatu kesalahan, melainkan jika dia membuktikan bahawa pengemukaan diri oleh syarikat itu dibuat tanpa pengetahuan atau persetujuannya, dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$25,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$2,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Penggunaan perkataan "takaful" atau "takaful semula".

7. (1) Tiada sesiapa pun selain daripada pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini boleh, tanpa persetujuan bertulis Pihak Berkuasa, menggunakan perkataan "takaful", "takaful semula" atau sebarang kata terbitannya dalam apa-apa bahasa, atau sebarang perkataan lain yang menunjukkan bahawa orang itu menjalankan perniagaan takaful atas nama, perihalan atau tajuk yang di bawahnya dia menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam atau membuat sebarang pernyataan bagi maksud itu dalam sebarang kepala bil, kepala surat, kertas, notis atau iklan atau dalam apa-apa cara lain:

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh melarang sesebuah persatuan pengendali-pengendali takaful daripada menggunakan perkataan "takaful", "takaful semula" atau "penaja jamin" atau sebarang kata terbitannya dalam apa-apa bahasa sebagai sebahagian dari namanya atau perihalan kegiatan-kegiatannya.

(2) Tiap-tiap pengendali takaful dan perantara takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini hendaklah dalam setiap iklan, kepala surat, papan nama, risalah atau terbitan lain menyatakan selepas namanya sama ada ia adalah pengendali takaful, broker takaful atau perantara takaful bagi pengendali takaful.

(3) Mana-mana orang yang melanggar bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang

berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Pemeriksaan orang yang disyaki menjalankan perniagaan takaful.

8. (1) Apabila Pihak Berkuasa mempunyai sebab untuk mengesyaki atau mempercayai bahawa seseorang itu menjalankan perniagaan takaful tanpa didaftarkan di bawah Perintah ini, dia boleh meminta atau memeriksa buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod orang itu untuk menentukan sama ada atau tidak orang itu telah melanggar sebarang peruntukan Perintah ini.

(2) Mana-mana orang yang dengan sengaja enggan mengemukakan buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod itu atau membernarkan pemeriksaannya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$4,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Pendaftaran pengendali takaful

Pendaftaran oleh Pihak Berkuasa.

9. (1) Seseorang yang berhasrat hendak menjalankan perniagaan takaful di Negara Brunei Darussalam sebagai pengendali takaful hendaklah memohon secara bertulis kepada Pihak Berkuasa untuk pendaftaran di bawah bab ini dan hendaklah memberi dokumen-dokumen dan maklumat sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pihak Berkuasa dalam sebarang hal tertentu.

(2) Setelah menerima dan selepas menimbangkan suatu permohonan di bawah ceraian (1), Pihak Berkuasa boleh, tertakluk kepada bab 10, mendaftarkan syarikat itu dengan atau tanpa syarat-syarat berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga atau perniagaan takaful am, atau boleh enggan mendaftarkannya.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan supaya notis pendaftaran pengendali takaful Negara Brunei Darussalam disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kehendak-kehendak sebelum pendaftaran.

10. (1) Pihak Berkuasa tidak boleh mendaftarkan seseorang pemohon di bawah bab 9, melainkan jika —

(a) pemohon itu adalah suatu syarikat sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat (Penggal 39) atau suatu syarikat yang diperbadankan di luar Negara Brunei Darussalam yang mempunyai suatu tempat perniagaan yang telah bertapak di Negara Brunei Darussalam;

(b) pemohon itu mempunyai suatu lebihan aset dari liabiliti tidak kurang dari amaun sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pihak Berkuasa;

(c) pemohon itu telah membuat deposit yang dikehendaki di bawah bab 16;

(d) matlamat dan pengendalian perniagaan takaful yang pemohon itu berhasrat hendak menjalankannya tidak akan melibatkan sebarang unsur yang bertentangan dengan Hukum Syara'; dan

(e) terdapat dalam Perkara-Perkara Persatuan syarikat itu peruntukan-peruntukan bagi penubuhan suatu badan penasihat Syariah untuk memberi nasihat kepada pengendali takaful mengenai pengendalian perniagaan takafulnya bagi memastikan bahawa ia tidak melibatkan sebarang unsur yang bertentangan dengan Hukum Syara'.

(2) Bagi maksud ceraian (1)(b), amaun-amaun yang berlainan boleh ditetapkan bagi kelas-kelas perniagaan takaful yang berlainan atau bagi jenis-jenis pengendali takaful yang berlainan.

Syarat-syarat pendaftaran.

11. (1) Pihak Berkuasa boleh —

(a) mengenakan syarat-syarat mengenai pendaftaran pengendali takaful; atau

(b) menambah, mengubah atau membatalkan sebarang syarat pendaftaran pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini supaya pengendali takaful itu tetap berdaftar.

(2) Mana-mana pengendali takaful yang tidak mematuhi sebarang syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan

suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Bayaran pendaftaran dan tahunan.

12. (1) Pengendali-pengendali takaful hendaklah membuat bayaran pendaftaran dan tahunan sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Bayaran tahunan yang berlainan boleh ditetapkan bagi kelas-kelas perniagaan takaful yang berlainan atau bagi jenis-jenis pengendali takaful yang berlainan.

Pembatalan pendaftaran.

13. (1) Pihak Berkuasa boleh, atas permintaan pengendali takaful atau atas sebarang alasan yang dinyatakan dalam ceraian (2), membatalkan pendaftaran mana-mana pengendali takaful sama ada seluruhnya atau berkaitan dengan mana-mana kelas perniagaan, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Alasan-alasan yang disebut dalam ceraian (1) adalah —

(a) bahawa pengendali takaful meneruskan tujuan atau menjalankan pengendalian yang mengandungi sebarang unsur yang bertentangan dengan Hukum Syara';

(b) bahawa pengendali takaful belum memulakan perniagaan dalam masa satu tahun setelah didaftarkan;

(c) bahawa pengendali takaful telah berhenti menjalankan perniagaan takaful berkaitan dengan sebarang kelas perniagaan;

(d) bahawa pengendali takaful gagal menyelenggara suatu lebihan aset dari liabiliti yang dikehendaki oleh bab 10(1)(b);

(e) bahawa pengendali takaful telah mengabaikan atau enggan mematuhi suatu perintah Pihak Berkuasa untuk membayar sebarang kekurangan, apabila dana takafulnya menjadi tidak kukuh;

(f) bahawa pengendali takaful bercadang hendak membuat, atau telah membuat, sebarang komposisi atau penyusunan dengan pemutang-pemutangnya atau telah diletakkan dalam penyelesaian hutang piutang atau telah digulung atau pun selainnya dibubarkan;

(g) bahawa pengendali takaful menjalankan perniagaannya dengan cara yang mungkin menjaskan kepentingan peserta-pesertanya;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(h) bahawa pengendali takaful tidak dapat memenuhi obligasinya;

(i) bahawa pengendali takaful gagal melaksanakan penyusunan takaful semula yang memuaskan;

(j) bahawa pengendali takaful melanggar atau telah melanggar sebarang peruntukan Perintah ini atau peraturan-peraturannya, atau sebarang syarat yang dikenakan atau sebarang arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini;

(k) bahawa mana-mana pegawai pengendali takaful yang memegang suatu jawatan pengurusan atau eksekutif telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini;

(l) bahawa pengendali takaful telah memberi maklumat palsu, mengelirukan atau tidak betul, atau telah menyembunyikan atau gagal mendedahkan fakta-fakta mustahak, dalam permohonannya untuk pendaftaran; atau

(m) bahawa adalah bagi kepentingan awam untuk membatalkan pendaftarannya.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah, sebelum membatalkan pendaftaran pengendali takaful di bawah bab ini kecuali atas permintaan pengendali takaful itu, menyebabkan supaya diberikan kepada pengendali takaful itu notis secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian, dengan menyatakan suatu tarikh, tidak kurang dari 14 hari selepas tarikh notis tersebut, setelah itu pembatalan tersebut akan berkuatkuasa dan meminta pengendali takaful itu untuk memberi sebab kepada Pihak Berkuasa mengapa pendaftaran tersebut tidak patut dibatalkan.

(4) Walaupun pendaftaran pengendali takaful telah dibatalkan di bawah bab ini, selagi pengendali takaful itu masih di bawah sebarang liabiliti berkaitan dengan sijil-sijil Negara Brunei Darussalam yang tergolong dalam kelas perniagaan takaful yang disebut dalam pendaftaran itu, pengendali takaful itu hendaklah mengambil tindakan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pihak Berkuasa bagi memastikan bahawa peruntukan yang munasabah telah atau akan dibuat untuk liabiliti itu dan bahawa penyusunan yang mencukupi ada atau akan diadakan bagi pembayaran di Negara Brunei Darussalam sumbangan-sumbangan dan tuntutan-tuntutan ke atas sijil-sijil tersebut.

(5) Apabila Pihak Berkuasa membatalkan suatu pendaftaran di bawah ceraian (1), dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pengendali takaful itu tentang pembatalan tersebut.

(6) Mana-mana pengendali takaful yang pendaftarannya telah dibatalkan boleh, dalam masa 30 hari dari diberitahu secara bertulis mengenai pembatalan itu, merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad.

(7) Suatu pembatalan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa tidak boleh berkuatkuasa sehingga 14 hari setelah pengendali takaful itu diberitahu secara bertulis mengenai pembatalan itu.

Kesan pembatalan pendaftaran.

14. (1) Apabila pembatalan pendaftaran menjadi berkuatkuasa di bawah bab 13 —

(a) notis pembatalan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*; dan

(b) pengendali takaful itu hendaklah, mulai dari tarikh pembatalan, berhenti menjalankan di Negara Brunei Darussalam perniagaan takaful dari kelas yang berkaitan dengannya pendaftarannya telah dibatalkan, kecuali dengan memungut atau menerima sumbangan ke atas sijil-sijil Negara Brunei Darussalam yang tergolong dalam kelas tersebut yang dilakukan sebelum tarikh pembatalan pendaftaran, dan bab 6 tidak boleh dikenakan kepada pengendali takaful itu berkaitan dengan pemungutan atau penerimaan sumbangan tersebut.

(2) Peruntukan-peruntukan ceraian (1)(b) tidak akan menjaskan penguatkuasaan oleh mana-mana peserta atau orang akan sebarang hak atau tuntutan terhadap pengendali takaful itu atau oleh pengendali takaful itu akan sebarang hak atau tuntutan terhadap mana-mana peserta atau orang.

Larangan terhadap perniagaan takaful yang ada kaitannya dengan pelaburan atau perniagaan takaful anuiti tanpa kebenaran.

15. (1) Pengendali takaful tidak boleh menjalankan perniagaan takaful yang ada kaitannya dengan pelaburan atau perniagaan takaful anuiti di Negara Brunei Darussalam tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pihak Berkuasa dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya.

(2) Dalam bab ini, "perniagaan takaful yang ada kaitannya dengan pelaburan" bermakna melaksanakan dan menjalankan suatu kontrak takaful keluarga yang di bawahnya manfaat yang kena dibayar kepada peserta adalah yang lebih banyak antara —

(a) suatu amaun minimum yang ditentukan yang kena dibayar atas kematian, dalam masa masih hidup sehingga suatu tarikh yang ditentukan, atau pada selangan waktu yang ditentukan; dan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(b) suatu amaun yang ditentukan dengan merujuk kepada nilai pada tarikh berkaitan, atau pendapatan dalam tempoh berkaitan dari, aset yang perihalannya ditentukan dalam sijil atau dalam sebarang penyata berkaitan.

Deposit, daftar sijil, dana takaful dan takaful semula

Deposit.

16. (1) Pengendali takaful, semasa didaftarkan berkaitan dengan sebarang kelas perniagaan takaful, hendaklah pada setiap masa berkaitan dengan perniagaan itu mempunyai suatu deposit dengan Pihak Berkuasa dalam amaun sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Sebarang deposit tersebut hendaklah dibuat dengan wang tunai atau dengan sekuriti Kerajaan atau sekuriti lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(3) Semua pendapatan yang terakru berkaitan dengan suatu deposit hendaklah kena dibayar kepada pengendali takaful yang membuat deposit itu.

(4) Suatu deposit yang dibuat di bawah bab ini berkaitan dengan sebarang kelas perniagaan hendaklah disimpan oleh Pihak Berkuasa sehingga sama ada pengendali takaful itu terhenti dari didaftarkan berkaitan dengan kelas perniagaan takaful itu atau deposit tersebut dikehendaki dalam penggulungan urusan pengendali takaful itu; dan jika pengendali takaful itu terhenti dari didaftarkan demikian, deposit tersebut atau sebahagiannya boleh disimpan seterusnya bagi tujuan dan menurut sebarang peruntukan untuk liabiliti berkaitan dengan sijil-sijil sebagaimana yang dikehendaki oleh bab 13(4).

(5) Jika pada bila-bila masa suatu deposit di bawah bab ini (selain dari suatu deposit yang disimpan selepas pengendali takaful itu terhenti dari didaftarkan) mengandungi aset selain dari sekuriti Kerajaan, dan jika nilai aset tersebut adalah kurang dari jumlah wang yang ditetapkan menurut ceraian (1), Pihak Berkuasa boleh dengan notis secara bertulis mengarahkan pengendali takaful itu untuk menambahnya dalam masa 28 hari dari penyampaian notis, wang tunai atau sekuriti tersebut yang nilainya tidak kurang dari perbezaannya.

(6) Pengendali takaful yang telah membuat suatu deposit di bawah bab ini boleh pada bila-bila masa menggantikan sebarang aset yang terkandung dalam deposit, wang tunai atau sekuriti sebagaimana yang mungkin ditetapkan selagi nilai deposit tersebut tidak dikurangkan kepada suatu amaun yang rendah dari amaun yang dikehendaki oleh Perintah ini.

(7) Dalam ceraian-ceraian yang disebutkan di atas "sekuriti" (kecuali dalam ungkapan "Sekuriti Kerajaan") termasuk sebarang bentuk pelaburan yang tidak bertentangan dengan Hukum Syara', dan "Sekuriti Kerajaan" bermakna sekuriti

di mana wang pokok atau keuntungan dikenakan secara langsung atau dengan cara jaminan kepada Kumpulanwang Yang Disatukan; tetapi deposit tidaklah termasuk —

(a) sebarang syer dalam, atau sekuriti lain, pengendali takaful yang daidaftarkan di bawah Perintah ini;

(b) kecuali setakat mana suatu hutang yang terkandung dalam deposit itu dicagarkan ke atas tanah, sebarang estet atau kepentingan ke atas tanah; atau

(c) sebarang sekuriti yang dibenarkan dalam Jadual Ketiga yang diisyiharkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa kepada pengendali takaful itu sebagai tidak sesuai bagi maksud-maksud suatu deposit.

(8) Jika menurut ceraian (7)(c), sebarang sekuriti yang terkandung dalam suatu deposit telah diisyiharkan sebagai tidak sesuai, pengendali takaful itu hendaklah dalam masa satu bulan dari tarikh sekuriti itu diisyiharkan demikian, menggantikannya dengan sekuriti lain yang dibenarkan oleh bab ini.

Waad bank sebagai ganti deposit.

17. (1) Jika, dalam hal mana-mana pengendali takaful, sebuah bank yang dilesenkan di bawah sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan perbankan membuat suatu perjanjian dengan Pihak Berkuasa dalam bentuk yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa di mana bank itu berwaad untuk mendepositkan dengan Pihak Berkuasa suatu jumlah wang yang tertentu banyaknya dengan wang tunai atas akaun deposit pengendali takaful itu di bawah bab 16 berkaitan dengan salah satu kelas perniagaan takaful, dan waad tersebut mematuhi sebarang syarat yang mungkin dikenakan oleh Pihak Berkuasa tentang hal keadaan bagaimana jumlah wang itu akan didepositkan, maka bagi maksud Perintah ini, pengendali takaful itu hendaklah disifatkan sebagai telah membuat deposit tersebut di bawah bab 16 dan jumlah wang yang diwaadkan itu boleh didapatkan balik walaupun tiada balasan diberikan atas perjanjian tersebut.

(2) Sebarang jumlah wang yang didepositkan oleh sebuah bank menurut suatu perjanjian yang dibuat di bawah ceraian (1) hendaklah ditangani di bawah atau bagi maksud-maksud Perintah ini seolah-olah ia adalah suatu jumlah wang yang didepositkan oleh pengendali takaful itu di bawah bab 16.

Kehendak-kehendak berkaitan dengan produk takaful.

18. Mana-mana produk takaful hendaklah suatu produk yang dibenarkan oleh Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Daftar sijil takaful.

19. (1) Tiap-tiap pengendali takaful hendaklah mengadakan dan menyimpan suatu daftar sijil-sijil takaful Negara Brunei Darussalam jika ia menjalankan perniagaan berkenaan dengan sijil-sijil takaful Negara Brunei Darussalam.

(2) Tertakluk kepada bab ini, hendaklah dimasukkan dalam daftar sijil-sijil Negara Brunei Darussalam, semua sijil Negara Brunei Darussalam pengendali takaful itu dan sijil yang dimasukkan dalam daftar tersebut tidak boleh dikeluarkan darinya selagi pengendali takaful itu berada di bawah sebarang liabiliti berkaitan dengan sijil itu.

(3) Tertakluk kepada bab ini, bolehlah dimasukkan dalam daftar sijil-sijil takaful Negara Brunei Darussalam sijil-sijil lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pengendali takaful itu, dengan persetujuan (yang nyata atau tersirat) peserta-peserta, dan Perintah ini hendaklah dikenakan berkenaan dengan sebarang sijil yang dimasukkan itu seolah-olah ia adalah sijil takaful Negara Brunei Darussalam.

(4) Tertakluk kepada ceraian (5), pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful keluarga di luar Negara Brunei Darussalam (dan tidak berbuat demikian hanya dengan memungut atau menerima sumbangan sahaja) boleh, atas permintaan peserta suatu sijil yang tergolong dalam perniagaan takaful keluarga pengendali takaful itu —

(a) tidak memasukkan sijil itu dalam daftar sijil-sijil takaful Negara Brunei Darussalam, walaupun sijil itu adalah sijil Negara Brunei Darussalam; atau

(b) mengeluarkan sijil itu dari daftar sijil-sijil takaful Negara Brunei Darussalam,

dan Perintah ini hendaklah selepas itu dikenakan berhubung dengan sijil itu seolah-olah sijil itu adalah bukan sijil Negara Brunei Darussalam.

(5) Peraturan-peraturan boleh memperuntukkan bahawa ceraian-ceraian (3) dan (4) hendaklah dikenakan hanya dalam kes-kes sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada sebarang kekecualian atau sekatan yang ditetapkan.

(6) Pengendali takaful Negara Brunei Darussalam hendaklah, atas permintaan mana-mana orang yang mempunyai suatu kepentingan ke atas mana-mana sijil pengendali takaful itu, memberitahunya sama ada atau tidak sijil tersebut dimasukkan dalam sebarang daftar sijil-sijil yang diadakan oleh pengendali takaful itu di bawah Perintah ini.

(7) Jika pengendali takaful Negara Brunei Darussalam telah mengadakan di bawah Perintah ini sebarang daftar sijil-sijil, daftar tersebut tidaklah lagi wujud di bawah Perintah ini sebagai suatu daftar berkanun sijil-sijil yang tergolong dalam salah satu kelas perniagaan takaful, jika pengendali takaful itu terhenti dari didaftarkan di bawah Perintah ini berkaitan dengan kelas perniagaan tersebut; dan sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada sijil-sijil yang didaftarkan di bawah Perintah ini hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(8) Tertakluk kepada ceraian (7), daftar tersebut hendaklah, walaupun pengendali takaful itu pada bila-bila masa telah berhenti menjalankan di Negara Brunei Darussalam salah satu kelas perniagaan takaful, terus diselenggarakan oleh pengendali takaful itu bagi sijil-sijil yang tergolong dalam kelas tersebut selagi pengendali takaful itu berada di bawah sebarang liabiliti berkaitan dengan sijil-sijil tersebut yang didaftarkan atau dikehendaki untuk didaftarkan pada masa itu; tetapi sijil-sijil yang tergolong dalam salah satu kelas perniagaan tidak boleh dimasukkan dalam daftar tersebut di bawah ceraian (3) jika pengendali takaful itu tidak menjalankan kelas perniagaan tersebut di Negara Brunei Darussalam atau berbuat demikian hanya dengan memungut atau menerima sumbangan sahaja.

(9) Daftar pengendali takaful yang sedia ada hendaklah diadakan pada awal tempoh perakaunan permulaan, dan hendaklah dianggap bagi maksud-maksud Perintah ini sebagai tarikh daftar itu diadakan.

Mengadakan dan menyelenggara dana takaful dan menguntukkan lebihan.

20. (1) Tiap-tiap pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini hendaklah mengadakan dan menyelenggara menurut bab ini suatu dana takaful berkaitan dengan kelas atau setiap kelas perniagaan takaful yang dijalankan oleh pengendali takaful itu di Negara Brunei Darussalam setakat mana perniagaan tersebut berkaitan dengan sijil-sijil Negara Brunei Darussalam.

(2) Pihak Berkuasa boleh menghendaki mana-mana pengendali takaful untuk mengadakan dan menyelenggara, di samping dana takaful di bawah ceraian (1) dana takaful lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa bagi jenis-jenis sijil yang berlainan berkaitan dengan setiap kelas perniagaan.

(3) Hendaklah dibayar ke dalam suatu dana takaful semua resit pengendali takaful itu yang boleh dikaitkan dengan sepatutnya dengan perniagaan yang dimaksudkan oleh dana tersebut (termasuk pendapatan dana tersebut), dan aset yang terkandung dalam dana tersebut boleh digunakan hanya untuk membayar sebahagian dari liabiliti dan perbelanjaan pengendali takaful itu seperti yang boleh dikaitkan dengan sepatutnya demikian.

(4) Dalam hal suatu dana yang diadakan berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga, sebahagian dari dana tersebut tidak boleh diperuntukkan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

melalui manfaat kepada sijil-sijil penyertaan, kecuali dengan kebenaran seorang aktuari dan dari lebihan aset dari liabiliti sebagaimana yang ditunjukkan dalam penilaian berkanun dana tersebut yang terakhir; dan setelah sebarang peruntukan itu dibuat lebihan tersebut hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud bab ini sebagai dikurangkan dengan amaun yang diperuntukkan itu.

(5) Jika pada penilaian berkanun yang terakhir dalam hal suatu dana yang diadakan berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga ada ditunjukkan suatu lebihan aset dari liabiliti dana tersebut, maka bolehlah, tertakluk kepada kebenaran seorang aktuari dan sebarang peruntukan yang berlawanan dalam sebarang suratcara atau kontrak yang mengikat pengendali takaful itu, dikeluarkan dari dana tersebut suatu amaun yang tidak melebihi dari lebihan tersebut, dan setelah sebarang pengeluaran itu dibuat lebihan tersebut hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud bab ini sebagai dikurangkan dengan amaun yang dikeluarkan itu:

Dengan syarat bahawa sebahagian dari lebihan tersebut yang boleh dikaitkan dengan sijil penyertaan selain dari sijil takaful semula tidak boleh dikeluarkan melebihi satu per empat dari amaun yang diperuntukkan darinya melalui manfaat kepada sijil-sijil penyertaan.

(6) Jika dalam kunci kira-kira berkanun yang terakhir dalam hal suatu dana takaful yang diadakan berkaitan dengan perniagaan am ada ditunjukkan suatu lebihan aset dari liabiliti dana tersebut, maka bolehlah, tertakluk kepada sebarang peruntukan yang berlawanan dalam sebarang suratcara atau kontrak yang mengikat pengendali takaful itu, dikeluarkan dari dana tersebut suatu amaun yang tidak melebihi ekses lebihan dari sebarang margin kemampubayaran dana yang ditetapkan bagi dana tersebut di bawah bab 21, dan setelah sebarang pengeluaran itu dibuat lebihan tersebut hendaklah bagi maksud-maksud bab ini disifatkan sebagai dikurangkan dengan amaun yang dikeluarkan itu.

(7) Berkaitan dengan sebarang sijil yang tergolong dalam perniagaan takaful keluarga pengendali takaful itu yang dikeluarkan di bawah bab 19(4) dari daftar sijil-sijil Negara Brunei Darussalam pengendali takaful itu, maka bolehlah dikeluarkan dari suatu dana takaful yang dimaksudkan oleh sijil itu suatu amaun yang tidak melebihi dari amaun yang ditetapkan.

(8) Sebarang amaun yang dikeluarkan dari suatu dana takaful di bawah ceraian-ceraian (5), (6) atau (7) dan, dalam penggulungan, mana-mana bahagian dari suatu dana takaful yang tinggal selepas dibayar liabiliti dan perbelanjaan di mana dana tersebut dapat digunakan boleh ditangani seolah-olah ia bukan merupakan sebahagian dari dana tersebut kecuali, dalam hal penggulungan jika sebarang dana takaful lain pengendali takaful itu di bawah Perintah ini berada dalam deficit, maka lebihan yang tinggal selepas penggulungan itu hendaklah terlebih dahulu digunakan untuk membayar defisit dalam dana tersebut.

(9) Dalam penggulungan, aset yang terkandung dalam deposit yang dibuat oleh pengendali takaful di bawah bab 16 berkaitan dengan salah satu kelas perniagaan boleh diperuntukkan oleh Pihak Berkuasa kepada sebarang dana takaful yang diadakan oleh pengendali takaful itu bagi kelas perniagaan itu mengikut cara dan pada kadar sebagaimana yang difikirkannya patut, dan aset yang diperuntukkan itu hendaklah disifatkan sebagai aset dana takaful tersebut, dan ceraian-ceraian (3) dan (8) hendaklah dikenakan kepada aset tersebut dengan sewajarnya.

(10) Sebarang dana takaful yang diadakan oleh pengendali takaful bagi sebarang kelas perniagaan hendaklah, walaupun pengendali takaful itu pada bila-bila masa berhenti menjalankan kelas perniagaan tersebut di Negara Brunei Darussalam, terus diselenggarakan oleh pengendali takaful itu selagi pengendali takaful itu dikehendaki oleh Perintah ini untuk menyelenggara daftar sijil-sijil yang tergolong dalam kelas tersebut.

(11) Dalam hal pengendali takaful yang sedia ada, suatu dana takaful hendaklah diadakan pada tarikh daftar di bawah bab 19(9) diadakan dan dengan merujuk kepada sijil-sijil yang didaftarkan atau dikehendaki untuk didaftarkan di dalamnya pada tarikh ia diadakan, dan dengan merujuk kepada aset dan liabiliti pengendali takaful itu pada tarikh tersebut; dan —

(a) hendaklah ada diperuntukkan pada dana tersebut aset yang nilainya, selepas memperhitungkan sebarang caj yang tidak berkenaan dengan dana tersebut, tidak kurang dari jumlah keseluruhan amaun-amaun yang dinyatakan dalam ceraian (12); dan

(b) semua perkara yang kemudiannya akan menjaskan dana tersebut jika diadakan pada tarikh itu hendaklah diambil kira dengan sewajarnya;

(12) Amaun-amaun yang disebut dalam ceraian (11)(a) adalah —

(a) amaun, yang ditentukan mengikut cara yang ditetapkan, liabiliti pengendali takaful itu berkaitan dengan sijil-sijil yang disebut dalam ceraian (11);

(b) amaun sebarang liabiliti lain pengendali takaful itu setakat mana aset yang diperuntukkan pada dana tersebut akan dapat digunakan atau disifatkan sebagai telah digunakan untuk membayar liabiliti tersebut; dan

(c) amaun margin kemampubayaran dana tersebut, jika ada, yang dikehendaki untuk diselenggarakan bagi dana di bawah bab 21.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Modal berbayar dan margin kemampubayaran.

21. (1) Tiap-tiap pengendali takaful hendaklah menyelenggara —

(a) margin kemampubayaran dana berkaitan dengan tiap-tiap dana takaful yang diadakan oleh pengendali takaful itu di bawah Perintah ini; dan

(b) margin kemampubayaran,

amaun-amaun sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Menteri boleh menetapkan —

(a) modal syer berbayar pengendali takaful yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam atau, jika pengendali takaful yang diperbadankan di luar Negara Brunei Darussalam tidak mempunyai modal syer, lebihan aset dari liabilitinya, margin-margin kemampubayaran yang berlainan di bawah ceraian (1) bagi kelas-kelas perniagaan takaful yang berlainan dan bagi jenis-jenis pengendali takaful yang berlainan; dan

(b) berkaitan dengan sebarang jenis pengendali takaful, sebarang kekecualian dari kehendak-kehendak ceraian (1).

(3) Tanpa menjelaskan keluasan makna bab 91, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini boleh —

(a) mengadakan peruntukan bagi menentukan nilai aset dan amaun liabiliti dalam sebarang kes di mana nilai atau amaun tersebut dikehendaki oleh bab ini untuk ditentukan menurut peraturan-peraturan;

(b) memperuntukkan bahawa, bagi sebarang maksud tertentu, aset atau liabiliti sebarang kelas atau perihalan tertentu tidak akan diambil kira atau hendaklah diambil kira setakat yang tertentu sahaja; dan

(c) membuat peruntukan yang berlainan berhubung dengan kes-kes atau hal-hal yang berlainan.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini —

(a) margin kemampubayaran dana berkaitan dengan sebarang dana takaful adalah lebihan nilai aset dari liabiliti dana tersebut;

(b) margin kemampubayaran pengendali takaful adalah lebihan nilai asetnya dari amaun liabilitinya; dan

(c) nilai dan amaun tersebut ditentukan menurut sebarang peraturan penilaian yang terpakai.

Peraturan-peraturan berhubung dengan pelaburan aset.

22. Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini boleh membuat peruntukan bagi menjamin bahawa, dalam hal keadaan dan setakat mana yang mungkin ditetapkan, aset sebarang dana takaful pengendali takaful dilaburkan, menurut Hukum Syara'.

Kehendak-kehendak tentang aset dana takaful.

23. (1) Aset sebarang dana takaful di bawah Perintah ini hendaklah disimpan berasingan dari semua aset lain pengendali takaful, dan tidaklah termasuk aset yang terkandung dalam suatu deposit di bawah Perintah ini kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh ceraian (5), atau tidaklah termasuk sebarang amaun kerana nama baik, manfaat perbelanjaan pembangunan atau butiran serupa yang tidak dapat dihasilkan selain dari perniagaan atau sebahagian dari perniagaan pengendali takaful.

(2) Aset sebarang dana takaful yang diadakan berkaitan dengan perniagaan am tidaklah termasuk sebarang amaun yang merupakan jumlah sumbangan yang belum dibayar dan baki ejen yang melebihi dari sebarang amaun yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Tertakluk kepada bab 27, aset sebarang dana takaful adalah bahawa —

(a) nilai aset Negara Brunei Darussalam yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, dengan sebarang tambahan sebagaimana yang dibenarkan oleh ceraian (4), adalah tidak kurang dari sebarang amaun yang ditetapkan; dan

(b) nilai pelaburan dalam sekuriti Kerajaan atau suatu badan yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam yang tidak bertentangan dengan Hukum Syara' adalah tidak kurang dari 25 peratus dari jumlah nilai aset dana tersebut.

(4) Bagi maksud ceraian (3), bolehlah ditambah pada nilai butiran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga amaun atau nilai sebarang aset dana tersebut akan perihalan-perihalan yang berikut —

(a) pendapatan yang timbul dari aset tersebut tetapi belum lagi diterima;

(b) sumbangan yang belum dibayar atas sijil-sijil keluarga di mana liabiliti masa depan boleh dibayar dari aset dana tersebut, iaitu sumbangan yang akan dibayar dalam matawang Negara Brunei Darussalam;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(c) sumbangan yang belum dibayar dan baki ejen berkaitan dengan sijil-sijil Negara Brunei Darussalam bagi perniagaan am, tetapi tidak melebihi dari amaun yang dibenarkan dalam ceraian (2);

(d) jumlah wang yang merupakan tuntutan-tuntutan yang didapatkan balik dari takaful semula di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.

(5) Pihak Berkuasa boleh, berkaitan dengan aset sebarang dana takaful, menghendaki pengendali takaful —

(a) supaya tidak membuat pelaburan-pelaburan dari kelas atau perihalan tertentu yang bertentangan dengan Hukum Syara';

(b) untuk merealisasikan, sebelum tamat tempoh yang ditentukan atau tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa, kesemua atau suatu kadar tertentu pelaburan-pelaburan dari kelas atau perihalan tertentu yang tidak bertentangan dengan Hukum Syara' yang dipegang oleh pengendali takaful itu apabila kehendak itu dibuat.

(6) Bagi maksud-maksud bab ini, aset yang merupakan sebarang deposit takaful semula yang dipegang oleh pengendali takaful itu untuk membayar liabiliti suatu dana takaful hendaklah disifatkan sebagai aset dana tersebut.

Sekatan-sekatan ke atas pembayaran dividen dan pemberian pendahuluan, pinjaman dan kemudahan pembiayaan.

24. (1) Pengendali takaful tidak boleh —

(a) membayar sebarang dividen atas saham-sahamnya sehingga semua perbelanjaannya yang dimodalkan (termasuk perbelanjaan permulaan, perbelanjaan organisasi, komisen penjualan saham, brokeraj, amaun kerugian yang ditanggung, dan sebarang butiran lain perbelanjaan yang tidak digambarkan dengan aset ketara) telah dihapus kira sama sekali;

(b) memberi suatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan pembiayaan untuk jaminan saham-sahamnya sendiri;

(c) kecuali dalam hal keadaan dan dalam amaun sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa, memberi suatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan pembiayaan —

(i) kepada mana-mana pengaruhnya selain dari suatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan pembiayaan yang dijamin dengan suatu sijil yang dipegang oleh pengaruh itu;

- (ii) kepada suatu firma di mana ia atau mana-mana pengarahnnya mempunyai sebarang kepentingan sebagai rakan kongsi, pengurus atau ejen, atau kepada seseorang individu yang baginya atau suatu firma yang baginya mana-mana pengarahnnya adalah penjamin;
- (iii) kepada suatu syarikat di mana mana-mana pengarahnnya memiliki 20 peratus atau lebih dari saham-saham mengundi;
- (iv) kepada suatu syarikat di mana mana-mana pengendali takafulnya memiliki 20 peratus atau lebih dari saham-saham mengundi;
- (v) kepada suatu syarikat yang memiliki 20 peratus atau lebih dari saham-saham mengundi pengendali takaful itu; dan
- (vi) kepada suatu syarikat di mana suatu syarikat yang disebutkan dalam perenggan kecil (v) memiliki 20 peratus atau lebih dari saham-saham mengundi;

(d) kecuali dalam hal keadaan dan dalam amaun sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa, memberi kepada mana-mana orang, selain daripada seseorang pekerja atau mana-mana orang yang disebutkan dalam perenggan (c), suatu pendahuluan tanpa cagaran, pinjaman tanpa cagaran atau kemudahan pembiayaan tanpa cagaran;

(e) kecuali dalam hal keadaan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa, bertindak sebagai penjamin atas suatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada mana-mana orang, firma atau syarikat yang disebutkan dalam perenggan (c); atau

(f) kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa, mencagarkan, menggadai-janji atau menggadaikan mana-mana aset atau sekuritinya.

(2) Semua pengarah pengendali takaful itu hendaklah bertanggungan secara bersesama dan berasingan untuk mengganti rugi pengendali takaful itu dari sebarang kerugian yang timbul dari pemberian suatu pendahuluan tanpa cagaran, pinjaman tanpa cagaran atau kemudahan pembiayaan tanpa cagaran.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menghalang pengendali takaful itu dari melaburkan dananya dengan apa jua cara yang tidak bertentangan dengan Hukum Syara'.

(4) Bagi maksud ceraian (1), "pengarah" hendaklah dianggap termasuk isteri, suami, bapa, ibu, anak lelaki atau anak perempuan kepada seseorang pengarah.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(5) Bagi maksud-maksud bab ini dan bab 25, "pendahuluan tanpa cagaran", "pinjaman tanpa cagaran" dan "kemudahan pembiayaan tanpa cagaran" masing-masing bermakna —

(a) suatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan pembiayaan yang dibuat tanpa cagaran; atau

(b) dalam hal suatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan pembiayaan yang dibuat dengan cagaran, mana-mana bahagian dari pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit itu yang pada bila-bila masa melebihi dari —

(i) nilai pasaran aset yang menjadi cagaran; atau

(ii) nilai aset yang menjadi cagaran yang ditaksir atas asas yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa jika ia berpuas hati bahawa tidak ada nilai pasaran yang ditetapkan.

Pendedahan kepentingan oleh pengarah.

25. (1) Tiap-tiap pengarah pengendali takaful yang dalam apa jua cara pun mempunyai suatu kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam suatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan pembiayaan daripada pengendali takaful itu hendaklah dengan seberapa segera yang boleh membuat kepada pengendali takaful itu suatu pengakuan secara bertulis tentang jenis dan takat kepentingannya, dan pengendali takaful itu hendaklah dalam masa 7 hari dari pengakuan itu diterima memberi salinan-salinan pengakuan itu kepada Pihak Berkuasa, juruauditnya dan semua pengarahnnya.

(2) Bagi maksud ceraian (1), suatu notis am yang diberikan kepada lembaga pengarah pengendali takaful oleh seseorang pengarah yang bermaksud bahawa dia mempunyai suatu kepentingan dalam suatu enterprise, perusahaan, firma atau syarikat tertentu dan bahawa dia akan dianggap sebagai mempunyai suatu kepentingan dalam suatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan pembiayaan yang mungkin, selepas tarikh notis itu, diberikan kepada enterprise, perusahaan, firma atau syarikat tersebut hendaklah dianggap sebagai pengakuan kepentingan yang mencukupi berkenaan dengan pendahuluan, pinjaman atau kemudahan pembiayaan yang diberikan itu jika —

(a) ia menyatakan jenis dan takat kepentingannya dalam enterprise, perusahaan, firma atau syarikat tersebut; dan

(b) pada masa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan pembiayaan itu dibuat, kepentingannya tidak berbeza jenisnya atau takatnya lebih besar dari yang telah dinyatakan dalam notis itu.

(3) Tiap-tiap pengarah pengendali takaful yang memegang suatu jawatan atau memiliki sebarang harta di mana, sama ada secara langsung atau tidak langsung, suatu kewajipan atau kepentingan mungkin timbul bercanggahan dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai pengarah, maka pengarah tersebut hendaklah membuat pengakuan dalam suatu mesyuarat pengarah-pengarah pengendali takaful itu tentang hakikat, jenis dan takat percanggahan yang mungkin timbul.

(4) Pengakuan yang disebut dalam ceraian (3) hendaklah dibuat dalam mesyuarat pertama pengarah-pengarah yang diadakan —

(a) selepas orang itu menjadi pengarah pengendali takaful tersebut; atau

(b) jika sudah menjadi pengarah, selepas orang itu mula memegang jawatan atau memiliki harta di mana percanggahan itu mungkin timbul.

(5) Setiausaha kepada lembaga pengarah pengendali takaful itu hendaklah menyebabkan supaya sebarang pengakuan yang dibuat atau notis yang diberikan di bawah bab ini dibacakan dalam mesyuarat pengarah-pengarah yang akan datang selepas pengakuan itu dibuat atau notis itu diberikan, dan dia hendaklah merekodkannya dalam minit mesyuarat tersebut.

(6) Mana-mana pengarah atau setiausaha kepada lembaga pengarah yang bertindak dengan melanggar bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pengemukaan penyata dan pembubaran transaksi oleh pengendali takaful.

26. (1) Pengendali takaful yang telah, atau pengarah pengendali takaful yang telah, sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini, membuat suatu transaksi atau mempunyai suatu kepentingan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan bab 24 atau 25, hendaklah dalam masa 2 bulan dari permulaan kuatkuasa tersebut, mengemukakan suatu penyata transaksi atau kepentingan itu kepada Pihak Berkuasa dan pengendali takaful atau pengarah tersebut, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah selanjutnya dalam tempoh masa tersebut atau tempoh masa selanjutnya sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Pihak Berkuasa, membubarkan transaksi tersebut, terhenti daripada mempunyai kepentingan itu atau mematuhi peruntukan-peruntukan bab-bab tersebut, dan melupuskan sebarang harta atau hak yang mungkin telah diperolehi atau kepentingan yang mungkin telah dipegang.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$100,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$4,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Kehendak-kehendak tentang dokumen yang membuktikan hakmilik terhadap aset dana takaful.

27. (1) Jika pengendali takaful telah mengadakan suatu dana takaful di bawah Perintah ini, pengendali takaful itu hendaklah memastikan bahawa sebarang dokumen yang membuktikan hakmilik pengendali takaful itu terhadap aset dana tersebut, atau aset yang termasuk di bawah bab 23(6), selagi dokumen-dokumen itu dipegang oleh atau bagi pihak pengendali takaful itu, hendaklah disimpan di Negara Brunei Darussalam atau, jika tidak disimpan demikian, hendaklah disimpan dalam jagaan seseorang yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa, dan di suatu tempat dan atas syarat-syarat yang dibenarkan demikian:

Dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa boleh, dalam hal pengendali takaful yang disiasat di bawah Perintah ini atau jika Pihak Berkuasa berpuas hati bahawa urusan pengendali takaful dijalankan dengan cara yang mungkin menjelaskan kepentingan peserta-peserta atau bakal peserta-peserta, mengarahkan supaya semua dokumen itu diserahkan untuk disimpan olehnya atau oleh seseorang yang dibenarkan olehnya dan di suatu tempat dan atas syarat-syarat yang dibenarkan demikian.

(2) Pengendali takaful yang telah mengadakan suatu dana takaful di bawah Perintah ini hendaklah dari masa ke semasa memberitahu Pihak Berkuasa secara bertulis tentang —

(a) orang yang menyimpan sebarang dokumen itu bagi pihak pengendali takaful tersebut, dan hal mana-mana orang yang tidak lagi menyimpannya; dan

(b) sebab mengapa sebarang dokumen itu tidak dipegang oleh atau bagi pihak pengendali takaful tersebut, dan identiti dokumen-dokumen yang berkenaan itu.

(3) Sebarang dokumen yang disimpan oleh Pihak Berkuasa atau oleh seseorang yang dibenarkan olehnya menurut proviso kepada ceraian (1) tidak boleh dilepaskan kecuali dengan persetujuan secara bertulis daripada Pihak Berkuasa.

(4) Sebarang dokumen yang pada masa itu dipegang oleh atau bagi pihak pengendali takaful tersebut hendaklah, setelah Pihak Berkuasa memberi notis secara bertulis tidak kurang dari sehari kepada pengendali takaful tersebut atau kepada orang yang menyimpan dokumen itu, dikemukakan untuk pemeriksaan kepada Pihak Berkuasa oleh orang yang diberikan notis itu.

(5) Mana-mana orang yang tidak mematuhi bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Mengadakan dan menyelenggara dana skim jaminan takaful dan pembayaran wang dari dana itu.

28. (1) Hendaklah diadakan dan diselenggara oleh Pihak Berkuasa menurut bab ini, dana skim jaminan takaful berkaitan dengan perniagaan takaful am dan perniagaan takaful keluarga yang masing-masing dijalankan oleh pengendali takaful di Negara Brunei Darussalam, setakat mana perniagaan itu berkaitan dengan sijil-sijil Negara Brunei Darussalam; bagi maksud-maksud mengganti rugi seluruhnya atau sebahagiannya, atau pun selainnya membantu atau melindungi, peserta-peserta dan orang lain yang telah terjejas atau mungkin terjejas akibat dari ketidakmampuan pengendali-pengendali takaful untuk membayar liabiliti mereka di bawah sijil-sijil takaful keluarga dan sijil-sijil takaful wajib yang dikeluarkan oleh mereka.

(2) Hendaklah dibayar ke dalam dana skim jaminan takaful melalui Pihak Berkuasa semua levi sebagaimana yang mungkin dikenakan kepada dan dipungut daripada pengendali-pengendali takaful mengikut ansuran sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Tertakluk kepada sebarang arahan bertulis oleh Pihak Berkuasa, jumlah amaun levi hendaklah tidak melebihi satu peratus dari sumbangan sebenar tahunan pengendali takaful dalam mana-mana tahun yang boleh ditaksir atas perniagaan am, dan dalam hal perniagaan takaful keluarga atas sebarang perniagaan baru yang dijalankan oleh pengendali takaful pada tahun sebelumnya. Dalam hal pengendali takaful yang tidak mengemukakan penyatanya di bawah bab 60 pada tarikh yang sepatutnya, Pihak Berkuasa boleh, bagi maksud mengira amaun levi yang kena dibayar oleh pengendali takaful tersebut, menaksir suatu amaun sebagai pendapatan sumbangan sebenar pengendali takaful tersebut bagi tahun sebelumnya dan amaun yang dipungut itu hendaklah dilaraskan dengan pendapatan sumbangan sebenar yang ditunjukkan dalam penyata itu apabila ia telah dikemukakan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(4) Sebarang jumlah wang, termasuk sebarang wang lain atau pendapatan yang diterima atau dibayar ke dalam dana skim jaminan takaful termasuk sebarang keuntungan atau dividen yang diperolehi dari apa-apa pelaburan sebarang jumlah wang dari dana itu, boleh dikeluarkan dan digunakan dengan kebenaran dan tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa untuk membayar kos pentadbiran, undang-undang dan kos lain bagi menyelenggara dan mentadbir dana itu dan liabiliti mana-mana pengendali takaful yang tidak berkemampuan membayar kepada peserta-peserta persendirian berkaitan dengan mana-mana sijil sah yang didaftarkan menurut bab 19:

Dengan syarat bahawa sebarang jumlah wang yang dikeluarkan dan digunakan itu bagi maksud membayar liabiliti mana-mana pengendali takaful yang tidak berkemampuan membayar hendaklah pada bila-bila masa tidak melebihi 90 peratus dari amaun sah yang genap masanya dibayar dan kena dibayar kepada mana-mana peserta persendirian atau orang yang berhak melaluinya atau mana-mana pihak menuntut lain yang sepatutnya. Bagi maksud-maksud ceraian ini, pengendali takaful hendaklah dianggap sebagai tidak berkemampuan membayar jika —

(a) pada penutup tempoh perakaunan yang terakhir di mana penyata telah diserahkan kepada Pihak Berkuasa di bawah bab 60, pengendali takaful tersebut tidak berkemampuan membayar;

(b) prosiding penggulungan telah dimulakan terhadap pengendali takaful tersebut; atau

(c) suatu perintah penerimaan telah dibuat terhadap pengendali takaful tersebut oleh Mahkamah Tinggi.

(5) Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa selepas dana skim jaminan takaful diadakan, mengarahkan supaya pemungutan sebarang jumlah wang melalui levi dihentikan jika dia berpuas hati bahawa wang yang ada adalah lebih dari mencukupi dalam salah satu atau kedua-dua dana itu untuk membayar liabiliti mana-mana pengendali takaful yang tidak berkemampuan membayar menurut ceraian ini, tetapi boleh jika hal keadaan membenarkan, mengarahkan supaya pemungutan daripada pengendali takaful tersebut disambung semula berkaitan dengan salah satu atau kedua-dua dana skim jaminan takaful:

Dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya bab ini tidak dikenakan kepada jenis-jenis peniagaan takaful yang tertentu di dalam mana-mana kelas atau hanya boleh dikenakan dengan kekecualian-kekecualian, sekatan-sekatan atau atas syarat-syarat atau bagi sebarang tempoh atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan olehnya.

(6) Pihak Berkuasa boleh melantik mana-mana orang untuk membantunya dalam pentadbiran dan pembahagian dana skim jaminan takaful.

(7) Bagi maksud-maksud bab ini, sumbangan bertulis tahunan pengendali takaful dalam mana-mana tahun lain tidak termasuk takaful semula masuk seberang laut.

(8) Wang-wang dalam dana skim jaminan takaful setakat mana ia pada masa itu tidak perlu dikeluarkan bagi maksud-maksud bab ini boleh dilaburkan dengan cara yang tidak bertentangan dengan Hukum Syara' sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa dan semua pendapatan yang terakru berkaitan dengan pelaburan-pelaburan itu hendaklah dikreditkan ke dalam dana itu.

(9) Dalam bab ini, "peserta persendirian" bermakna seseorang peserta yang merupakan seorang individu, suatu perkongsian atau mana-mana kumpulan orang lain yang tidak diperbadankan, yang semuanya adalah individu; dan "pihak menuntut yang sepatutnya" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya oleh bab 87(6).

Penguatkuasaan kehendak-kehendak tentang daftar sijil dan dana takaful dan pembayaran levi oleh pengendali takaful.

29. (1) Jika pengendali takaful tidak mematuhi sebarang peruntukan bab-bab 19, 20 atau 23, Pihak Berkuasa boleh dengan notis secara bertulis menghendaki supaya pengendali takaful itu mematuhi.

(2) Jika pengendali takaful itu masih tidak mematuhi dalam masa satu bulan setelah notis itu diberikan, Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan Pihak Berkuasa, membuat perintah terhadap pengendali takaful itu atau mana-mana pengarah atau pegawai pengendali takaful itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah Tinggi dengan tujuan supaya pengendali takaful itu mematuhi dan selainnya bagi memastikan pengendali takaful itu mematuhi bab-bab 19, 20 atau 23.

(3) Apa-apa juga yang dilakukan di bawah bab ini tidak akan menjelaskan liabiliti mana-mana orang kerana sebarang kesalahan terhadap Perintah ini.

Takaful semula.

30. (1) Pengendali takaful hendaklah membuat dan menyelenggara penyusunan selaras dengan prinsip-prinsip takaful yang sihat bagi liabiliti yang ditakaful semula berkaitan dengan risiko-risiko yang ditanggung atau akan tanggung oleh pengendali takaful itu semasa menjalankan perniagaan takafulnya.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Pihak Berkuasa boleh dengan notis secara bertulis menghendaki supaya pengendali takaful mengemukakan untuk pemeriksannya, dan mengkaji semula dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, triti-triti mengenai takaful semula, maklumat lain yang terperinci berhubung dengannya dan sebarang penyusunan takaful semula yang lain sebagaimana yang mungkin dalam sebarang hal tertentu dikehendaki olehnya.

(3) Jika hasil dari kajian semula triti-triti takaful semula, kontrak-kontrak atau penyusunan-penyusunan, Pihak Berkuasa berpendapat bahawa adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Pihak Berkuasa hendaklah mengarahkan pengendali takaful itu untuk menyebabkan supaya pindaan dibuat kepada triti-triti takaful semula, kontrak-kontrak atau penyusunan-penyusunan tersebut apabila ia dikemukakan untuk pembaharuan.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi ceraian (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Kehendak-kehendak rampaian tentang pengendalian perniagaan

Pembayaran dalam matawang Negara Brunei Darussalam wang sijil di bawah sijil takaful keluarga.

31. (1) Dalam hal sijil takaful keluarga yang dikeluarkan sebagai sijil Negara Brunei Darussalam selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini, kepada seseorang peserta yang merupakan rakyat Negara Brunei Darussalam, sebarang wang sijil atau wang yang kena dibayar setelah sijil itu diserahkan hendaklah, dengan tidak menghiraukan apa-apa jua pun dalam sijil itu atau dalam sebarang perjanjian berkenaan dengannya, dibayar dalam matawang Negara Brunei Darussalam, melainkan jika pada masa pembayaran itu adalah dipersetujui selainnya di antara pengendali takaful dan orang yang berhak mendapat pembayaran.

(2) Jika pengendali takaful memuaskan hati Pihak Berkuasa berhubung dengan sebarang sijil takaful keluarga yang didaftarkan di bawah Perintah ini oleh pengendali takaful itu bahawa wang sijil (termasuk sebarang wang yang kena dibayar setelah sijil itu diserahkan) tidak akan, di bawah sijil itu atau sebarang perjanjian berkenaan dengannya, dibayar dalam matawang Negara Brunei Darussalam, maka bagi maksud bab 23(3) hendaklah diketepikan dari nilai aset dana takaful yang berkaitan suatu amaun yang bersamaan dengan nilai liabiliti pengendali takaful itu berkaitan dengan sijil yang ditentukan atas dasar yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa.

Pengambilan risiko oleh pengendali takaful dan pemungutan dan pengembalian balik sumbangan.

32. (1) Tertakluk kepada ceraian-ceraian (2) dan (3), tiada pengendali takaful boleh mengambil sebarang risiko berkaitan dengan sebarang perniagaan takaful am melainkan jika —

(a) sumbangan yang kena dibayar diterima oleh pengendali takaful itu atau dijamin akan dibayar oleh orang itu mengikut cara dan dalam masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan; atau

(b) suatu deposit secara pendahuluan telah dibuat dalam amaun dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Jika sumbangan yang kena dibayar menurut ceraian (1) diterima oleh mana-mana orang, termasuk seseorang ejen takaful atau broker takaful, bagi pihak pengendali takaful, penerimaan itu hendaklah dianggap sebagai penerimaan oleh pengendali takaful itu bagi maksud-maksud ceraian tersebut, dan beban untuk membuktikan bahawa sumbangan yang kena dibayar itu telah diterima oleh seseorang, termasuk seseorang ejen takaful atau broker takaful, yang tidak diberi kuasa untuk menerima sumbangan tersebut hendaklah terletak kepada pengendali takaful itu.

(3) Ceraian-ceraian (1) dan (2) hendaklah dikenakan kepada perihalan perniagaan takaful am sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(4) Dengan tidak menghiraukan ceraian-ceraian (1) dan (2), pengendali takaful tidak boleh memberikan kredit kepada ejen-ejen takaful atau broker-broker takaful dan peserta berkaitan dengan perniagaan takaful kendaraan bermotor.

(5) Jika mana-mana orang, termasuk seseorang ejen takaful atau broker takaful menerima bagi pihak pengendali takaful suatu sumbangan atas suatu sijil takaful dari sesuatu perihalan yang ditetapkan menurut ceraian (3), orang itu hendaklah mendeposit dengan, atau menghantar melalui pos kepada pengendali takaful itu sumbangan yang dipungut itu dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan berkenaan dengan sijil-sijil dari perihalan itu.

(6) Sebarang pembayaran balik sumbangan, berkenaan dengan sijil-sijil takaful dari sesuatu perihalan yang ditetapkan di bawah ceraian (3), yang mungkin menjadi kena dibayar kepada seseorang peserta kerana pembatalan suatu sijil atau perubahan terma-terma dan syarat-syaratnya atau kerana sebarang sebab lain, hendaklah dibayar oleh pengendali takaful itu terus kepada peserta tersebut dan suatu resit yang betul hendaklah diperolehi oleh pengendali takaful itu daripada peserta tersebut dan pembayaran balik itu tidak boleh dalam apa-apa hal keadaan pun dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana orang lain, termasuk seseorang ejen takaful atau broker takaful.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(7) Mana-mana orang yang tidak mematuhi bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

Lantikan aktuari.

33. (1) Tiada aktuari atau aktuari perunding, mengikut mana yang berkenaan, boleh dilantik oleh pengendali takaful tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa.

(2) Pengendali takaful hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa secara bertulis apabila terdapat perubahan aktuari dan perubahan itu adalah tertakluk kepada kebenaran bertulis Pihak Berkuasa.

Pengawalseliaan sumbangan di bawah sijil takaful keluarga.

34. (1) Pengendali takaful tidak boleh mengeluarkan suatu sijil takaful keluarga dari sebarang perihalan, iaitu sijil Negara Brunei Darussalam, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa.

(2) Sijil takaful keluarga itu hanya boleh dikeluarkan jika kadar sumbangan di bawah sijil itu dibenarkan oleh aktuari yang dilantik di bawah bab 33, atau nilai kadar-kadar yang ditetapkan bagi sijil-sijil itu, adalah suatu sumbangan yang dibenarkan oleh aktuari tersebut.

(3) Seseorang aktuari tidak boleh bagi maksud-maksud bab ini membenarkan suatu sumbangan bagi suatu sijil atau suatu kadar sumbangan bagi sebarang perihalan suatu sijil, melainkan jika berpuas hati bahawa ia adalah sesuai dan menurut prinsip-prinsip takaful yang sihat.

(4) Seseorang aktuari, dalam memberikan kebenarannya berkaitan dengan sebarang perihalan sijil takaful keluarga, hendaklah mengambil kira kadar maksimum komisen yang dicadangkan hendak dibayar atau diberikan kepada mana-mana orang berkaitan dengan perihalan sijil itu, dan hendaklah memperakui kadar maksimum tersebut.

(5) Jika dalam hal mana-mana pengendali takaful suatu kadar sumbangan dibenarkan oleh seseorang aktuari bagi sebarang perihalan sijil takaful keluarga, pengendali takaful itu tidak boleh, kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa, membayar atau memberi berkaitan dengan sebarang sijil dari perihalan itu suatu komisen pada suatu kadar yang lebih banyak dari kadar maksimum komisen yang diperakui oleh aktuari tersebut.

(6) Pihak Berkuasa boleh dengan notis secara bertulis menghendaki mana-mana pengendali takaful Negara Brunei Darussalam untuk mendapatkan dan memberi kepadanya dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam notis itu suatu

laporan oleh seseorang aktuari tentang kesesuaian kadar-kadar sumbangan yang dikenakan pada masa itu oleh pengendali takaful tersebut bagi sebarang perihalan sijil takaful keluarga, dan jika aktuari tersebut menganggap bahawa kadar-kadar itu adalah tidak sesuai atau tidak menurut prinsip-prinsip takaful yang sihat, suatu laporan tentang kadar-kadar sumbangan yang dibenarkan oleh aktuari tersebut bagi perihalan sijil itu; dan bagi maksud-maksud ceraian (2) perhatian hendaklah diberikan kepada sebarang laporan tersebut terkecuali sebarang kebenaran atau laporan terdahulu.

(7) Setiap kali pengendali takaful mengeluarkan suatu sijil atau memberi suatu komisen dengan melanggar bab ini, pengendali takaful itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000.

Notis berhubung dengan bukti umur.

35. Jika pengendali takaful mengeluarkan suatu sijil takaful keluarga yang memperuntukkan bahawa bukti umur peserta itu adalah suatu syarat sebelum jumlah wang tersebut dibayar, pengendali takaful itu hendaklah, melainkan jika umur peserta itu telah pun diterima oleh pengendali takaful itu, mengeluarkan atas atau dengan sijil tersebut suatu notis bercetak yang menyatakan bahawa bukti umur peserta itu boleh dikehendaki sebelum jumlah wang itu dibayar.

Salah nyata umur dan tidak mengelakkan sijil.

36. (1) Suatu sijil takaful tidak boleh dipersoalkan hanya dengan sebab salah nyata umur seseorang peserta.

(2) Jika umur sebenar yang ditunjukkan dengan bukti adalah lebih tinggi dari umur yang berdasarkan kepada sijil tersebut, pengendali takaful itu boleh mengubah jumlah wang takaful dan bonus (jika ada) yang diuntukkan kepada sijil itu supaya, sepertimana yang diubah, ia mengandungi kadaran yang sama dengan jumlah wang takaful di bawah dan bonus (jika ada) yang diuntukkan kepada sijil itu sebelum pengubahan sebagai amaun sumbangan yang menjadi kena dibayar di bawah sijil itu berbanding dengan amaun sumbangan yang sepatutnya menjadi kena dibayar jika sijil itu telah diasaskan kepada umur sebenar.

(3) Jika umur sebenar yang ditunjukkan dengan bukti adalah kurang dari umur yang berdasarkan kepada sijil tersebut, pengendali takaful itu hendaklah sama ada —

(a) mengubah jumlah wang takaful di bawah dan bonus (jika ada) yang diuntukkan kepada sijil itu supaya, sepertimana yang diubah, ia mengandungi kadaran yang sama dengan jumlah wang takaful di bawah dan bonus (jika ada) yang diuntukkan kepada sijil itu sebelum pengubahan sebagai amaun sumbangan yang menjadi kena dibayar di bawah sijil itu oleh

peserta tersebut berbanding dengan amaun sumbangan yang sepatutnya menjadi kena dibayar jika sijil itu telah diasaskan kepada umur sebenar; atau

(b) mengurangkan, mulai dari tarikh sijil itu dikeluarkan, sumbangan yang kena dibayar kepada amaun yang sepatutnya kena dibayar jika sijil itu telah diasaskan kepada umur sebenar dan membayar balik kepada peserta tersebut amaun sumbangan yang terlebih bayar tolak sebarang amaun yang telah dibayar sebagai nilai tunai bonus melebihi nilai tunai yang sepatutnya dibayar jika sijil itu telah diasaskan kepada umur sebenar.

(4) Tiada sijil takaful keluarga yang dibuat selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini, setelah tamat tempoh 2 tahun dari tarikh sijil itu dibuat, boleh dipersoalkan oleh pengendali takaful atas alasan bahawa suatu pernyataan yang dibuat dalam cadangan untuk takaful atau dalam suatu laporan doktor, referi atau orang lain, atau dalam suatu dokumen yang membawa kepada pengeluaran sijil itu, adalah tidak betul atau palsu, melainkan jika pengendali takaful itu menunjukkan bahawa pernyataan itu adalah mengenai suatu perkara mustahak atau telah memadamkan sesuatu fakta mustahak dan bahawa ia telah dibuat dengan tipuan oleh peserta tersebut dengan mengetahui bahawa pernyataan itu adalah palsu atau bahawa ia telah memadamkan sesuatu fakta mustahak.

(5) Bagi maksud-maksud ceraian (4) "perkara mustahak" atau "fakta mustahak" bermakna sesuatu perkara atau fakta yang, jika diketahui oleh pengendali takaful itu, akan menyebabkan pengendali takaful itu enggan mengeluarkan suatu sijil takaful keluarga kepada peserta tersebut atau akan menyebabkan pengendali takaful itu mengenakan terma-terma yang kurang baik kepada peserta tersebut dari terma-terma yang dikenakan dalam sijil itu.

(6) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menghalang pengendali takaful itu dari meminta bukti umur pada bila-bila masa, dan tiada sijil boleh dipersoalkan hanya kerana terma-terma sijil itu diselaraskan menurut ceraian-ceraian (2) atau (3).

Bantahan terhadap sijil takaful keluarga.

37. (1) Seseorang peserta boleh, dalam masa 14 hari setelah suatu sijil takaful keluarga diserahkan kepadanya atau, jika diserahkan di tempat kediamannya, kepada seseorang yang tinggal di dalamnya, mengembalikan sijil tersebut kepada pengendali takaful itu dengan suatu bantahan secara bertulis terhadap sebarang terma atau syarat sijil tersebut dan pengendali takaful itu hendaklah dengan serta-merta membayar balik sebarang sumbangan yang telah dibayar berkaitan dengan sijil tersebut yang selepas itu hendaklah dibatalkan.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu sijil hendaklah dianggap sebagai dikembalikan kepada pengendali takaful dengan suatu bantahan apabila sijil dengan bantahan secara bertulis itu diterima oleh pengendali takaful itu atau diposkan kepada pengendali takaful itu dengan pos berdaftar.

Kawalan borang cadangan, sijil dan risalah.

38. (1) Pihak Berkuasa boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pengendali takaful supaya mengemukakan kepadanya borang-borang cadangan dan sijil yang digunakan oleh pengendali takaful itu di Negara Brunei Darussalam, dan sebarang risalah yang digunakan oleh pengendali takaful itu bagi menyatakan terma-terma atau syarat-syarat, atau manfaat-manfaat yang diperolehi atau mungkin diperolehi dari sijil-sijil tersebut; dan jika kesemua atau sebahagian dari sebarang borang atau risalah itu tidak dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, maka hendaklah dikemukakan bersamanya suatu terjemahan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

(2) Suatu kehendak di bawah bab ini, melainkan jika diperuntukkan selainnya di dalamnya, hendaklah dikenakan kepada semua borang dan risalah yang digunakan setelah kehendak itu dibuat dan sehingga Pihak Berkuasa memberitahu pengendali takaful itu bahawa kehendak tersebut telah ditarik balik.

(3) Jika pada pendapat Pihak Berkuasa, selepas memberi peluang kepada pengendali takaful itu untuk membuat pernyataan secara lisan atau bertulis, bahawa sebarang borang atau risalah itu melanggar atau tidak mematuhi sebarang peruntukan Perintah ini, atau dalam sebarang hal mungkin mengelirukan, dia boleh dengan notis secara bertulis mengarahkan pengendali takaful itu supaya menghentikan penggunaan borang atau risalah itu di Negara Brunei Darussalam sama ada dengan serta-merta atau mulai dari suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Tiada pengendali takaful Negara Brunei Darussalam boleh menggunakan semasa menjalankan perniagaan takaful di Negara Brunei Darussalam suatu borang cadangan yang tidak menunjukkan dengan jelas di dalamnya suatu amaran bahawa jika pencadang tidak memberi dengan sepenuhnya dan sebenarnya fakta-fakta seperti yang diketahuinya atau patut diketahuinya, dia mungkin tidak mendapat apa-apa dari sijil itu.

(5) Setiap kali mana-mana pengendali takaful menggunakan suatu borang atau risalah dengan melanggar ceraian-ceraian (3) atau (4), pengendali takaful itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

(6) Dalam bab ini, "risalah" termasuk sebarang surat sebaran dan bahan iklan bercetak.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pernyataan, janji atau ramalan yang mengelirukan yang mendorong orang untuk membuat kontrak takaful.

39. Mana-mana orang yang, dengan sebarang pernyataan, janji atau ramalan yang diketahuinya mengelirukan, palsu atau memperdayakan, dengan sebarang tipuan menyembunyikan suatu fakta mustahak atau dengan cuai membuat (dengan tipuan atau pun selainnya) sebarang pernyataan, janji atau ramalan yang mengelirukan, palsu atau memperdayakan, mendorong orang lain untuk membuat atau menawarkan untuk membuat sebarang kontrak takaful dengan pengendali takaful adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Kehendak-kehendak tentang prospektus dan penyata modal.

40. (1) Dalam sebarang hal jika, di bawah bab 37 dari Akta Syarikat (Penggal 39), adalah menjadi suatu kesalahan dengan mengetahui terbabit dalam mengeluarkan suatu prospektus berkenaan dengan suatu syarikat tanpa satu salinannya diserahkan terlebih dahulu untuk pendaftaran di bawah Akta itu, adalah juga menjadi suatu kesalahan, dalam hal suatu syarikat yang didaftarkan atau dicadangkan hendak didaftarkan sebagai pengendali takaful di bawah Perintah ini, untuk berbuat demikian tanpa prospektus itu mendapat kebenaran Pihak Berkuasa; dan mana-mana orang yang dengan mengetahui terbabit dalam mengeluarkan, mengedarkan atau membahagikan suatu prospektus dengan melanggar ceraian ini adalah melakukan kesalahan itu dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000.

(2) Jika suatu notis, iklan atau terbitan rasmi lain suatu syarikat yang didaftarkan atau dicadangkan hendak didaftarkan sebagai pengendali takaful di bawah Perintah ini, mengandungi suatu penyata tentang modal saham syarikat itu yang dibenarkan, dan tidak menyatakan berapa banyakkah modal itu telah diterbitkan dan berapa banyakkah modal berbayarnya, syarikat itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

(3) Dalam bab ini, "prospektus" termasuk sebarang dokumen bercetak di mana ungkapan itu digunakan dalam bab 37 dari Akta Syarikat (Penggal 39).

Pembukaan kaunter atau pejabat cawangan.

41. (1) Kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa, pengendali takaful tidak boleh membuka sebuah kaunter atau pejabat cawangan di Negara Brunei Darussalam.

(2) Tertakluk kepada ceraian (1), pengendali takaful itu hendaklah membuat bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Kebenaran untuk melantik pengarah urusan, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai utama yang dicadangkan bagi pengendali takaful.

42. (1) Tiada pengendali takaful yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam boleh melantik seseorang itu sebagai pengarah urusan, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai utamanya, dan tiada pengendali takaful yang diperbadankan di luar Negara Brunei Darussalam atau pun selainnya menjalankan perniagaan di luar Negara Brunei Darussalam boleh melantik seorang ketua pegawai eksekutif atau pegawai utama bagi Negara Brunei Darussalam, melainkan jika —

(a) pengendali takaful itu telah menyampaikan kepada Pihak Berkuasa suatu notis yang menyatakan bahawa orang yang dicadangkannya untuk dilantik itu memenuhi kriteria minimum "seorang yang layak dan sesuai" sebagaimana yang mungkin ditetapkan; dan

(b) Pihak Berkuasa telah, sebelum tamat tempoh 3 bulan dari tarikh penyampaian notis itu, memberitahu pengendali takaful tersebut secara bertulis bahawa tiada terdapat bantahan terhadap perlantikan orang itu ke jawatan tersebut atau tempoh tersebut berlalu tanpa suatu notis bantahan secara bertulis disampaikan oleh Pihak Berkuasa kepada pengendali takaful tersebut.

(2) Suatu notis di bawah ceraian (1)(a) hendaklah mengandungi suatu pernyataan yang ditandatangani oleh orang yang dicadangkan hendak dilantik bahawa notis itu disampaikan dengan pengetahuan dan persetujuannya.

(3) Pihak Berkuasa boleh membuat bantahan kepada orang yang dicadangkan hendak dilantik dan menyampaikan notis mengenainya di bawah ceraian (1)(b) atas alasan bahawa pada pendapatnya orang itu adalah bukan "seorang yang layak dan sesuai" untuk dilantik demikian, tetapi sebelum menyampaikan notis itu Pihak Berkuasa hendaklah menyampaikan kepada pengendali takaful tersebut dan kepada orang itu suatu notis permulaan secara bertulis yang menyatakan —

(a) bahawa Pihak Berkuasa sedang menimbangkan penyampaian kepada pengendali takaful tersebut suatu notis bantahan atas alasan itu; dan

(b) bahawa pengendali takaful tersebut dan orang itu boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh penyampaian notis permulaan itu, membuat pernyataan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa.

(4) Pihak Berkuasa tidak boleh diwajibkan untuk mendedahkan sebarang butir alasan yang atasnya dia sedang menimbangkan penyampaian notis bantahan itu atau yang atasnya dia telah menyampaikan notis bantahan itu.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(5) Jika pernyataan dibuat menurut bab ini, Pihak Berkuasa hendaklah menimbangkannya dalam memutuskan sama ada untuk menyampaikan notis bantahan itu.

Kebenaran orang yang bercadang hendak menjadi pengawal pengendali takaful jika bab 42(1) tidak dikenakan.

43. (1) Tiada sesiapa pun boleh menjadi pengawal pengendali takaful yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam kecuali menurut lantikan yang berhubung dengannya bab 42(1) berkuatkuasa, melainkan jika —

(a) dia telah menyampaikan kepada Pihak Berkuasa suatu notis yang menyatakan bahawa dia bercadang hendak menjadi pengawal pengendali takaful tersebut dan mengandungi butir-butir sebagaimana yang mungkin ditetapkan; dan

(b) Pihak Berkuasa telah, sebelum tamat tempoh 3 bulan dari tarikh penyampaian notis itu, memberitahunya secara bertulis bahawa tiada terdapat bantahan baginya menjadi pengawal pengendali takaful itu atau tempoh tersebut berlalu tanpa suatu notis bantahan secara bertulis disampaikan oleh Pihak Berkuasa kepadanya.

(2) Pihak Berkuasa boleh membuat bantahan kepada orang yang bercadang hendak menjadi pengawal pengendali takaful tersebut dan menyampaikan notis mengenainya di bawah ceraian (1)(b) atas alasan bahawa pada pendapatnya orang itu adalah bukan "seorang yang layak dan sesuai" untuk menjadi pengawal, tetapi sebelum menyampaikan notis itu Pihak Berkuasa hendaklah menyampaikan kepada orang itu suatu notis secara bertulis yang menyatakan —

(a) bahawa Pihak Berkuasa sedang menimbangkan penyampaian kepada orang itu suatu notis bantahan atas alasan itu; dan

(b) bahawa orang itu boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh penyampaian notis itu, membuat pernyataan secara bertulis kepada Pihak Berkuasa.

(3) Pihak Berkuasa tidak boleh diwajibkan untuk mendedahkan sebarang butir alasan yang atasnya dia sedang menimbangkan penyampaian notis bantahan itu atau yang atasnya dia telah menyampaikan notis bantahan itu.

(4) Jika pernyataan dibuat menurut bab ini, Pihak Berkuasa hendaklah menimbangkannya dalam memutuskan sama ada untuk menyampaikan notis bantahan itu.

Pembatalan kelayakan pengarah urusan, pengarah dll.

44. (1) Tanpa menjelaskan sebarang apa pun yang terkandung dalam Akta Syarikat (Penggal 39), mana-mana orang yang menjadi pengarah urusan, pengarah, ketua pegawai eksekutif, pegawai utama atau pengawal pengendali takaful hendaklah berhenti memegang jawatan —

(a) jika dia telah dihukum menjadi bankrap;

(b) jika dia membuat suatu pemindahan hak atau penyerahan hak hartanya untuk faedah pembiutang-pembiutangnya atau membuat suatu penyusunan dengan pembiutang-pembiutangnya pada amnya;

(c) jika dia disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan penipuan atau ketidakjujuran; atau

(d) jika dia menjadi tidak siuman.

(2) Tiada sesiapa pun yang menjadi pengarah urusan, pengarah, ketua pegawai eksekutif, pegawai utama atau pengawal atau mana-mana anggota keluarganya yang terdekat pengendali takaful boleh memegang saham atau kepentingan lain dalam suatu syarikat yang menjalankan perniagaan broker takaful.

(3) Bagi maksud-maksud ceraian (2), "anggota keluarganya yang terdekat" termasuk isteri, suami, bapa, ibu, anak lelaki dan anak perempuan kepada seseorang pengarah urusan, pengarah, ketua pegawai eksekutif, pegawai utama atau pengawal.

(4) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Kewajipan untuk memberitahu perubahan pengawal, pengarah urusan, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai utama.

45. (1) Seseorang yang menjadi atau berhenti daripada menjadi pengawal pengendali takaful hendaklah, dalam masa 7 hari dari tarikh selepas dia menjadi atau berhenti daripada menjadi pengawal, memberitahu pengendali takaful tersebut secara bertulis mengenai hal itu dan perkara-perkara lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan; dan seseorang yang dilantik menjadi pengarah urusan, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai utama mana-mana pengendali takaful tersebut hendaklah, dalam masa 7 hari dari tarikh selepas dia dilantik demikian, memberitahu pengendali takaful tersebut secara bertulis mengenai perkara-perkara sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Pengendali takaful hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Pihak Berkuasa mengenai hal bahawa mana-mana orang telah menjadi atau berhenti daripada menjadi pengawalnya atau tidak lagi dilantik atau berhenti daripada menjadi pengarah urusan, pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai utamanya dan mengenai sebarang perkara di mana orang itu adalah dikehendaki untuk memberitahu pengendali takaful tersebut di bawah ceraian (1); dan notis itu hendaklah diberikan dalam masa 14 hari dari tarikh selepas hal atau perkara itu sampai ke pengetahuan pengendali takaful tersebut.

Kuasa Pihak Berkuasa untuk menghendaki maklumat, memeriksa buku-buku dll.

46. (1) Pihak Berkuasa boleh menyebabkan supaya diperiksa, secara rahsia, buku-buku, akaun-akaun dan transaksi-transaksi mana-mana pengendali takaful, dan mana-mana pejabat cawangan dan kaunternya.

(2) Bagi maksud-maksud suatu pemeriksaan menurut ceraian (1), pengendali takaful tersebut hendaklah memberikan akses kepada buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumennya dan hendaklah memberi maklumat dan kemudahan sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi menjalankan pemeriksaan itu:

Dengan syarat bahawa buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumen itu tidaklah dikehendaki untuk dikemukakan pada bila-bila masa atau di tempat yang akan mengganggu perjalanan perniagaan harian biasa pengendali takaful tersebut.

(3) Jika Pihak Berkuasa berpendapat bahawa adalah perlu bagi sebarang maksud Perintah ini untuk berbuat demikian, dia boleh dengan notis secara bertulis menghendaki mana-mana pengarah, pegawai atau wakil mana-mana pengendali takaful —

(a) untuk memberi kepadanya sebarang maklumat; atau

(b) untuk hadir di hadapannya,

berhubung dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan sebarang perniagaan yang dijalankan oleh pengendali takaful tersebut di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam mengikut cara dan setakat mana, dan dalam hal kehadiran di hadapannya, pada masa dan di tempat, yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi sebarang kehendak di bawah ceraian-ceraian (1), (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$5,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

(5) Tidak akan ada perubahan kawalan pengendali takaful yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam melainkan jika Pihak Berkuasa telah memberi kebenaran secara bertulis bagi perubahan itu.

Perantara takaful

Ejen takaful hendaklah bertindak hanya bagi pengendali takaful yang berhak menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

47. Tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan takaful di Negara Brunei Darussalam sebagai ejen takaful bagi mana-mana pengendali takaful yang tidak berhak di bawah Perintah ini untuk menjalankan perniagaan yang berkenaan itu di Negara Brunei Darussalam dan mana-mana orang yang melanggar bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$4,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Pengenaan bab 46 kepada ejen takaful.

48. Bab 46 hendaklah dikenakan kepada ejen takaful.

Pendaftaran ejen takaful.

49. (1) Tiada sesiapa pun boleh, tanpa didaftarkan oleh Pihak Berkuasa, menjalankan perniagaan takaful di Negara Brunei Darussalam sebagai ejen takaful.

(2) Dalam mendaftarkan ejen takaful, Pihak Berkuasa boleh melantik seseorang, kumpulan orang atau persatuan pengendali-pengendali takaful untuk menjalankan peperiksaan bagi seseorang yang ingin memohon untuk didaftarkan sebagai ejen takaful.

(3) Dengan tidak menghiraukan ceraian (2), Pihak Berkuasa boleh mendaftarkan seseorang itu sebagai ejen takaful bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun, sementara menunggu orang itu lulus peperiksaan yang dikehendaki.

(4) Pendaftaran ejen takaful di bawah bab ini adalah bagi suatu tempoh selama satu tahun dan boleh diperbaharui pada tiap-tiap tahun.

(5) Ejen-ejen takaful hendaklah membuat bayaran pendaftaran dan tahunan sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(6) Pengarah atau kakitangan pengurusan yang lain, atau mana-mana anggota keluarganya yang terdekat, atau mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan sebagai ejen takaful tidak boleh memegang saham dalam mana-mana syarikat takaful. Selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini, mana-mana orang itu yang memegang saham atau sebarang kepentingan lain dalam mana-mana syarikat takaful hendaklah dalam tempoh satu tahun selepas permulaan kuatkuasa tersebut melepaskan saham atau kepentingan lain itu.

(7) Bagi maksud-maksud ceraian (6), "anggota keluarganya yang terdekat" termasuk isteri, suami, bapa, ibu, anak lelaki dan anak perempuan kepada orang itu.

(8) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan peraturan-peraturan menetapkan kelayakan-kelayakan bagi ejen-ejen takaful sebagaimana yang dianggap patut olehnya.

(9) Seseorang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$2,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Pendedahan oleh perantara takaful sebelum kontrak dibuat.

50. (1) Tiada perantara takaful boleh mempelawa mana-mana orang untuk membuat suatu tawaran atau cadangan untuk membuat suatu kontrak takaful tanpa mendedahkan kepada orang itu semua maklumat mustahak, termasuk —

- (a) nama pengendali takaful;
- (b) kaitannya dengan pengendali takaful;
- (c) sumbangan yang dikenakan oleh pengendali takaful; dan
- (d) maklumat lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau dinyatakan dalam arahan-arahan.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Perantara takaful dalam transaksi takaful.

51. (1) Mana-mana perantara takaful yang memungut wang bagi pihak pengendali takaful hendaklah mengirimkan wang itu kepada pengendali takaful tersebut tanpa kelengahan yang tidak sepatutnya —

(a) berkaitan dengan ejen takaful individu yang menjalankan perniagaan takaful keluarga, dalam masa 7 hari dari tarikh menerima;

(b) berkaitan dengan ejen takaful korporat yang menjalankan perniagaan takaful am, dalam masa 30 hari dari tarikh menerima.

(2) Sebarang amaun yang dipungut di bawah ceraian (1) adalah dianggap telah dipungut oleh pengendali takaful tersebut.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Broker takaful hendaklah bertindak hanya bagi pengendali takaful yang berhak menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

52. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), tiada broker takaful boleh semasa menjalankan perniagaannya yang sedemikian itu merundingkan sebarang kontrak takaful dengan pengendali takaful selain daripada pengendali takaful yang berhak di bawah Perintah ini untuk menjalankan perniagaan yang berkenaan itu di Negara Brunei Darussalam, dan tiada sesiapa pun di Negara Brunei Darussalam boleh mendapatkan perniagaan takaful bagi pengendali takaful yang tidak berhak menjalankan perniagaan itu di Negara Brunei Darussalam; dan mana-mana orang yang melanggar ceraian ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$4,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

(2) Sebutan-sebutan dalam ceraian (1) kepada suatu kontrak takaful dan perniagaan takaful tidak boleh dikenakan kepada takaful semula atau perniagaan berhubung dengan risiko-risiko di luar Negara Brunei Darussalam atau risiko-risiko lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pengenaan bab-bab 42 hingga 46 kepada broker takaful.

53. Bab-bab 42 hingga 46 hendaklah dikenakan kepada broker takaful.

Pendaftaran broker takaful.

54. (1) Tiada sesiapa pun boleh, tanpa didaftarkan oleh Pihak Berkuasa, menjalankan perniagaan takaful di Negara Brunei Darussalam sebagai broker takaful melainkan jika —

(a) ia adalah suatu syarikat sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat (Penggal 39);

(b) ia mempunyai modal saham berbayar minimum sebagaimana yang mungkin ditetapkan;

(c) ia mempunyai takaful indemniti profesional sebagaimana yang mungkin ditetapkan; dan

(d) Pihak Berkuasa telah diberikan dengan dokumen-dokumen dan maklumat sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau sebagaimana yang mungkin dikehendaknya dalam sebarang hal tertentu.

(2) Dalam mendaftarkan broker takaful, Pihak Berkuasa boleh mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan boleh pada bila-bila masa menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syarat tersebut.

(3) Pendaftaran broker takaful adalah bagi suatu tempoh selama satu tahun dan boleh diperbaharui pada tiap-tiap tahun.

(4) Broker-broker takaful hendaklah membuat bayaran pendaftaran dan tahunan sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(5) Pihak Berkuasa boleh membatalkan pendaftaran mana-mana broker takaful jika dia berpuas hati bahawa sebarang syarat yang dikenakan berhubung dengan pendaftaran broker takaful itu telah dilanggar atau bahawa adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

(6) Pengarah atau kakitangan pengurusan yang lain, atau mana-mana anggota keluarganya yang terdekat, atau mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan sebagai broker takaful tidak boleh memegang saham dalam mana-mana syarikat takaful. Selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini, mana-mana orang itu yang memegang saham atau sebarang kepentingan lain dalam mana-mana syarikat takaful hendaklah dalam tempoh satu tahun selepas permulaan kuatkuasa tersebut melepaskan saham atau kepentingan lain itu.

(7) Bagi maksud-maksud ceraian (6), "anggota keluarganya yang terdekat" termasuk isteri, suami, bapa, ibu, anak lelaki dan anak perempuan kepada orang itu.

(8) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$2,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Broker takaful dalam transaksi takaful.

55. (1) Broker takaful yang memungut wang daripada seseorang peserta hendaklah mengirimkan wang itu kepada pengendali takaful dalam masa 30 hari dari tarikh menerima sumbangan.

(2) Sebarang amaun yang dipungut di bawah ceraian (1) adalah dianggap telah dipungut oleh pengendali takaful.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Akaun sumbangan pembrokeran takaful.

56. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), tiap-tiap broker takaful berdaftar yang menerima sebarang wang —

(a) daripada atau bagi pihak seseorang peserta atau bakal peserta bagi atau atas akaun pengendali takaful berhubung dengan suatu kontrak takaful atau kontrak takaful cadangan; atau

(b) daripada atau bagi pihak pengendali takaful bagi atau atas akaun seseorang peserta atau bakal peserta,

hendaklah bagi maksud-maksud bab ini mengadakan dan menyelenggara suatu akaun berasingan dengan sebuah bank yang dilesenkan di bawah Perintah Perbankan, 2006 (S 45/06), Perintah Perbankan Islam, 2008 atau dengan institusi kewangan lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Mana-mana broker takaful berdaftar yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$25,000.

Pendaftaran ajuster.

57. (1) Tiada sesiapa pun boleh, tanpa didaftarkan oleh Pihak Berkuasa, bertindak atau mengemukakan dirinya sebagai seorang ajuster melainkan jika —

(a) dia adalah seorang ahli persatuan ajuster-ajuster yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa, dengan syarat bahawa perenggan ini tidak boleh dikenakan sehingga persatuan tersebut telah ditubuhkan;

(b) sebagai suatu badan korporat, dia mempunyai modal saham berbayar minimum sebagaimana yang mungkin ditetapkan; dan

(c) Pihak Berkuasa telah diberikan dengan dokumen-dokumen dan maklumat sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau sebagaimana yang mungkin dikehendakinya dalam sebarang hal tertentu.

(2) Dalam mendaftarkan ajuster, Pihak Berkuasa boleh mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan boleh pada bila-bila masa menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syarat tersebut.

(3) Pendaftaran ajuster adalah bagi suatu tempoh selama satu tahun dan boleh diperbaharui pada tiap-tiap tahun.

(4) Ajuster-ajuster hendaklah membuat bayaran pendaftaran dan tahunan sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(5) Pihak Berkuasa boleh membatalkan pendaftaran mana-mana ajuster jika dia berpuas hati bahawa sebarang syarat yang dikenakan berhubung dengan pendaftaran ajuster itu telah dilanggar atau bahawa adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

(6) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dikenakan kepada —

(a) peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara dan ahli-ahli profesion lain yang bertindak atau membantu dalam menentukan bayaran tuntutan-tuntutan takaful yang berkaitan dengan amalan profesion mereka masing-masing dan yang tidak mengemukakan diri mereka sebagai ajuster;

(b) ajuster bagi kerugian kelautan;

(c) pekerja-pekerja pengendali takaful yang, dalam masa mereka bekerja, bertindak atau membantu dalam menentukan bayaran tuntutan-tuntutan takaful dan yang tidak mengemukakan diri mereka sebagai ajuster.

(7) Tiap-tiap ajuster hendaklah dalam masa satu bulan selepas tamatnya setiap suku tahun mengemukakan kepada Pihak Berkuasa suatu laporan dalam borang yang ditetapkan mengenai semua kerugian yang menjadi perkara penaksiran bayaran tuntutan yang dilakukan olehnya dalam suku tahun itu.

(8) Bab-bab 42 hingga 46 hendaklah dikenakan kepada ajuster.

(9) Tiada sesiapa pun yang menjalankan perniagaan ajuster kerugian, pentaksir kerugian, pemeriksa atau mana-mana orang lain yang berdaftar yang memberikan perkhidmatan tambahan kepada industri takaful atau mana-mana anggota keluarganya yang terdekat, boleh memegang saham atau kepentingan lain dalam suatu syarikat takaful.

(10) Bagi maksud-maksud ceraian (9), "anggota keluarganya yang terdekat" termasuk isteri, suami, bapa, ibu, anak lelaki dan anak perempuan kepada ajuster kerugian, pentaksir kerugian, pemeriksa atau mana-mana orang lain yang berdaftar yang memberikan perkhidmatan tambahan kepada industri takaful.

(11) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$800 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

(12) Jika seseorang itu tidak mengemukakan suatu laporan sebagaimana yang dikehendaki oleh ceraian (7), dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$2,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Pemeriksaan orang yang disyaki bertindak atau mengemukakan dirinya sebagai broker takaful, perantara takaful atau ajuster.

58. (1) Apabila Pihak Berkuasa mempunyai sebab untuk mengesyaki atau mempercayai bahawa seseorang itu bertindak atau mengemukakan dirinya sebagai broker takaful, perantara takaful atau ajuster tanpa didaftarkan di bawah Perintah ini, ia boleh meminta atau memeriksa buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod orang itu bagi memastikan sama ada atau tidak orang itu telah melanggar sebarang peruntukan Perintah ini.

(2) Mana-mana orang yang dengan sengaja enggan mengemukakan buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekodnya atau membenarkan pemeriksaannya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$2,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Perkecualian bagi kesahan sijil takaful.

59. Tiada sebarang apa pun dalam Bahagian ini boleh berkuatkuasa untuk membatalkan sebarang sijil takaful.

BAHAGIAN IV

PENYATA, PEMERIKSAAN DAN PENYIASATAN, PENGGULUNGAN DAN PEMINDAHAN PERNIAGAAN

Penyata

Akaun tahunan dan audit.

60. (1) Tiap-tiap pengendali takaful dan broker takaful berdaftar hendaklah menyediakan penyata akaun dan penyata lain dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat dan menyerahkannya kepada Pihak Berkuasa.

(2) Tiap-tiap pengendali takaful dan broker takaful berdaftar hendaklah menyebabkan supaya disimpan buku-buku dan rekod-rekod mengikut standard perakaunan antarabangsa, tetapi tidak terhad kepada, standard perakaunan antarabangsa yang dikeluarkan oleh Organisasi Pengauditan bagi Institusi-Institusi Kewangan Islam (AOIFI), Lembaga Standard Perakaunan Antarabangsa (IASB) atau sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa yang akan menerangkan dengan secukupnya transaksi-transaksi dan kedudukan kewangan pengendali takaful tersebut di Negara Brunei Darussalam dan membolehkan pengendali takaful tersebut mematuhi kehendak-kehendak bab ini dan bab 61, dan hendaklah menyebabkan supaya buku-buku dan rekod-rekod itu disimpan mengikut cara yang akan membolehkannya diaudit dengan mudah dan sempurna.

(3) Pengendali takaful hendaklah meminta supaya akaunnya diaudit bagi setiap tempoh perakaunan di mana penyata akaun telah disediakan menurut ceraian (1).

(4) Broker takaful berdaftar hendaklah meminta supaya akaunnya diaudit bagi setiap tahun kewangan di mana penyata akaun telah disediakan menurut ceraian (1).

(5) Tiada sesiapa pun boleh bertindak sebagai juruaudit bagi mana-mana pengendali takaful atau broker takaful berdaftar melainkan jika —

(a) dia mempunyai suatu tempat perniagaan di Negara Brunei Darussalam;

(b) dia telah dibenarkan menurut bab 131 dari Akta Syarikat (Penggal 39) untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta itu untuk dilaksanakan oleh seseorang juruaudit; dan

(c) dia telah mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa.

(6) Seseorang juruaudit tidak akan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa sebagai juruaudit bagi pengendali-pengendali takaful atau broker-broker takaful berdaftar melainkan jika dia dapat mematuhi syarat-syarat berkenaan dengan penunaian kewajipan-kewajipannya sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(7) Pihak Berkuasa boleh mengenakan semua atau sebarang kewajipan yang berikut kepada seseorang juruaudit —

(a) kewajipan untuk mengemukakan maklumat tambahan berkenaan dengan pengauditannya sebagaimana yang dianggap perlu oleh Pihak Berkuasa;

(b) kewajipan untuk memperbesarkan atau meluaskan skop pengauditannya tentang perniagaan dan urusan pengendali takaful tersebut;

(c) kewajipan untuk menjalankan sebarang pemeriksaan lain atau mengadakan sebarang prosedur dalam sebarang hal tertentu; dan

(d) kewajipan untuk mengemukakan suatu laporan mengenai sebarang perkara yang disebut dalam perenggan-perenggan (b) atau (c),

dan pengendali takaful atau broker takaful tersebut hendaklah memberi ganjaran kepada juruaudit itu berkaitan dengan penunaian olehnya akan semua atau sebarang kewajipan ini.

(8) Laporan juruaudit yang dibuat di bawah ceraian (7) hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa, berserta dengan penyata akaun yang diserahkan oleh pengendali takaful atau broker takaful tersebut di bawah ceraian (1).

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(9) Jika seseorang juruaudit, semasa melaksanakan kewajipankewajipannya sebagai juruaudit pengendali takaful, berpuas hati bahawa —

(a) peruntukan-peruntukan Perintah ini telah benar-benar dilanggar atau tidak dipatuhi atau bahawa suatu kesalahan jenayah yang melibatkan penipuan atau ketidakjujuran telah dilakukan;

(b) sebarang transaksi atau pertikaian telah berlaku yang akan mempunyai kesan penting ke atas kemampubayaran sebarang dana takaful yang diadakan oleh pengendali takaful tersebut di bawah Perintah ini;

(c) salah aturan yang berat telah berlaku, termasuk salah aturan yang membahayakan kepentingan peserta-peserta; atau

(d) jika pengendali takaful tersebut diperbadankan atau ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam, pengendali takaful tersebut tidak mampu memenuhi kewajipannya,

dia hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada Pihak Berkuasa.

(10) Dalam hal suatu syarikat yang diperbadankan atau ditubuhkan di luar Negara Brunei Darussalam, pengauditan yang dikehendaki oleh ceraian (3) tidak perlu diperluaskan melampaui perniagaan di mana suatu dana takaful diselenggarakan di bawah Perintah ini.

(11) Dokumen-dokumen yang hendak diserahkan kepada Pihak Berkuasa di bawah bab ini bagi sebarang tempoh perakaunan pengendali takaful hendaklah disertakan dengan salinan-salinan sebarang laporan yang dikemukakan kepada ahli-ahli pengendali takaful tersebut berkenaan dengan tempoh itu dan, jika tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diserahkan itu, dengan sebarang penyata akaun yang dikemukakan itu berkenaan dengan tempoh tersebut; tetapi sebutan-sebutan dalam bab ini kepada dokumen-dokumen yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa hendaklah dianggap tidak termasuk dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh bab ini untuk disertakan dengan dokumen-dokumen yang diserahkan itu.

(12) Jika sebarang laporan atau penyata yang disebut dalam ceraian (10) adalah dalam suatu bahasa selain dari bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, salinan yang dikehendaki oleh ceraian itu hendaklah dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dan hendaklah diperakui sebagai terjemahan sebenar naskhah asal oleh penterjemah.

Penyiasatan dan laporan aktuari tentang perniagaan takaful keluarga.

61. (1) Tertakluk kepada bab ini, pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga hendaklah sekali dalam setiap tempoh satu tahun meminta supaya suatu penyiasatan dibuat oleh seorang aktuari mengenai keadaan kewangan perniagaan takaful keluarganya dan hendaklah menyerahkan kepada Pihak Berkuasa (berserta dengan sebarang bayaran yang ditetapkan) ringkasan laporan aktuari tersebut dan perakuan berkenaan dengannya dan penyata tentang perniagaan itu yang disebut dalam bab 60(1).

(2) Suatu penyiasatan di bawah ceraian (1) hendaklah dibuat pada penghujung setiap tempoh perakaunan. Aktuari itu hendaklah memperakui bahawa pada pendapatnya rizab pengendali takaful tersebut adalah mencukupi atau pun selainnya untuk perniagaan pengendali takaful tersebut dan juga bagaimana lebih jika ada, dana pengendali takaful tersebut yang boleh dikaitkan dengan perniagaan takaful keluarganya akan diperuntukkan di antara peserta-pesertanya dan pemegang-pemegang sahamnya.

(3) Dalam hal suatu syarikat yang diperbadankan atau ditubuhkan di luar Negara Brunei Darussalam, penyiasatan yang dikehendaki oleh ceraian (1) tidak perlu diperluaskan melampaui perniagaan di mana suatu dana takaful diselenggarakan di bawah Perintah ini, tetapi jika syarikat tersebut dikehendaki oleh undang-undang berkenaan dengan takaful di negara di mana ia diperbadankan atau ditubuhkan untuk memberikan kepada pihak berkuasa yang melaksanakan undang-undang itu penyata tentang penyiasatan aktuari mengenai perniagaan takaful keluarganya, dokumen yang hendak diserahkan kepada Pihak Berkuasa di bawah bab ini hendaklah disertakan dengan salinan-salinan sebarang penyata itu yang diperakui yang dibuat sejak syarikat itu mula-mula didaftarkan di bawah Perintah ini berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga (atau, dalam hal pengendali takaful yang sedia ada, sejak permulaan kuatkuasa Perintah ini), selain dari penyata yang salinan-salinannya telah diberikan dahulunya di bawah ceraian ini. Sebutan-sebutan dalam bab ini kepada dokumen-dokumen yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa hendaklah dianggap tidak termasuk dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh bab ini untuk disertakan dengan dokumen-dokumen yang diserahkan itu.

(4) Jika pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga —

(a) meminta supaya suatu penyiasatan aktuari dibuat mengenai perniagaan takaful keluarga di mana ia menyelenggara suatu dana takaful di bawah Perintah ini (sama ada dengan atau tanpa sebarang perniagaan takaful keluarga lain yang dijalankan olehnya); dan

(b) penyiasatan itu tidak dibuat bagi mematuhi ceraian (1) atau sebarang peruntukan tentang penyata dalam undang-undang berkenaan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

dengan takaful di sesebuah negara di luar Negara Brunei Darussalam, tetapi hasil dari penyiasatan itu diumumkan,

maka pengendali takaful tersebut hendaklah, tentang penyerahan dokumen-dokumen kepada Pihak Berkuasa, mematuhi kehendak-kehendak ceraian (1) sepetimana dalam hal suatu penyiasatan yang dibuat di bawah ceraian itu.

Kuasa untuk menghendaki supaya penyata di bawah bab-bab 60 atau 61 dibetulkan.

62. (1) Jika pada pendapat Pihak Berkuasa bahawa sebarang dokumen yang diserahkan menurut bab-bab 60 atau 61 dalam apa-apa butiran adalah tidak memuaskan, tidak lengkap, tidak betul atau mengelirukan atau bahawa ia tidak mematuhi kehendak-kehendak Perintah ini, Pihak Berkuasa boleh dengan notis secara bertulis menghendaki supaya penjelasan dibuat sebagaimana yang dianggapnya perlu oleh atau bagi pihak pengendali takaful tersebut dalam masa (tidak kurang dari 14 hari) sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Pihak Berkuasa boleh, setelah menimbangkan sebarang penjelasan yang dibuat di bawah ceraian (1), atau jika penjelasan itu belum diberikan oleh atau bagi pihak pengendali takaful tersebut dalam masa yang dinyatakan dalam notis yang diberikan menurut ceraian itu, menolak dokumen itu atau memberi arahan sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi pengubahannya dalam masa (tidak kurang dari satu bulan) sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

(3) Arahan yang diberikan di bawah ceraian (2) berkenaan dengan sebarang dokumen boleh menghendaki pengubahan berbangkit bagi sebarang dokumen lain yang diserahkan oleh pengendali takaful tersebut di bawah bab-bab 60 atau 61, sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam arahan itu.

(4) Jika arahan diberikan di bawah ceraian (2), sebarang dokumen yang disebut dalam arahan itu hendaklah dianggap tidak diserahkan sehingga dokumen itu dikemukakan semula dengan pengubahan yang dikehendaki oleh arahan itu, tetapi pengendali takaful tersebut hendaklah dianggap telah mengemukakan dokumen itu dalam masa yang dihadkan di bawah bab 60(1) jika ia dikemukakan semula dengan pengubahan yang dikehendaki dalam masa yang dihadkan oleh arahan itu.

Peruntukan-peruntukan tambahan tentang penyata di bawah bab-bab 60 atau 61.

63. (1) Mana-mana ahli atau peserta pengendali takaful hendaklah mempunyai hak, setelah memohon kepada pengendali takaful tersebut, untuk diantar oleh pengendali takaful tersebut ke suatu alamat yang diberikan olehnya salinan-salinan dokumen yang diserahkan oleh pengendali takaful tersebut bagi mematuhi bab-bab 60 atau 61, dan meminta supaya salinan-salinan itu diantar tidak lewat dari 14 hari setelah pengendali takaful tersebut menerima permohonan itu:

Dengan syarat bahawa hak ini tidak meliputi sebarang dokumen yang dikecualikan dari peruntukan ini oleh bab 60(1).

(2) Mana-mana orang hendaklah mempunyai hak, setelah bayaran yang ditetapkan dibuat, untuk memeriksa di pejabat Pihak Berkuasa sebarang dokumen yang diserahkan oleh pengendali takaful bagi mematuhi bab-bab 60 atau 61, dan sebarang dokumen yang dikehendaki oleh bab 60(11) dan bab 61(3) untuk disertakan dengan dokumen yang diserahkan itu dan membuat salinan kesemua atau mana-mana bahagiannya:

Dengan syarat bahawa hak ini tidak meliputi sebarang dokumen yang dikecualikan dari peruntukan ini oleh bab 60(1) atau sebarang dokumen dari sebarang perihalan lain yang diserahkan lebih dari 10 tahun dahulu.

(3) Dalam sebarang prosiding, suatu perakuan yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa bahawa sesuatu dokumen itu adalah dokumen yang diserahkan oleh pengendali takaful bagi mematuhi bab-bab 60 atau 61 atau dokumen yang disertakan dengan dokumen yang diserahkan itu, boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta-fakta yang diperakui itu.

(4) Jika pengendali takaful tidak mematuhi bab-bab 60 atau 61, pengendali takaful tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Penyata perubahan dalam butir-butir pendaftaran.

64. (1) Tertakluk kepada ceraian (3), jika pengendali takaful didaftarkan di bawah Perintah ini berkaitan dengan salah satu kelas perniagaan takaful, pengendali takaful tersebut hendaklah, sehingga dia tidak lagi didaftarkan demikian, memberitahu Pihak Berkuasa secara bertulis mengenai sebarang perubahan berhubung dengan butir-butir pendaftaran pengendali takaful tersebut dalam masa 3 bulan dari perubahan itu berlaku.

(2) Jika perubahan itu mengakibatkan sebarang dokumen dipinda, atau sebarang dokumen diganti dengan suatu dokumen baru, pengendali takaful tersebut hendaklah memberi kepada Pihak Berkuasa satu salinan dokumen itu yang menunjukkan pindaan tersebut atau, mengikut mana yang berkenaan, satu salinan dokumen yang baru itu.

(3) Bab ini hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada sebarang kekecualian yang ditetapkan, dan Pihak Berkuasa boleh dalam sebarang hal tertentu mengecualikan (sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada sebarang syarat) pemberian maklumat di bawah bab ini mengenai sebarang perubahan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(4) Dalam bab ini, "butir-butir pendaftaran" bermakna dokumen-dokumen dan maklumat yang diberikan oleh pengendali takaful tersebut bagi mematuhi bab 9(1) apabila memohon untuk didaftarkan berkaitan dengan kelas perniagaan yang berkenaan itu atau diberikan oleh pengendali takaful tersebut bagi mematuhi bab ini berkaitan dengannya.

Pemeriksaan dan penyiasatan

Pemeriksaan dan penyiasatan urusan pengendali takaful.

65. (1) Pihak Berkuasa boleh dari masa ke semasa memeriksa buku-buku, akaun-akaun dan transaksi-transaksi pengendali takaful dan memulakan suatu penyiasatan mengenai kesemua atau mana-mana bahagian perniagaan takaful yang dijalankan di Negara Brunei Darussalam oleh pengendali takaful tersebut.

(2) Kos dan perbelanjaan sebarang penyiasatan di bawah ceraian (1) hendaklah dibayar oleh pengendali takaful tersebut.

(3) Dalam membuat suatu pemeriksaan atau penyiasatan di bawah bab ini, Pihak Berkuasa boleh dengan notis secara bertulis menghendaki —

(a) pengendali takaful tersebut atau mana-mana orang yang menyimpannya bagi pihak pengendali takaful tersebut;

(b) mana-mana orang yang menjadi atau pernah pada bila-bila masa menjadi atau bertindak sebagai seorang pengarah, aktuari, juruaudit, pegawai, pekerja atau ejen pengendali takaful tersebut; atau

(c) mana-mana ahli atau peserta dahulu atau sekarang pengendali takaful tersebut,

supaya mengemukakan untuk pemeriksaannya dan membenarkannya untuk menyalin kesemua atau mana-mana bahagian dari sebarang buku, akaun, rekod atau dokumen lain pengendali takaful tersebut, sama ada disimpan di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain (termasuk dokumen-dokumen yang membuktikan hakmilik pengendali takaful tersebut terhadap sebarang aset):

Dengan syarat bahawa suatu kehendak di bawah ceraian ini hendaklah hanya meliputi dokumen-dokumen berkenaan dengan perniagaan yang dijalankan oleh pengendali takaful tersebut di Negara Brunei Darussalam atau yang membuktikan hakmilik pengendali takaful tersebut terhadap aset yang dipegang bagi maksud-maksud sebarang perniagaan itu.

(4) Bagi maksud Perintah ini, "aset" termasuk —

- (i) harta tak alih mana-mana tanah, bangunan dan benda yang dipasang mati;
- (ii) harta alih apa-apa perabot, kelengkapan, buku, terbitan berkala dan mana-mana kenderaan bermotor, vesel, kapal, pesawat udara dan alat pengangkutan lain apa pun jenisnya, termasuk traktor, jentolak dan sebarang jenis jentera ringan dan berat yang lain, dan juga peralatan dan perkakasan;
- (iii) pelaburan sebarang Sekuriti Kerajaan, termasuk bon dan sekuriti mana-mana badan atau agensi kuasi-kerajaan dan Bil Perbendaharaan yang menurut Hukum Syara';
- (iv) pelaburan syarikat dan pelaburan lain sebarang stok dan saham, sama ada disebutharga di mana-mana bursa saham atau tidak disebutharga, termasuk sebarang bon, saham biasa atau keutamaan dan debentur yang menurut Hukum Syara';
- (v) wang tunai sebarang wang tunai yang didepositkan di mana-mana bank atau institusi pemberian pinjaman, atau disimpan dengan mana-mana badan atau agensi lain bagi apa saja tempoh, sama ada atas akaun semasa atau akaun simpanan tetap, termasuk sebarang amaun wang tunai dalam tangan yang ditentukan; dan
- (vi) aset lain sebarang sumbangan yang belum dijelaskan, komisen dan hutang atau bayaran lain yang genap masanya dibayar dan kena dibayar, dan hak di bawah kontrak atau pun selainnya.

(5) Dalam membuat suatu penyiasatan di bawah bab ini, Pihak Berkuasa boleh menghendaki supaya mana-mana orang yang disebut dalam ceraian (3) hadir di hadapannya dan diperiksa dengan mengangkat sumpah berkenaan dengan perniagaan pengendali takaful tersebut, dan bagi maksud-maksud ceraian ini boleh mentadbirkan sumpah.

(6) Mana-mana orang yang enggan atau tidak mengemukakan apabila dikehendaki untuk berbuat demikian di bawah ceraian-ceraian (3) atau (5) sebarang dokumen yang ada dalam simpanannya, hadir untuk atau patuh kepada

pemeriksaan oleh Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang dilantik olehnya, atau menjawab sebarang soalan yang diajukan kepadanya atas pemeriksaan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Kuasa Pihak Berkuasa untuk mengeluarkan arahan.

66. (1) Jika Pihak Berkuasa berpuas hati bahawa urusan mana-mana pengendali takaful dijalankan dengan cara yang mungkin bertentangan dengan Hukum Syara' atau menjelaskan kepentingan awam, kepentingan peserta-peserta atau kepentingan pengendali-pengendali takaful, Pihak Berkuasa boleh mengeluarkan arahan kepada pengendali takaful tersebut sebagaimana yang dianggapnya perlu, dan khasnya boleh menghendaki pengendali takaful tersebut untuk —

- (a) mengambil tindakan atau mengambil personel pengurusan sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk membolehkannya menjalankan perniagaannya menurut prinsip-prinsip takaful yang sihat;
- (b) memecat mana-mana pengaruhnya atau mana-mana orang yang dianggap oleh Pihak Berkuasa tidak layak untuk bersekutu dengannya;
- (c) mengambil tindakan tentang pelupusan atau mendapatkan kembali asetnya;
- (d) mengambil sebarang langkah yang ada bagi mendapatkan kembali oleh pengendali takaful tersebut jumlah wang yang didapati oleh Pihak Berkuasa telah dibayar dengan menyalahi undang-undang atau secara tidak betul;
- (e) menghentikan pembaharuan atau pengeluaran sijil-sijil selanjutnya bagi kelas-kelas perniagaan yang disebut dalam arahan itu;
- (f) membuat penyusunan berkenaan dengan takaful semula sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Pihak Berkuasa dalam arahan itu; dan
- (g) mengambil tindakan bagi mematuhi bab-bab 18, 19, 20, 21, 22 atau 23.

(2) Pihak Berkuasa boleh, atas pernyataan yang dibuat kepadanya, atau atas usulnya sendiri, mengubahsuai atau membatalkan sebarang arahan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1) dan, dalam berbuat demikian, boleh mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Pengendali takaful yang tidak mematuhi sebarang arahan yang dikeluarkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

Penggulungan

Peruntukan-peruntukan am tentang penggulungan.

67. (1) Orang-orang yang membuat petisyen di bawah Akta Syarikat (Penggal 39) bagi penggulungan pengendali takaful atau broker takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini atau bagi penerusan penggulungan pengendali takaful atau broker takaful tersebut tertakluk kepada pengawasan Mahkamah, hendaklah termasuk Menteri.

(2) Menteri boleh, menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat (Penggal 39), mengemukakan suatu petisyen bagi penggulungan pengendali takaful atau broker takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini jika pengendali takaful atau broker takaful tersebut telah melanggar atau tidak mematuhi sebarang peruntukan Perintah ini.

(3) Menteri hendaklah menjadi suatu pihak dalam sebarang prosiding di bawah Akta Syarikat (Penggal 39) berkenaan dengan penggulungan pengendali takaful atau broker takaful tersebut, dan penyelesai hutang-piutang dalam penggulungan tersebut hendaklah memberi kepadanya maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaknya mengenai urusan pengendali takaful atau broker takaful tersebut, mengikut mana yang berkenaan.

(4) Menteri jika difikirkannya patut, boleh menyokong atau menentang petisyen itu.

(5) Bagi maksud-maksud sebarang prosiding di bawah Akta Syarikat (Penggal 39), bagi penggulungan pengendali takaful tersebut oleh Mahkamah Tinggi, liabiliti kontingen dan prospektif pengendali takaful tersebut berkaitan dengan sijil-sijil hendaklah, dalam memutuskan sama ada ia tidak dapat membayar hutang-hutangnya, dianggarkan menurut aturan-aturan sebagaimana yang mungkin ditetapkan, dan keterangan bahawa pengendali takaful tersebut tidak berkemampuan membayar pada penutup tempoh perakaunan yang terakhir di mana penyata akaun telah diserahkan kepada Pihak Berkuasa di bawah bab 60 hendaklah menjadi keterangan bahawa pengendali takaful tersebut terus tidak dapat membayar hutang-hutangnya.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(6) Dalam penggulungan pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini, bab 249 dari Akta Syarikat (Penggal 39) tidak boleh dikenakan kepada penilaian liabiliti berkaitan dengan sijil-sijil, tetapi dalam sebarang penggulungan itu, sama ada pengendali takaful tersebut tidak berkemampuan membayar atau tidak, liabiliti tersebut hendaklah dianggarkan menurut sebarang aturan yang ditetapkan atau, berhubung dengan perkara-perkara yang tidak ditetapkan oleh aturan-aturan itu, atas suatu asas yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa.

(7) Sebutan-sebutan dalam bab ini kepada pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Perintah ini hendaklah meliputi pengendali takaful Negara Brunei Darussalam yang tidak lagi didaftarkan demikian tetapi masih di bawah sebarang liabiliti berkaitan dengan sijil-sijil Negara Brunei Darussalam.

Pemindahan perniagaan

Peruntukan khas bagi pengendali takaful yang diarahkan untuk menghentikan perniagaan takaful.

68. (1) Jika Pihak Berkuasa mengeluarkan kepada pengendali takaful suatu arahan di bawah bab 66(1)/e/ kerana ketidakmampuan bayar dana yang diselenggarakan oleh pengendali takaful tersebut di bawah Perintah ini bagi salah satu kelas perniagaan takaful, urusan pengendali takaful tersebut boleh digulung oleh Mahkamah Tinggi di bawah Akta Syarikat (Penggal 39) seolah-olah ia telah menggantung perniagaannya bagi keseluruhan tahun atau seolah-olah ia telah berhenti menjalankan perniagaan.

(2) Jika Pihak Berkuasa memberi kepada pengendali takaful suatu arahan di bawah bab 66(1)/e/ tetapi, atas suatu petisyen bagi penggulungan pengendali takaful tersebut oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah Tinggi berpuas hati bahawa pengendali takaful tersebut akan dapat membayar hutang-hutangnya dengan sepenuhnya dalam masa satu tahun atau suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah Tinggi boleh (jika difikirkannya patut) memerintahkan supaya urusan pengendali takaful tersebut digulung hanya berkenaan dengan dana takaful yang diselenggarakan bagi kelas perniagaan yang disebut dalam arahan itu.

(3) Suatu perintah di bawah ceraian (2) bagi penggulungan terhad hendaklah mempunyai kuatkuasa yang sama dengan suatu perintah bagi penggulungan urusan pengendali takaful tersebut pada amnya, kecuali setakat mana bab ini memperuntukkan selainnya.

(4) Jika perintah tersebut dibuat, kuasa-kuasa penyelesaikan hutang-piutang boleh dijalankan hanya bagi tujuan menggunakan aset dana takaful yang berkaitan (termasuk deposit di bawah Perintah ini) dalam melepaskan liabiliti di mana aset itu boleh digunakan, berserta dengan kos, caj dan perbelanjaan yang

dilakukan dalam penggulungan itu; tetapi pengendali takaful tersebut hendaklah, sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah Tinggi, membuat tambahan kepada aset itu sebagaimana yang dikehendaki untuk memastikan bahawa ia mencukupi bagi tujuan itu atau hendaklah, jika Mahkamah Tinggi mengarahkan demikian, melepaskan sebarang liabiliti itu dari aset lain.

(5) Dalam penggulungan pengendali takaful di bawah perintah tersebut, Akta Syarikat (Penggal 39) hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian yang berikut —

(a) bab 155 dari Akta itu dan bab-bab lain setakat mana ia berkaitan dengan penyumbang-penyumbang tidak boleh dikenakan;

(b) bab 166 dari Akta itu hendaklah dikenakan selepas perintah penggulungan itu dibuat, sebagaimana ia dikenakan sebelum itu;

(c) bab-bab 167, 168, 224 dan 251 hingga 255 dari Akta itu tidak boleh dikenakan.

(6) Jika perintah tersebut dibuat, Mahkamah Tinggi boleh pada bila-bila masa, atas permohonan penyelesai hutang-piutang atau mana-mana orang yang mempunyai hak untuk membuat petisyen bagi penggulungan pengendali takaful tersebut, mengantikan suatu perintah bagi penggulungan pengendali takaful tersebut pada amnya dan memberi arahan sebagaimana yang difikirkannya patut tentang perkara-perkara yang sedang berlaku di bawah perintah yang dahulu; dan, tertakluk kepada sebarang arahan tersebut, penggulungan itu hendaklah bagi semua maksud yang berkaitan dengan perintah yang digantikan itu dianggap telah bermula pada masa permohonan bagi perintah itu.

(7) Dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis, Mahkamah Tinggi boleh membenarkan penyelesai hutang-piutang pengendali takaful yang menjalankan suatu perniagaan takaful keluarga untuk meneruskan perniagaannya dengan tujuan untuk memindahkannya kepada pengendali takaful lain tetapi pengendali takaful tersebut tidak boleh mengeluarkan sebarang sijil baru.

(8) Penyelesai hutang-piutang boleh memindahkan aset dan liabilitinya kepada pengendali takaful lain.

(9) Penyelesai hutang-piutang, bagi maksud ceraian (7), boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah untuk mengurangkan amaun liabiliti setakat mana yang perlu dengan mengambil kira nilai asetnya yang ada tertakluk kepada suatu syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Keutamaan tuntutan peserta.

69. Jika pengendali takaful menjadi tidak berkemampuan membayar atau tidak dapat memenuhi kewajipannya, aset pengendali takaful tersebut hendaklah disediakan untuk memenuhi liabilitinya kepada semua peserta bagi sijil-sijil Negara Brunei Darussalam dan liabiliti ini hendaklah mendapat keutamaan dari semua liabiliti tanpa cagaran pengendali takaful tersebut selain dari hutang keutamaan yang disebut dalam bab 250(1) dari Akta Syarikat (Penggal 39).

Skim bagi pemindahan perniagaan.

70. (1) Keseluruhan atau sebahagian dari perniagaan takaful pengendali takaful berdaftar boleh dipindahkan kepada pengendali takaful lain yang didaftarkan berkaitan dengan kelas atau kelas-kelas perniagaan yang hendak dipindahkan, jika pemindahan itu dilakukan dengan suatu skim di bawah bab ini, tetapi tidak boleh dipindahkan kecuali dengan skim tersebut:

Dengan syarat bahawa ceraian ini tidak boleh dikenakan kepada pemindahan sebarang perniagaan takaful suatu syarikat yang diperbadankan atau ditubuhkan di luar Negara Brunei Darussalam, kecuali setakat mana ia berkaitan dengan sijil-sijil Negara Brunei Darussalam.

(2) Mana-mana pengendali takaful, bukannya suatu syarikat yang diperbadankan atau ditubuhkan di luar Negara Brunei Darussalam, hendaklah menurut bab ini mempunyai kuasa untuk membuat pemindahan tersebut dengan suatu skim di bawah bab ini, dan pengarah-pengarah hendaklah mempunyai autoriti bagi pihak pengendali takaful tersebut untuk mengaturkan dan melakukan semua perkara yang perlu bagi menguatkuasakan pemindahan tersebut; dan ceraian ini hendaklah dikenakan walau pun kuasa atau autoriti itu tidak ada di bawah perlombagaan pengendali takaful tersebut atau sebarang batasan dikenakan oleh perlombagaannya ke atas kuasa-kuasanya atau ke atas autoriti pengarah-pengarahnnya.

(3) Suatu skim di bawah bab ini boleh mengadakan peruntukan bagi perniagaan yang berkenaan itu dipindahkan kepada suatu badan yang tidak didaftarkan sebagai pengendali takaful di bawah Perintah ini (termasuk suatu badan yang belum lagi wujud) bagi kelas perniagaan yang berkaitan, jika skim itu dirangka demikian yang berkuatkuasa hanya sekiranya badan itu berdaftar demikian.

(4) Suatu skim di bawah bab ini bagi pemindahan sebarang perniagaan takaful boleh meliputi pemindahan kepadanya sebarang perniagaan lain, yang bukan perniagaan takaful, jika perniagaan lain itu dijalankan oleh pengendali takaful tersebut sebagai sampingan sahaja kepada perniagaan takaful yang dipindahkan itu.

(5) Suatu skim di bawah bab ini boleh termasuk peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengan pemindahan yang dilakukan itu, dan peruntukan bagi menguatkuasakan pemindahan itu, dan khasnya —

(a) bagi sebarang harta, hak atau liabiliti pemindah (termasuk aset yang terkandung dalam suatu deposit di bawah Perintah ini atau dalam suatu dana takaful) untuk diletakkan, menurut skim itu dan tanpa asurans tambahan atau lain, pada penerima pindahan; dan

(b) bagi pendaftaran oleh penerima pindahan sijil-sijil yang dipindahkan, bagi amaun yang hendak dimasukkan berkaitan dengan sijil-sijil tersebut dalam dana takaful penerima pindahan dan bagi perkara-perkara lain yang berbangkit di bawah Perintah ini dari pemindahan itu.

(6) Suatu skim di bawah bab ini tidak akan berkuatkuasa melainkan jika disahkan oleh Mahkamah Tinggi, tetapi boleh disediakan dan dikemukakan untuk pengesahan kepada Mahkamah Tinggi oleh mana-mana pengendali takaful yang berkenaan; dan jika disahkan demikian, skim itu hendaklah berkuatkuasa mengikut maksudnya dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam bab-bab Perintah ini yang terdahulu dan terikat kepada mana-mana orang yang terjejas olehnya.

Pengesahan skim.

71. (1) Sebelum suatu permohonan dibuat kepada Mahkamah Tinggi untuk pengesahan suatu skim di bawah bab 70 —

(a) satu salinan skim itu hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa, berserta dengan salinan-salinan laporan aktuari dan laporan lain (jika ada) yang atasnya skim itu diasaskan;

(b) tidak lebih awal dari satu bulan selepas salinan itu diserahkan demikian, notis mengenai cadangan untuk membuat permohonan itu (yang mengandungi butir-butir sebagaimana yang ditetapkan) hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan dalam tidak kurang dari 2 suratkhabar yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa; dan

(c) bagi tempoh selama 15 hari selepas penyiaran notis itu, satu salinan skim itu hendaklah disimpan di setiap pejabat di Negara Brunei Darussalam tiap-tiap pengendali takaful yang berkenaan, dan hendaklah terbuka untuk pemeriksaan oleh semua ahli dan peserta pengendali takaful tersebut yang terjejas oleh skim itu.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Pihak Berkuasa boleh menyebabkan supaya suatu laporan mengenai skim itu dibuat oleh seorang aktuari yang bebas bagi pihak-pihak dalam skim itu dan, jika dia berbuat demikian, hendaklah menyebabkan supaya satu salinan laporan itu dihantar kepada tiap-tiap pengendali takaful yang berkenaan.

(3) Salinan-salinan skim itu dan sebarang laporan yang disebutkan dalam ceraian-ceraian (1)/a) atau (2) atau ringkasan-ringkasan skim itu dan sebarang laporan tersebut yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa hendaklah, kecuali setakat mana yang diarahkan selainnya oleh Mahkamah Tinggi atas suatu permohonan yang dibuat bagi maksud itu, dihantar oleh pengendali-pengendali takaful yang berkenaan, sekurang-kurangnya 15 hari sebelum permohonan itu dibuat bagi pengesahan skim itu, kepada tiap-tiap peserta yang terjejas oleh skim itu.

(4) Suatu permohonan kepada Mahkamah Tinggi mengenai sebarang perkara yang ada kena mengena dengan skim itu boleh, pada bila-bila masa sebelum pengesahan oleh Mahkamah Tinggi, dibuat oleh Pihak Berkuasa atau oleh mana-mana orang yang pada pendapat Mahkamah Tinggi mungkin terjejas oleh skim itu.

(5) Mahkamah Tinggi boleh mengesahkan skim itu tanpa pengubahsuaian atau tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian yang dipersetujui oleh pengendali takaful yang berkenaan, atau boleh enggan mengesahkan skim itu.

(6) Pengendali-pengendali takaful yang berkenaan hendaklah bertanggungan secara bersama-sama dan berasingan untuk membayar balik kepada Pihak Berkuasa sebarang perbelanjaan yang dilakukan olehnya di bawah bab ini berhubung dengan sebarang skim atau skim cadangan (tertakluk kepada sebarang perintah Mahkamah Tinggi tentang kos); dan suatu skim hendaklah termasuk peruntukan tentang bagaimana liabiliti itu, di antara pengendali-pengendali takaful, akan ditanggung.

Dokumen-dokumen hendaklah difailkan apabila skim disahkan.

72. (1) Jika dengan suatu skim di bawah bab 70, perniagaan takaful seorang pengendali takaful dipindahkan kepada pengendali takaful lain, penerima pindahan hendaklah, dalam masa satu bulan selepas skim itu berkuatkuasa, menyerahkan kepada Pihak Berkuasa —

(a) penyata aset dan liabiliti tiap-tiap pengendali takaful yang berkenaan sehingga masa sejurus sebelum pemindahan itu, yang ditandatangani bagi pihak pengendali takaful tersebut dan, dalam hal pemindah, yang menunjukkan sama ada pemindahan itu adalah bagi keseluruhan perniagaan pemindah dan, jika tidak, setakat mana aset dan liabiliti pemindah berkaitan dengan perniagaan yang dipindahkan itu;

(b) satu salinan skim itu yang disahkan oleh Mahkamah Tinggi, dan satu salinan yang diperakui perintah Mahkamah Tinggi yang mengesahkan skim itu;

(c) salinan-salinan sebarang laporan aktuari atau laporan lain yang atasnya skim itu diasaskan (iaitu laporan-laporan yang dibuat sejak satu salinan skim itu diserahkan di bawah bab 71(1)); dan

(d) suatu pengakuan berkanun yang dibuat oleh pengurus lembaga pengarah penerima pindahan atau oleh pegawai utamanya di Negara Brunei Darussalam, yang menyatakan dengan lengkap setiap bayaran yang dibuat atau hendak dibuat kepada mana-mana orang kerana pemindahan itu, dan yang menyatakan bahawa, sepanjang kepercayaannya, tiada bayaran lain yang melebihi dari bayaran yang dinyatakan demikian telah dibuat, atau hendak dibuat kerananya oleh atau dengan pengetahuan mana-mana pengendali takaful yang berkenaan. Dalam perenggan ini, sebutan-sebutan kepada suatu bayaran yang dibuat termasuk sebutan-sebutan kepada pemindahan sebarang perihalan harta atau hak.

(2) Setelah suatu skim disahkan di bawah bab 71, tiap-tiap pengendali takaful yang berkenaan hendaklah memfailkan satu salinan skim itu kepada Pendaftar Syarikat.

BAHAGIAN V

AM

Pentadbiran dan penguatkuasaan

Pengecualian.

73. (1) Pihak Berkuasa boleh, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang dari sebarang atau semua peruntukan Perintah ini.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah bab ini boleh ditarik balik oleh Pihak Berkuasa pada bila-bila masa.

Laporan tahunan.

74. (1) Tidak lewat dari akhir bulan Jun dalam mana-mana tahun kalender, Pihak Berkuasa hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri, yang akan menghadapkannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat, suatu laporan mengenai perjalanan Perintah ini pada tahun kalender sebelumnya.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Pihak Berkuasa hendaklah memasukkan dalam laporannya di bawah bab ini bagi mana-mana tahun salinan-salinan atau ringkasan-ringkasan dokumen yang diserahkan kepadanya pada tahun itu di bawah bab-bab 60 dan 61, selain dari dokumen-dokumen yang dikecualikan dari bab 63(1) dan (2), dan boleh memasukkan salinan-salinan atau ringkasan-ringkasan dokumen yang disertakan dengan yang diserahkan itu; dan ia boleh juga memasukkan dalam laporan itu nota-nota mengenai sebarang dokumen atau ringkasan sebagaimana yang difikirkannya patut, dan salinan-salinan sebarang persuratan di antaranya dan pengendali takaful tentang sebarang dokumen itu yang diserahkan oleh atau diterima daripada pengendali takaful tersebut.

Statistik.

75. (1) Peraturan-peraturan boleh dibuat bagi pemungutan oleh atau bagi pihak Pihak Berkuasa, pada selangan waktu atau pada masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan, maklumat statistik tentang perkara-perkara berkaitan dengan takaful sebagaimana yang mungkin ditetapkan, dan boleh mengadakan peruntukan bagi pemungutan dan penggunaan maklumat tersebut untuk sebarang tujuan, sama ada berhubung dengan takaful atau tidak.

(2) Peraturan-peraturan itu boleh membuat peruntukan bagi menghendaki pengendali takaful Negara Brunei Darussalam, perantara takaful, broker takaful dan ajuster supaya memberi kepada Pihak Berkuasa, dalam borang yang ditetapkan, maklumat sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(3) Tiada penggunaan boleh dibuat akan sebarang maklumat yang diperolehi oleh atau bagi pihak Pihak Berkuasa hanya menurut bab ini, kecuali dalam suatu bentuk yang tidak mendedahkan urusan mana-mana orang tertentu.

Penyampaian notis.

76. Surat yang mengandungi suatu notis atau dokumen lain yang hendak disampaikan oleh Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini hendaklah dianggap sempurna dialamatkan jika ia dialamatkan kepada tempat di Negara Brunei Darussalam yang terakhir dinyatakan kepada Pihak Berkuasa oleh penerima sebagai alamatnya atau kepada alamat terbaru penerima di Negara Brunei Darussalam yang diketahui oleh Pihak Berkuasa.

Kerahsiaan dan hukuman.

77. (1) Kecuali bagi maksud-maksud Perintah ini atau sebarang prosiding jenayah di bawah Perintah ini, tiada sesiapa pun yang dilantik untuk menjalankan sebarang kuasa di bawah Perintah ini boleh mendedahkan sebarang maklumat yang telah diperolehi semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Perintah ini.

(2) Mana-mana orang yang dengan mengetahui melanggar peruntukan-peruntukan ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000 atau dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun.

Pengenalan pegawai.

78. (1) Mana-mana orang yang menjalankan sebarang tugas di bawah Perintah ini hendaklah membawa suatu kad kuasa dalam suatu borang yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa dan kad itu hendaklah mengenalkan pemegangnya serta jawatannya dan kad itu hendaklah ditunjukkan oleh pemegangnya apabila diminta kepada mana-mana orang yang mempunyai alasan yang munasabah untuk membuat permintaan itu.

(2) Jika mana-mana orang yang menjalankan sebarang tugas di bawah Perintah ini menunjukkan suatu kad kuasa dalam suatu borang yang dibenarkan di bawah ceraian (1) atau sebarang pengenalan atau kuasa bertulis lain, maka, sehingga dibuktikan sebaliknya, kad kuasa atau pengenalan atau kuasa bertulis lain itu hendaklah dianggap sebagai benar dan dia hendaklah dianggap sebagai orang yang disebut di dalamnya.

(3) Adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk enggan mematuhi sebarang permintaan atau perintah yang dibuat oleh mana-mana orang yang menjalankan sebarang tugas di bawah Perintah ini, jika orang yang disebut kemudian itu enggan atas permintaan yang dibuat oleh orang yang mula-mula disebutkan itu mengisyiharkan jawatannya atau menunjukkan kad kuasanya atau pengenalan atau kuasa bertulis lain.

Peruntukan-peruntukan am tentang kesalahan.

79. (1) Mana-mana orang yang —

(a) menandatangani sebarang dokumen yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa di bawah bab-bab 60 atau 71(1)(a); atau

(b) memberi kepada Pihak Berkuasa sebarang maklumat di bawah atau bagi maksud-maksud sebarang peruntukan lain Perintah ini,

hendaklah dengan teliti memastikan bahawa dokumen atau maklumat itu tidak palsu dalam sebarang butir mustahak; dan jika dia tidak teliti bagi maksud ini dan dokumen atau maklumat itu palsu dalam suatu butir mustahak, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(2) Mana-mana orang yang melanggar sebarang kewajipan yang dikenakan kepadanya oleh Perintah ini atau peraturan-peraturannya sebagai atau setelah menjadi pengendali takaful, ejen takaful, broker takaful atau ajuster adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, dalam kes jika hukuman lain tiada diperuntukkan oleh Perintah ini, jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan kesalahan.

(3) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini dilakukan oleh mana-mana badan korporat, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan adalah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa badan korporat itu, atau yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan itu, adalah, demikian juga badan korporat itu, melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mengelakkan kesalahan itu dari dilakukan yang sepatutnya dijalankan olehnya, dengan memberi perhatian kepada jenis tugas-tugasnya atas jawatan itu dan semua hal keadaan.

(4) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini dilakukan oleh suatu badan korporat, iaitu suatu kesalahan yang mengandungi pelanggaran suatu kewajipan yang dikenakan hanya kepada badan-badan korporat, mana-mana individu yang melakukan kesalahan itu (sama ada menurut ceraian (3) atau pun selainnya) hendaklah jika sabit kesalahan dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun sebagai tambahan kepada atau bagi menggantikan sebarang denda.

(5) Bagi maksud sebarang prosiding di bawah ceraian (1)/a), suatu dokumen yang dikatakan ditandatangani oleh mana-mana orang hendaklah dianggap telah ditandatangani olehnya, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Pendakwaan.

80. Tiada pendakwaan berkaitan dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau peraturan-peraturannya boleh dimulakan kecuali dengan persetujuan Pendakwa Raya.

Pindaan rampaian undang-undang

Nasihat Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah.

81. (1) Tanpa menjelaskan bab 18, pengendali takaful boleh berunding dengan Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah mengenai perkara-perkara Syariah berkenaan dengan perniagaan takaful.

(2) Sebuah persatuan yang ahli-ahlinya adalah pengendali-pengendali takaful boleh berunding dengan Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah mengenai perkara-perkara Syariah berkenaan dengan perniagaan takaful ahli-ahlinya dan persatuan itu.

Kepentingan boleh insurans dikehendaki bagi perniagaan takaful keluarga.

82. (1) Suatu sijil takaful keluarga yang memberikan perlindungan takaful kepada sesiapa juga, selain daripada orang yang membuat takaful tersebut atau seseorang yang ada kaitan dengannya yang disebutkan dalam ceraian (2), adalah tidak sah melainkan jika orang yang membuat takaful tersebut mempunyai suatu kepentingan boleh insurans ke atas nyawa tersebut pada masa takaful itu dibuat; dan wang sijil yang dibayar di bawah sijil tersebut tidak boleh melebihi dari amaun kepentingan boleh insurans itu pada masa itu.

(2) Nyawa-nyawa yang dikecualikan dari ceraian (1), selain nyawa orang yang membuat takaful tersebut, adalah nyawa-nyawa isteri atau suami orang itu, anak atau anak jagaan orang itu yang berumur dewasa pada masa takaful itu dibuat, dan sesiapa juga yang kepadanya orang itu pada masa itu bergantung seluruhnya atau sebahagiannya.

(3) Setakat mana dalam hal sebarang sijil takaful keluarga jika wang sijil itu tidak mengandungi seluruhnya bayaran tunai yang kena dibayar atas kematian yang berkenaan itu, had di bawah bab ini ke atas amaun yang hendak dibayar hendaklah digunakan dengan merujuk kepada nilai hak terhadap wang sijil itu sejurus selepas kematian atau berlakunya sebelum kematian sebarang kejadian di mana ia menjadi kena dibayar.

(4) Bab ini tidaklah menyentuh sijil-sijil yang dikeluarkan sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini.

(5) Dalam bab ini, "memberikan perlindungan takaful" kepada seseorang bermakna melindungi pembayaran wang (atau yang bersamaan) atas kematian orang itu atau atas berlakunya sebarang kontingensi bergantung kepada penamatian atau penerusan nyawa orang itu, dan termasuk memberi anuiti bermula atas kematian itu atau pada masa yang akan ditentukan dengan merujuk kepadanya atau sebarang kontingensi tersebut.

Keupayaan budak untuk menyertai.

83. Seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah tidaklah mempunyai keupayaan untuk membuat suatu kontrak takaful.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Butir-butir hendaklah dinyatakan dalam sijil takaful keluarga.

84. Setiap sijil takaful keluarga yang dikeluarkan hendaklah mengandungi suatu pernyataan dalam jenis berbeza yang menyatakan sama ada ia adalah sijil penyertaan atau bukan sijil penyertaan.

Wang sijil takaful keluarga hendaklah dibayar tanpa potongan.

85. (1) Sebarang wang sijil yang kena dibayar di bawah suatu sijil takaful keluarga atau wang yang kena dibayar atas penyerahan suatu sijil takaful keluarga hendaklah dibayar tanpa sebarang potongan bagi jumlah wang yang belum genap masanya dibayar di bawah sijil itu atau di bawah suatu perjanjian yang mengenakkannya atas sijil itu, melainkan jika potongan itu dibuat dengan persetujuan orang yang berhak terhadap wang-wang tersebut; dan sebarang peruntukan yang terkandung dalam suatu sijil takaful keluarga atau dalam sebarang perjanjian berhubung dengannya adalah tidak sah, setakat mana ia memberi hak kepada pengendali takaful untuk membuat sebarang potongan tersebut tanpa persetujuan orang itu.

(2) Dalam sebarang prosiding bagi mendapatkan kembali wang sijil yang genap masanya dibayar di bawah sijil takaful keluarga itu atau wang yang kena dibayar atas penyerahan suatu sijil takaful keluarga, tiada tolakan atau tuntutan balas boleh dibenarkan kecuali bagi jumlah wang yang genap masanya dibayar di bawah sijil itu atau di bawah suatu perjanjian yang mengenakkannya atas sijil itu.

Sijil takaful keluarga (penyerahan; tidak membayar sumbangan; sijil berbayar).

86. (1) Jika suatu sijil takaful keluarga, telah berkuatkuasa, dalam hal suatu sijil biasa, selama 3 tahun atau lebih, peserta boleh dengan notis secara bertulis kepada pengendali takaful menyerahkan sijil itu dan hendaklah selepas itu menjadi berhak menerima nilai penyerahannya, yang ditentukan menurut termaterma dan syarat-syarat yang dikenakan kepada polisi itu (tetapi tertakluk kepada sebarang potongan bagi jumlah wang yang genap masanya dibayar di bawah sijil itu atau di bawah suatu perjanjian yang mengenakkannya atas sijil itu).

(2) Jika suatu sijil takaful keluarga telah berkuatkuasa selama 3 tahun atau lebih, sijil itu tidak boleh loput atau dilucut hak kerana tidak membayar sumbangan, tetapi hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian tentang tempoh ia akan berkuatkuasa atau manfaat yang kena diterima di bawahnya atau kedua-duanya sekali sebagaimana yang mungkin ditentukan menurut sebarang terma dan syarat yang dikenakan kepada sijil itu.

(3) Jika suatu sijil takaful keluarga telah berkuatkuasa selama 3 tahun atau lebih, peserta boleh dengan notis secara bertulis kepada pengendali takaful memilih untuk menukar sijil itu dengan suatu sijil berbayar, yang merupakan sijil tanpa penyertaan bagi suatu amaun yang ditentukan oleh pengendali takaful.

(4) Suatu sijil yang dikeluarkan bagi menggantikan sijil terdahulu hendaklah bagi maksud-maksud bab ini (termasuk ceraian ini) disifatkan sebagai telah berkuatkuasa sejak sijil terdahulu itu mula berkuatkuasa.

(5) Ceraian-ceraian (1) hingga (3) tidak boleh dikenakan —

(a) kepada suatu sijil yang menjamin pemberian suatu anuiti bagi suatu tempoh bergantung kepada nyawa manusia; atau

(b) kepada suatu sijil yang di bawahnya wang sijil tidak semestinya kena dibayar, iaitu bukan suatu sijil yang memperuntukkan pembayaran wang sijil atas sesuatu kematian selepas suatu tempoh tertentu.

(6) Hak-hak yang diberikan oleh bab ini hendaklah sebagai tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, sebarang hak lain yang ada pada peserta di bawah terma-terma sijil itu atau pun selainnya; tetapi bab ini tidak boleh dianggap sebagai memberi kepada peserta sebarang hak kecuali terhadap pengendali takaful yang sedemikian.

(7) Bab ini hendaklah dikenakan kepada sijil-sijil yang dikeluarkan bila-bila masa dan, tertakluk kepada ceraian (5), hendaklah meliputi sebarang sijil Negara Brunei Darussalam.

Pembayaran tuntutan sijil takaful keluarga dan sijil kemalangan diri tanpa probet dll.

87. (1) Dalam sebarang hal jika peserta bagi sebarang sijil takaful keluarga atau sijil kemalangan diri pengendali takaful mati, dan wang sijil kena dibayar di bawahnya atas kematianya, pengendali takaful tersebut boleh membayar kepada mana-mana pihak menuntut yang berkenaan suatu amaun wang sijil yang ditetapkan bagi semua sijil itu yang dikeluarkan oleh pengendali-pengendali takaful atas nyawa si-mati tanpa mengemukakan sebarang probet atau surat kuasa mentadbir harta pusaka; dan pengendali takaful tersebut hendaklah dilepaskan dari semua liabiliti berkaitan dengan amaun yang dibayar itu.

(2) Jika, dalam sebarang hal yang disebutkan dalam ceraian (1), cukai harta pusaka kena dibayar di Negara Brunei Darussalam atas sebarang wang sijil yang disebutkan itu, pengendali takaful tersebut boleh membayar kepada mana-mana pihak menuntut yang berkenaan suatu amaun wang sijil yang ditetapkan bagi semua sijil itu yang dikeluarkan oleh pengendali takaful tersebut.

(3) Sebelum membuat sebarang pembayaran di bawah ceraian (2), pengendali takaful tersebut hendaklah memberi notis mengenai pembayaran itu dengan pos berdaftar kepada Pemungut yang dilantik bagi maksud Akta Setem (Penggal 34) dengan butir-butir sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pemungut.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(4) Ceraian (2) hendaklah dikenakan berkenaan dengan wang sijil di bawah sijil-sijil di mana si-mati adalah bukan peserta pada masa kematianya sebagaimana ia dikenakan berkenaan dengan sebarang wang sijil yang disebutkan dalam ceraian (1).

(5) Jika suatu amaun dibayar di bawah ceraian (2) kerana sebarang wang sijil, pengendali takaful tersebut boleh, sebelum pembayaran baki wang sijil itu kepada mana-mana pihak menuntut yang berkenaan, menggunakan kesemua atau sebahagian dari wang sijil itu untuk membayar sebarang cukai harta pusaka yang belum dibayar yang kena dibayar atas kematian peserta.

(6) Dalam bab ini, "peserta" termasuk peserta sebahagian suatu sijil, dan "pihak menuntut yang berkenaan" bermakna seseorang yang mengaku berhak terhadap jumlah wang yang berkenaan itu sebagai wakil diri bagi harta pusaka si-mati atau yang mengaku berhak terhadap jumlah wang itu di bawah undang-undang yang berkaitan.

Pengetahuan dan pernyataan oleh ejen yang dibenarkan hendaklah dianggap pengetahuan dan pernyataan oleh pengendali takaful.

88. (1) Seseorang yang telah pada bila-bila masa dibenarkan sebagai ejennya oleh pengendali takaful dan yang mendapatkan atau merundingkan suatu kontrak takaful atas sifatnya sebagai ejen hendaklah dalam setiap hal itu dianggap, bagi maksud pembuatan kontrak itu, sebagai ejen pengendali takaful tersebut, dan pengetahuan orang itu berkenaan dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan penerimaan risiko oleh pengendali takaful tersebut hendaklah dianggap sebagai pengetahuan pengendali takaful tersebut.

(2) Sebarang pernyataan yang dibuat atau apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana orang itu atas sifat wakilnya hendaklah dianggap, bagi maksud pembuatan kontrak itu, sebagai suatu pernyataan yang dibuat atau perbuatan yang dilakukan oleh pengendali takaful tersebut, walaupun bab 38 atau sebarang peruntukan lain Perintah ini dilanggar oleh orang itu.

(3) Bab ini tidak boleh dikenakan —

(a) jika terdapat pakatan sulit atau pembiaran di antara orang itu dan peserta cadangan dalam pembuatan kontrak itu; atau

(b) jika orang itu telah berhenti daripada menjadi ejennya, dan pengendali takaful tersebut telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memberitahu atau membawa ke pengetahuan bakal peserta dan orang ramai pada amnya mengenai hal pemberhentian itu.

Pengenaan undang-undang lain.

89. Jika terdapat sebarang konflik atau percanggahan antara peruntukan-peruntukan Perintah ini dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat (Penggal 39) (selain dari bab-bab 135A hingga 135N, bab-bab 149A hingga 149U dan Jadual-Jadual Ketigabelas dan Keempatbelas), Akta Kontrak (Penggal 106), Akta Lalulintas Jalan Raya (Penggal 68) atau Akta Insurans Kenderaan Bermotor (Risiko Pihak Ketiga) (Penggal 90), peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah terpakai.

Tambahan

Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan.

90. Menteri boleh mengeluarkan garis panduan, surat keliling atau notis berkaitan dengan Perintah ini berkenaan dengan pengendalian perniagaan dan urusan pengendali takaful.

Peraturan-peraturan.

91. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuaskan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang mungkin ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh memasukkan peruntukan-peruntukan sampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Peruntukan-peruntukan peralihan.

92. (1) Mana-mana pengendali takaful apabila Perintah ini mula berjalan kuatkuasanya yang sudah dibenarkan di bawah penyusunan pentadbiran oleh Kementerian Kewangan untuk menjalankan perniagaan takaful am atau perniagaan takaful keluarga, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dianggap sebagai didaftarkan di bawah bab 9(2) bagi tempoh selama 6 bulan dari tarikh Perintah ini mula berjalan kuatkuasanya dan boleh dalam tempoh tersebut menjalankan perniagaan takaful yang dijalankan secara sah olehnya sejurus sebelum Perintah ini mula berjalan kuatkuasanya.

(2) Dalam tempoh 6 bulan yang disebut dalam ceraian (1), pengendali takaful tersebut hendaklah memohon untuk didaftarkan menurut bab 9(1) berkaitan dengan tempoh selepas tempoh yang disebut dalam ceraian (1).

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(3) Pengendali takaful yang dianggap menurut ceraian (1) sebagai didaftarkan di bawah bab 9(2) hendaklah tidak lewat dari 3 bulan selepas tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini mematuhi bab 5 berhubung dengan kehendak-kehendak bagi menjalankan perniagaan sebagai pengendali takaful (kecuali kehendak tentang pendaftaran).

JADUAL PERTAMA

TAKRIFAN PERUSAHAAN "SEKUTU", "INDUK" DAN "SUBSIDIARI"

BAHAGIAN I

SEKUTU

1. (1) Dalam Perintah ini, "sekutu", berkenaan dengan orang lain, bermakna mana-mana yang berikut —

(a) isteri atau suami, atau anak lelaki, anak perempuan atau zuriat lebih jauh, orang itu;

(b) saudara lelaki atau saudara perempuan, atau ibu atau bapa atau keturunan sezuriat lebih jauh sebelah ibu atau bapa, orang itu;

(c) pemegang amanah bagi sebarang penyelesaian yang di bawahnya orang itu mempunyai kepentingan seumur hidup yang dimiliki;

(d) mana-mana syarikat di mana orang itu adalah seorang pengarah;

(e) mana-mana orang yang menjadi pekerja atau rakan kongsi orang itu;

(f) jika orang itu adalah suatu syarikat, mana-mana pengarah atau perusahaan subsidiari syarikat itu dan mana-mana pengarah atau pekerja perusahaan subsidiari tersebut.

(2) Berkenaan dengan seseorang yang berhak menjalankan atau mengawal perjalanan kuasa mengundi berhubung dengan, atau pemegangan saham dalam, mana-mana perusahaan, perenggan kecil (3) dikenakan selain dari perenggan kecil (1).

(3) Jika orang yang disebut dalam perenggan kecil (2) (dengan memanggilnya "A"), mempunyai bersama mana-mana orang lain ("B") suatu perjanjian atau penyusunan berhubung dengan pembelian, pemegangan atau penjualan saham atau kepentingan lain dalam perusahaan yang berkenaan itu, atau yang di bawahnya mereka berjanji untuk bertindak bersama dalam

menjalankan kuasa mengundi mereka berhubung dengan perusahaan itu, maka B adalah sekutu A.

2. Bagi maksud-maksud perenggan 1 —

"anak perempuan" termasuk anak tiri perempuan;

"penyelesaian" termasuk sebarang pelupusan atau penyusunan yang di bawahnya harta dipegang atas amanah;

"anak lelaki" termasuk anak tiri lelaki.

BAHAGIAN II

PENGAWAL

3. (1) Dalam Perintah ini, "pengawal", berkenaan dengan pengendali takaful, bermakna seseorang yang, sama ada sendirian atau bersama dengan mana-mana sekutu —

(a) memegang 20 peratus atau lebih saham dalam badan itu atau dalam badan lain di mana badan yang mula-mula disebutkan itu adalah suatu perusahaan subsidiari;

(b) berhak menjalankan atau mengawal perjalanan 20 peratus atau lebih kuasa mengundi dalam mana-mana mesyuarat agung badan itu atau badan lain di mana badan yang mula-mula disebutkan itu adalah suatu perusahaan subsidiari; atau

(c) dapat menggunakan pengaruh yang bermakna ke atas pengurusan badan itu atau badan lain di mana badan yang mula-mula disebutkan itu adalah suatu perusahaan subsidiari, berdasarkan sama ada pemegangan saham dalam badan itu atau dalam badan lain atau hak untuk menjalankan, atau mengawal perjalanan, kuasa mengundi dalam mesyuarat agung pengendali takaful tersebut.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna perenggan kecil (1)(c), dalam hal pengendali takaful, yang merupakan suatu perkongsian, tiap-tiap rakan kongsi hendaklah dianggap sebagai orang yang termasuk di bawah perenggan itu.

BAHAGIAN III

PERUSAHAAN INDUK DAN SUBSIDIARI DLL.

Perusahaan.

4. Dalam Perintah ini, "perusahaan" bermakna —

- (a) suatu badan korporat atau suatu perkongsian; atau
- (b) persatuan yang tidak diperbadankan yang menjalankan suatu perdagangan atau perniagaan dengan atau tanpa tujuan untuk mendapatkan keuntungan.

Perusahaan induk dan subsidiari.

5. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, suatu perusahaan adalah perusahaan induk berkenaan dengan perusahaan lain ("perusahaan subsidiari") jika —

- (a) ia memegang hak mengundi terbanyak dalam perusahaan itu;
- (b) ia adalah seorang ahli perusahaan itu dan mempunyai hak untuk melantik atau memecat kebanyakan lembaga pengaruhnya;
- (c) ia mempunyai hak untuk menggunakan pengaruh yang besar ke atas perusahaan itu —
 - (i) menurut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam memorandum atau perkara-perkara perusahaan itu; atau
 - (ii) menurut suatu kontrak kawalan;
- (d) ia adalah seorang ahli perusahaan itu dan mengawal sendirian, menurut suatu perjanjian dengan pemegang-pemegang saham atau ahli-ahli lain, hak mengundi terbanyak dalam perusahaan itu;
- (e) ia adalah seorang ahli perusahaan itu, orang lain adalah bukan induk perusahaan itu menurut mana-mana perenggan kecil (a) hingga (c), dan pada setiap masa sejak bermulanya tahun kewangan perusahaan itu sejurus sebelum itu, kebanyakan lembaga pengarah perusahaan itu adalah pengarah-pengarah yang telah dilantik akibat dari penggunaan hak mengundinya semata-mata; atau
- (f) ia mempunyai kepentingan penyertaan dalam perusahaan itu dan sama ada sebenarnya menggunakan pengaruh yang besar ke atas perusahaan itu atau ia dan perusahaan itu diurus secara seragam; atau

(g) ia mempunyai kepentingan penyertaan dalam perusahaan itu yang sama ada memberinya hak mendapat 20 peratus atau lebih hak mengundi dalam perusahaan itu atau mengandungi 20 peratus atau lebih saham dalam perusahaan itu,

dan sebarang sebutan kepada peruntukan-peruntukan kepentingan penyertaan perenggan ini adalah suatu sebutan kepada perenggan-perenggan kecil (f) dan (g).

(2) Bagi maksud-maksud perenggan kecil (1) suatu perusahaan hendaklah disifatkan sebagai seorang ahli perusahaan lain —

(a) jika mana-mana perusahaan subsidiarinya adalah seorang ahli perusahaan lain itu; atau

(b) jika mana-mana saham dalam perusahaan lain itu dipegang oleh seseorang yang bertindak bagi pihak perusahaan itu atau mana-mana perusahaan subsidiarinya.

(3) Tertakluk kepada perenggan kecil (4), suatu perusahaan induk hendaklah disifatkan sebagai perusahaan induk bagi perusahaan yang berhubung dengannya mana-mana perusahaan subsidiarinya adalah perusahaan induk, atau adalah disifatkan sebagai perusahaan induk.

(4) Suatu perusahaan ("A") tidak boleh disifatkan sebagai perusahaan induk bagi suatu perusahaan ("B") hanya kerana perusahaan lain itu yang merupakan perusahaan subsidiari A menurut perenggan kecil (1)(g) adalah perusahaan induk B.

(5) Ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam peruntukan-peruntukan perenggan ini yang terdahulu hendaklah ditafsirkan menurut peruntukan-peruntukan Bahagian ini yang berikut.

Perusahaan subsidiari bersama.

6. (1) Tertakluk kepada perenggan kecil (2), "perusahaan subsidiari bersama" adalah perusahaan yang merupakan perusahaan subsidiari dari perusahaan induk yang sama tetapi bukan perusahaan induk atau perusahaan subsidiari bagi tiap-tiap perusahaan itu.

(2) 2 perusahaan subsidiari dari perusahaan induk yang sama adalah bukan perusahaan subsidiari bersama jika salah satu daripadanya adalah perusahaan subsidiari hanya menurut perenggan 5(1)(g) sahaja.

Kepentingan penyertaan.

7. (1) "Kepentingan penyertaan" adalah suatu kepentingan yang dipegang oleh suatu perusahaan dalam saham-saham perusahaan lain yang dipegangnya secara jangka panjang bagi maksud menjamin sesuatu sumbangan kepada aktiviti-aktivitinya dengan menggunakan kawalan atau pengaruh yang timbul dari atau berkaitan dengan kepentingan itu.

(2) Pemegangan 20 peratus atau lebih dari saham-saham suatu perusahaan hendaklah dianggap sebagai kepentingan penyertaan melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(3) Sebutan dalam perenggan kecil (1) kepada suatu kepentingan dalam saham-saham termasuk —

(a) suatu kepentingan yang dapat ditukarkan kepada suatu kepentingan dalam saham-saham; dan

(b) suatu pilihan untuk membeli saham-saham atau sebarang kepentingan tersebut,

dan suatu kepentingan atau pilihan termasuk di bawah perenggan kecil (a) atau (b), walaupun saham-saham yang dimaksudkan oleh kepentingan atau pilihan itu, sehingga penukaran atau penggunaan pilihan itu, belum diterbitkan.

(4) Bagi maksud-maksud perenggan ini, suatu kepentingan yang dipegang bagi pihak suatu perusahaan hendaklah disifatkan sebagai dipegang olehnya.

(5) Bagi maksud-maksud Bahagian ini —

(a) hendaklah dikaitkan dengan suatu perusahaan sebarang kepentingan yang dipegang oleh mana-mana perusahaan subsidiarinya; dan

(b) sebutan dalam perenggan kecil (1) kepada maksud dan aktiviti-aktiviti suatu perusahaan hendaklah dianggap termasuk maksud-maksud dan aktiviti-aktiviti mana-mana perusahaan subsidiarinya dan kumpulan itu keseluruhannya.

Saham.

8. (1) Dalam Bahagian ini, sebutan-sebutan kepada saham-saham —

(a) berkenaan dengan suatu perusahaan dengan modal saham, adalah sebutan-sebutan kepada saham-saham yang diperuntukkan;

(b) berkenaan dengan suatu perusahaan dengan tiada modal saham, adalah sebutan-sebutan kepada hak terhadap saham-saham dalam modal perusahaan itu;

(c) berkenaan dengan suatu perusahaan tanpa modal, adalah sebutan-sebutan kepada kepentingan —

- (i) yang memberikan sebarang hak untuk berkongsi keuntungan atau tanggungan untuk menyumbang terhadap kerugian perusahaan itu;
- (ii) yang menimbulkan kewajipan untuk menyumbang terhadap hutang atau perbelanjaan perusahaan itu sekiranya berlaku penggulungan;
- (iii) yang dibenarkan oleh undang-undang yang di bawahnya perusahaan itu ditubuhkan.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam perenggan ini menyentuh pengertian ungkapan "sebenarnya menggunakan pengaruh yang besar" dalam perenggan 5(1)(f).

Hak hanya boleh dijalankan dalam hal keadaan tertentu atau tidak dapat dijalankan buat sementara waktu.

9. (1) Hak-hak yang hanya boleh dijalankan dalam hal keadaan tertentu hendaklah diambil kira bagi maksud-maksud Bahagian ini sahaja —

(a) apabila hal keadaan itu timbul, dan selama mana hak-hak itu terus didapatkan; atau

(b) apabila hal keadaan itu berada di bawah kawalan orang yang mempunyai hak-hak itu.

(2) Hak-hak yang biasanya boleh dijalankan tetapi buat sementara waktu tidak dapat dijalankan hendaklah terus diambil kira.

Hak dipegang oleh seorang bagi pihak orang lain.

10. (1) Hak-hak yang dipegang oleh seseorang atas sifat fidusiari hendaklah dianggap bagi maksud-maksud Bahagian ini sebagai tidak dipegang olehnya.

(2) Hak-hak yang dipegang oleh seseorang sebagai penama bagi pihak orang lain hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud Bahagian ini sebagai dipegang oleh orang lain itu.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(3) Hak-hak hendaklah dianggap sebagai dipegang sebagai penama bagi pihak orang lain jika hak-hak itu hanya boleh dijalankan atas arahan ini atau dengan keizinan atau persetujuannya.

Hak dikenakan kepada saham-saham yang dipegang sebagai jaminan.

11. Hak-hak yang dikenakan kepada saham-saham yang dipegang sebagai jaminan hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud Bahagian ini sebagai dipegang oleh orang yang memberikan jaminan itu —

(a) jika, selain dari hak untuk menjalankannya bagi maksud-maksud untuk mengekalkan nilai jaminan itu, atau untuk merealisasikannya, maka hak-hak itu hanya boleh dijalankan menurut arahan; dan

(b) jika saham-saham dipegang berhubung dengan pemberian pinjaman sebagai sebahagian dari aktiviti-aktiviti perniagaan biasa dan, selain dari hak untuk menjalankannya bagi maksud-maksud untuk mengekalkan nilai jaminan itu, atau untuk merealisasikannya, maka hak-hak itu hanya boleh dijalankan bagi kepentingannya.

Hak dikaitkan dengan perusahaan induk.

12. (1) Hak-hak hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud Bahagian ini sebagai dipegang oleh suatu perusahaan induk jika hak-hak itu dipegang oleh mana-mana perusahaan subsidiarinya.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam perenggan-perenggan 13 atau 14 boleh ditafsirkan sebagai menghendaki hak-hak yang dipegang oleh suatu perusahaan induk disifatkan sebagai dipegang oleh mana-mana perusahaan subsidiarinya.

(3) Bagi maksud-maksud perenggan 14, hak-hak hendaklah disifatkan sebagai boleh dijalankan menurut arahan, atau bagi kepentingan suatu perusahaan jika hak-hak itu boleh dijalankan menurut arahan atau, mengikut mana yang berkenaan, bagi kepentingan mana-mana perusahaan kumpulan.

Perusahaan kumpulan.

13. Dalam Bahagian ini "perusahaan kumpulan", berkenaan dengan suatu perusahaan, bermakna suatu perusahaan yang merupakan —

(a) perusahaan induk atau subsidiari perusahaan itu; atau

(b) perusahaan subsidiari mana-mana perusahaan induk perusahaan itu; dan sebutan-sebutan kepada suatu kumpulan hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Pengenepian hak tertentu.

14. Bagi maksud-maksud Bahagian ini, hak mengundi dalam suatu perusahaan hendaklah dianggap sebagai dikurangkan dengan sebarang hak yang dipegang oleh perusahaan itu sendiri.

Perusahaan yang bukan syarikat.

15. Tertakluk kepada sebarang peruntukan tertentu yang dibuat oleh Bahagian ini, ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Bahagian ini yang bersesuaian dengan syarikat-syarikat hendaklah ditafsirkan, berhubung dengan suatu perusahaan yang bukan syarikat, sebagai sebutan-sebutan kepada orang, pegawai atau organ yang sama, mengikut mana yang berkenaan, yang bersesuaian dengan jenis perusahaan itu.

JADUAL KEDUA
(bab 3(7))

TAKRIFAN ISTILAH TAKAFUL

Am

1. (1) "Sijil-sijil" termasuk sebarang kontrak takaful sama ada atau tidak terkandung dalam atau dibuktikan dengan suatu suratcara dalam bentuk suatu sijil, dan sebutan-sebutan kepada mengeluarkan suatu sijil hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(2) Sebutan-sebutan kepada suatu sijil pengendali takaful termasuk sebarang sijil yang berkaitan dengannya pengendali takaful tersebut berada di bawah sebarang liabiliti, sama ada sijil itu dikeluarkan oleh pengendali takaful tersebut atau liabiliti itu dipindahkan kepada pengendali takaful tersebut daripada pengendali takaful lain.

2. (1) Tertakluk kepada perenggan ini dan bab 19(3) dan (4) dari Perintah itu, "sijil Negara Brunei Darussalam", berkenaan dengan mana-mana pengendali takaful, bermakna suatu sijil yang dikeluarkan dalam masa perniagaan pengendali takaful tersebut di Negara Brunei Darussalam dan termasuk di bawah salah satu perihalan yang berikut —

(a) suatu sijil takaful keluarga atau sijil kemalangan diri yang dalam hal tersebut, pada tarikh sijil itu dikeluarkan dan (jika sijil itu dikeluarkan sebelum itu) pada tarikh daftar sijil-sijil Negara Brunei Darussalam pengendali takaful tersebut diadakan, alamat peserta adalah suatu alamat di Negara Brunei Darussalam;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(b) berkenaan dengan takaful am langsung (selain dari sijil-sijil kemalangan diri) dan takaful semula am fakultatif, suatu sijil yang dalam hal tersebut risiko timbul di Negara Brunei Darussalam atau jika peserta adalah seorang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam atau mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Brunei Darussalam;

(c) berkenaan dengan takaful semula am triti, suatu sijil yang dalam hal tersebut lebih 10 peratus dari jumlah risiko dari segi sumbangan kasar timbul di Negara Brunei Darussalam.

(2) Dalam perenggan ini —

(a) sebarang sijil yang tergolong dalam perniagaan keluarga pengendali takaful tersebut hendaklah dianggap sebagai suatu sijil perniagaan keluarga, dan bukan sebagai suatu sijil dalam sebarang perihalan lain;

(b) "bangunan tetap" bermakna suatu tempat tetap di mana suatu perniagaan dijalankan seluruhnya atau sebahagianya termasuk —

(a) tempat pengurusan;

(b) cawangan;

(c) pejabat;

(d) kilang;

(e) gudang;

(f) bengkel;

(g) kebun atau perladangan;

(h) lombong, telaga minyak, kuari atau tempat pengeluaran lain sumber alam;

(i) tapak bangunan atau kerja atau projek pembinaan, instalasi atau pemasangan; dan

tanpa menjaskan keluasan makna perenggan yang tersebut di atas, seseorang itu hendaklah dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Brunei Darussalam jika orang itu —

(j) menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan berhubung dengan tapak bangunan atau kerja atau projek pembinaan, instalasi atau pemasangan; atau

(k) meminta supaya orang lain bertindak bagi pihak orang itu di Negara Brunei Darussalam yang —

- (i) telah dan biasanya menjalankan kuasa untuk membuat kontrak;
- (ii) menyelenggara suatu stok barang-barang atau dagangan untuk tujuan penyerahan bagi pihak orang itu; atau
- (iii) biasanya memperoleh pesanan seluruhnya atau hampir seluruhnya untuk orang itu atau untuk perusahaan lain yang dikawal oleh orang itu;

(c) "alamat peserta" bermakna alamat yang pada masa itu diketahui oleh pengendali takaful tersebut sebagai alamat untuk menyampaikan kepada peserta mengenai sijil itu;

(d) "bermastautin di Negara Brunei Darussalam" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 2 dari Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35); dan

(e) jika sebarang risiko adalah dalam transit di Negara Brunei Darussalam risiko itu hendaklah dianggap sebagai risiko di luar Negara Brunei Darussalam,

tetapi perenggan kecil (1)(a) hendaklah dikenakan kepada suatu sijil takaful semula seolah-olah sebutan-sebutan kepada tarikh sijil itu dikeluarkan dan alamat peserta merujuk kepada sijil yang di bawahnya liabiliti takaful semula itu timbul pada akhirnya.

3. "Peserta" bermakna, jika suatu sijil telah diserah hak, penerima serah hak pada masa itu dan, jika mereka berhak mendapat manfaat dari sijil itu terhadap pengendali takaful, wakil-wakil diri harta pusaka peserta yang telah mati.

4. "Wang sijil" termasuk sebarang manfaat, dengan wang atau tidak, yang dijamin oleh suatu sijil, dan "membayar" dan ungkapan-ungkapan lain, jika digunakan berkenaan dengan wang sijil, hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Takrifan berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga

5. "Perniagaan takaful keluarga kumpulan boleh batal" bermakna perniagaan takaful keluarga suatu kumpulan orang jika ditulis dengan tempoh boleh diperbaharui pada tiap-tiap tahun dan jika kontrak itu boleh ditamatkan sama ada oleh peserta atau pengendali takaful pada sebarang ulang tahun sijil.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6. "Sijil keluarga" bermakna sebarang sijil yang melindungi pembayaran wang sijil atas kematian (melainkan dengan cara takaful terhadap kemalangan diri, penyakit atau sakit sahaja) atau atas berlakunya sebarang kontingensi bergantung kepada penamatatan atau penerusan nyawa manusia, dan termasuk suatu sijil yang tertakluk kepada pembayaran sumbangan untuk suatu tempoh bergantung kepada penamatatan atau penerusan nyawa manusia dan suatu sijil yang menjamin pemberian suatu anuiti untuk tempoh tersebut.

7. "Sijil penyertaan" bermakna suatu sijil keluarga yang memberikan sebarang hak untuk berkongsi keuntungan atau lebihan yang timbul dari perniagaan pengendali takaful atau mana-mana bahagiannya, dan "sijil tanpa penyertaan" bermakna suatu sijil keluarga yang tidak memberikan sebarang hak tersebut.

Takrifan berkaitan dengan perniagaan takaful am

8. "Sijil liabiliti majikan" bermakna pengeluaran atau akuanji liabiliti di bawah sijil-sijil yang melindungi majikan dari liabiliti untuk membayar pampasan atau gantirugi kepada pekerja yang mereka gaji tetapi tidak termasuk sebarang perniagaan yang dijalankan yang hanya bersampingan dengan perniagaan takaful marin, penerbangan dan transit.

9. "Sijil takaful marin, penerbangan atau transit" bermakna suatu sijil takaful —

(a) ke atas vesel atau pesawat udara, atau ke atas jentera, takal, perabot atau kelengkapan vesel atau pesawat udara;

(b) ke atas barang-barang, dagangan atau harta dalam sebarang perihalan apa pun (menurut Hukum Syara') di dalam vesel atau pesawat udara;

(c) ke atas muatan, atau sebarang kepentingan lain ke atas atau berhubung dengan, vesel atau pesawat udara;

(d) terhadap kerosakan yang timbul dari atau berhubung dengan penggunaan vesel atau pesawat udara, termasuk risiko pihak ketiga;

(e) terhadap risiko yang bersampingan dengan pembinaan, pembaikan atau pendokan vesel, termasuk risiko pihak ketiga; atau

(f) terhadap risiko transit (sama ada transit itu adalah dengan jalan laut, perairan pedalaman, darat atau udara, atau sebahagiannya dengan satu jalan dan sebahagiannya lagi dengan jalan lain) termasuk risiko yang bersampingan dengan transit yang diinsuranskan dari bermulanya transit hingga destinasi terakhir yang diliputi oleh takaful tersebut.

10. "Perniagaan takaful kenderaan bermotor" bermakna perniagaan membuat kontrak takaful terhadap kerugian, atau kerosakan kepada atau yang timbul dari atau berhubung dengan penggunaan kenderaan bermotor, termasuk risiko pihak ketiga.

JADUAL KETIGA
(bab-bab 5(3), 16(7)(c), 23(3)(a) dan (4))

**ASET NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG DIBENARKAN
UNTUK DANA TAKAFUL**

Aset Negara Brunei Darussalam (menurut Hukum Syara') yang dibenarkan untuk dana takaful boleh termasuk seperti berikut:

1. Bon Kerajaan yang diterbitkan oleh Kerajaan dan aset lain sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa.
2. Saham-saham dalam, atau sekuriti-sekuriti sesebuah syarikat.
3. Estet atau kepentingan ke atas tanah di Negara Brunei Darussalam dan, sehingga nilai sekuriti itu, pendahuluan, pinjaman dan kemudahan pembiayaan semuanya dijamin atas sebarang estet atau kepentingan tersebut.
4. Sebarang matawang Negara Brunei Darussalam, dan sebarang amaun yang kena dibayar dalam matawang itu yang dipegang atas akaun semasa atau akaun deposit di Negara Brunei Darussalam dengan sesebuah bank yang dilesenkan di bawah Perintah Perbankan, 2006 (S 45/06) atau Perintah Perbankan Islam, 2008, atau dengan institusi kewangan lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.
5. Pinjaman atau pelaburan lain di atau berhubung dengan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

JADUAL KEEMPAT

PENYATA OLEH PENGENDALI TAKAFUL
(bab 60(1))

BAHAGIAN I

DOKUMEN-DOKUMEN HENDAKLAH DISERAHKAN PADA TIAP-TIAP TAHUN

1. (1) Pengendali takaful, bagi mematuhi bab 60(1), hendaklah menyerahkan penyata akaun dan penyata lain yang disebutkan dalam perenggan ini.

(2) Hendaklah diserahkan bagi tiap-tiap tempoh perakaunan —

(a) suatu pernyataan bahawa pengendali takaful tersebut telah, dalam tempoh perakaunan yang berkaitan, mematuhi peruntukan-peruntukan bab 5(2)(b) dan (c);

(b) oleh pengendali takaful yang didaftarkan berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga atau perniagaan takaful am, suatu akaun hasil berkaitan dengan perniagaan itu; dan

(c) oleh mana-mana pengendali takaful, suatu akaun untung rugi bagi keseluruhan perniagaan pengendali takaful tersebut, berserta dengan kunci kira-kira yang berasingan, sehingga akhir tempoh perakaunan itu, bagi setiap kelas perniagaan takaful yang berkaitan dengannya pengendali takaful tersebut didaftarkan:

Dengan syarat bahawa dalam hal suatu syarikat yang diperbadankan atau ditubuhkan di luar Negara Brunei Darussalam, akaun dan kunci kira-kira tersebut tidak perlu menunjukkan hasil perniagaan atau hasil berhubung dengan perniagaan selain dari perniagaan takaful yang baginya syarikat itu menyelenggara suatu dana takaful di bawah Perintah ini.

(3) Hendaklah diserahkan —

(a) oleh pengendali takaful yang didaftarkan berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga, penyata bagi tiap-tiap tempoh perakaunan dengan memberikan, berhubung dengan sijil-sijil yang tergolong dalam kelas perniagaan itu, butir-butir —

(i) tentang pengeluaran sijil-sijil baru dalam tempoh itu;

(ii) tentang penamatan atau pengurangan liabiliti, atau sumbangan takaful atas sijil-sijil dalam tempoh itu, dan pemindahan sijil-sijil kepada atau dari daftar dalam tempoh itu; dan

(iii) tentang sijil-sijil yang berkuatkuasa pada akhir tempoh itu;

(b) oleh pengendali takaful yang didaftarkan berkaitan dengan perniagaan takaful am, penyata bagi tiap-tiap tempoh perakaunan dengan memberikan berhubung dengan sijil-sijil yang tergolong dalam kelas perniagaan itu butir-butir tentang sumbangan dan tuntutan; dan

(c) oleh pengendali takaful yang didaftarkan berkaitan dengan salah satu kelas perniagaan, penyata bagi tiap-tiap tahun kalender dengan memberikan butir-butir aset yang dipegang pada penghujung tiap-tiap tahun sebagai aset dana takaful yang diselenggarakan bagi kelas perniagaan itu.

(4) Peraturan-peraturan boleh mengubahsuai perenggan kecil (3)(c) supaya ia menghendaki penyata aset suatu dana takaful dibuat bagi sebahagian dari tahun kalendar sebagai ganti seluruh tahun.

(5) Penyata yang dikehendaki oleh perenggan kecil (3)(c) hendaklah dikecualikan dari bab 61(1) dan (2).

2. (1) Dengan sebarang akaun dan kunci kira-kira yang diserahkan di bawah perenggan 1, maka hendaklah diserahkan suatu perakuan juruaudit yang ditandatangani olehnya dan dimaklumkan kepada Pihak Berkuasa dan dengan menyatakan sama ada pada pendapatnya —

(a) akaun dan kunci kira-kira itu adalah menurut Perintah ini;

(b) kunci kira-kira itu menggambarkan dengan sebenarnya kedudukan kewangan pengendali takaful tersebut; dan

(c) buku-buku pengendali takaful tersebut telah sempurna disimpan dan merekodkan dengan betul urusan dan transaksi pengendali takaful tersebut:

Dengan syarat bahawa jika pengauditan itu tidak meliputi keseluruhan perniagaan pengendali takaful tersebut, perakuan itu hendaklah, berhubung dengan perenggan-perenggan kecil (b) dan (c), diberikan tertakluk kepada suatu batasan yang bersesuaian.

(2) Perakuan juruaudit itu hendaklah juga menyatakan —

(a) sama ada dalam tempoh perakaunan yang berkaitan mana-mana bahagian aset dana atau dana-dana takaful yang diselenggarakan di bawah Perintah ini telah digunakan dengan melanggar bab 20, dan sama ada dalam tempoh itu bab 23 telah dipatuhi berkenaan dengan aset itu dan sebarang aset yang termasuk di bawah bab 23(6);

(b) berhubung dengan dokumen-dokumen yang membuktikan hakmilik pengendali takaful tersebut terhadap sebarang aset itu sama ada ia telah memeriksa dokumen-dokumen yang dipegang oleh atau bagi pihak pengendali takaful tersebut di dalam Negara Brunei Darussalam, dan sama ada ia telah mendapat maklumat yang memuaskan tentang di mana sebarang dokumen lain berada dan disimpan, dengan menyatakan sama ada pengendali takaful tersebut telah mematuhi kehendak-kehendak bab 27;

(c) sama ada semua pengagihan yang perlu dan sepatutnya telah dibuat dalam menyediakan akaun dan kunci kira-kira itu, dan telah dibuat dengan cara yang saksama; dan

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(d) perlenggaran lain Perintah ini yang mungkin diketahui semasa menjalankan pengauditan.

3. Berkaitan dengan pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful keluarga, suatu perakuan yang berasingan daripada aktuarinya yang menyatakan sama ada atau tidak pada pendapatnya liabiliti perniagaan takaful keluarganya melebihi amaun yang ditunjukkan dalam kunci kira-kira itu patut dimasukkan.

BAHAGIAN II

DOKUMEN-DOKUMEN HENDAKLAH DISERAHKAN ATAS PENYIASATAN AKTUARI TENTANG PERNIAGAAN TAKAFUL KELUARGA

4. (1) Pengendali takaful yang didaftarkan berkaitan dengan perniagaan takaful keluarga bagi mematuhi bab 61(1) dalam hal sebarang penyiasatan aktuari, hendaklah menyerahkan dokumen-dokumen yang disebutkan dalam perenggan ini.

(2) Hendaklah diserahkan suatu ringkasan laporan aktuari, yang akan ditandatangani oleh aktuari itu dan hendaklah memasukkan —

(a) suatu ringkasan dan penilaian sijil-sijil sehingga tarikh penyiasatan; dan

(b) suatu kunci kira-kira penilaian sehingga tarikh perniagaan yang disebut dalam laporan itu.

(3) Hendaklah diserahkan suatu perakuan oleh aktuari itu, yang ditandatangani olehnya, bahawa dia telah berpuas hati tentang ketepatan penilaian yang dibuat bagi maksud-maksud penyiasatan itu dan tentang penilaian itu dibuat menurut Perintah ini, dan tentang ketepatan data yang atasnya penilaian itu diasaskan:

Dengan syarat bahawa, jika aktuari itu bukan seorang pegawai tetap pengendali takaful tersebut, perakuan itu hendaklah, setakat mana ia berkaitan dengan ketepatan data yang atasnya penilaian itu diasaskan, diberikan dan ditandatangani oleh atau bagi pihak pegawai utama pengendali takaful tersebut di Negara Brunei Darussalam, dan aktuari itu hendaklah dalam bahagian perakuannya menyatakan langkah-langkah yang diambil olehnya bagi memastikan ketepatan data.

(4) Hendaklah diserahkan penyata-penyata yang ditandatangani oleh aktuari yang menganalisis, sehingga tarikh penyiasatan, kedudukan berhubung dengan sijil-sijil dan sumbangan-sumbangan perniagaan yang disebut dalam laporan itu.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, BENTUK DAN ISI KANDUNGAN

5. (1) Suatu dokumen yang akan diserahkan oleh pengendali takaful hendaklah diserahkan dengan menghantar 5 salinannya kepada Pihak Berkuasa (melainkan jika dokumen itu sendiri dikehendaki oleh Jadual ini untuk ditandatangani), sekurang-kurangnya satu salinannya hendaklah ditandatangani oleh 2 orang pengarah daripada pengarah-pengarah pengendali takaful tersebut dan oleh atau bagi pihak pegawai utama pengendali takaful tersebut di Negara Brunei Darussalam.

(2) Orang-orang yang menandatangani sebarang kunci kira-kira hendaklah memperakui bahawa atas kepercayaan mereka aset yang dinyatakan dalam kunci kira-kira itu adalah sepenuhnya mengikut nilai yang dinyatakan dalam kunci kira-kira itu, tolak sebarang dana rizab pelaburan yang diambil kira; dan mereka hendaklah juga sama ada memperakui bahawa dalam tempoh perakaunan yang berkaitan tiada bahagian aset dari dana takaful telah digunakan dengan melanggar bab 20, dan bahawa dalam tempoh itu, bab 23 telah dipatuhi berkenaan dengan aset itu dan sebarang aset yang termasuk di bawah bab 23(6), atau hendaklah menyatakan kekecualian-kekecualian.

(3) Orang-orang yang menandatangani suatu kunci kira-kira berhubung dengan perniagaan takaful keluarga hendaklah memperakui bahawa dalam tempoh perakaunan yang berkaitan peruntukan-peruntukan bab 87(5) berkenaan dengan pendepositon baki wang sijil dengan Pihak Berkuasa telah dipatuhi.

6. Suatu dokumen hendaklah diserahkan dalam masa 3 bulan dari tarikh yang berkaitan, atau dalam suatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa (tetapi tidak melebihi, kecuali dalam hal dokumen-dokumen yang hendak diserahkan terlebih dahulu oleh pengendali takaful yang sedia ada, 6 bulan dari tarikh yang berkaitan); dan bagi maksud ini tarikh yang berkaitan adalah tarikh yang disebut dalam dokumen itu atau, dalam hal suatu akaun atau penyata bagi suatu tempoh perakaunan, penghujung tempoh itu:

Dengan syarat bahawa Pihak Berkuasa, setelah berpuas hati bahawa urusan mana-mana pengendali takaful dijalankan secara yang mungkin memudarangkan kepentingan awam, kepentingan peserta-peserta atau kepentingan pengendali takaful tersebut, boleh dalam sebarang hal itu menyatakan suatu tempoh yang lebih pendek dari 6 bulan bagi maksud-maksud perenggan ini.

7. Suatu dokumen hendaklah dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, dan hendaklah (berhubung dengan kesemua 5 salinan) sama ada dicetak atau, dengan kebenaran Pihak Berkuasa, dikeluarkan dengan alat mekanik lain yang dibenarkan olehnya.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

8. Jika menurut Jadual ini suatu dokumen dikehendaki untuk ditandatangani oleh atau bagi pihak pegawai utama pengendali takaful tersebut di Negara Brunei Darussalam, dokumen itu hendaklah, jika tidak ditandatangani oleh orang itu, ditandatangani oleh salah seorang pegawai pengendali takaful tersebut di Negara Brunei Darussalam yang telah diberitahu kepada Pihak Berkuasa sebagai mempunyai kuasa bagi maksud-maksud Jadual ini untuk menandatangani sebagai ganti pegawai utama di Negara Brunei Darussalam.

9. (1) Tertakluk kepada perenggan-perenggan kecil yang berikut, suatu dokumen hendaklah dalam borang yang ditetapkan dan mengandungi butir-butir yang ditetapkan dan disediakan menurut peraturan-peraturan, termasuk peraturan-peraturan tentang cara bagaimana sebarang penilaian hendak dibuat atau cara bagaimana sebarang urusan hendak ditangani.

(2) Pihak Berkuasa boleh dalam sebarang hal tertentu memberarkan supaya sebarang kehendak peraturan-peraturan di bawah perenggan kecil (1) tidak payah dipatuhi sebagaimana yang difikirkannya patut, jika dia berpuas hati bahawa tujuan dokumen yang berkenaan itu walau bagaimanapun sebahagian besarnya akan dipenuhi.

(3) Tanpa menjelaskan perenggan kecil (2), jika suatu ringkasan laporan aktuari hendak diserahkan mengenai suatu penyiasatan yang dibuat kecuali bagi mematuhi bab 61(1), ringkasan itu boleh menepati peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan kecil (1), tertakluk kepada sebarang pengubahsuaian yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa dengan mengambil kira tujuan penyiasatan aktuari itu dan bentuk dan isi kandungan laporannya.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 30 haribulan September, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**